

DR.26.7.2001

[DOKUMEN INI BELUM DISEMAK]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Khamis, 26 Julai 2001

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Muhamad bin Abdullah)
mempengerusikan Mesyuarat]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Datuk Lau Ngan Siew [Sandakan]** minta Menteri Pendidikan menyatakan berapa buah sekolahkah akan dibina di Sabah di dalam RMK-8, di manakah lokasi-lokasi tersebut telah dikenal pasti dan bilakah pembinaan sekolah-sekolah ini akan dimulakan. Berapakah anggaran peruntukan yang akan disalurkan untuk pembinaan sekolah-sekolah tersebut.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan [Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir]: Tuan Yang di-Pertua, dalam Rancangan Malaysia Kelapan bilangan sekolah rendah yang akan dibina di Sabah ialah sebanyak 61 buah iaitu empat projek baru, 41 projek gantian dan 16 projek tambahan.

Sementara bagi sekolah menengah pula sebanyak 37 buah sekolah akan dibina yang meliputi 12 projek baru, 19 projek gantian dan 6 projek tambahan. Lokasi bagi pembinaan sekolah-sekolah tersebut meliputi seluruh daerah di Sabah dengan anggaran perbelanjaan sebanyak RM691.63 juta. Pembinaan sekolah-sekolah tersebut akan dimulakan seba ik sahaja urusan perolehan tapak diselesaikan.

Untuk saya senaraikan itu terlalu panjang, Tuan Yang di-Pertua, oleh itu, saya telah pun sebutkan perkara-perkara itu. Terima kasih.

Datuk Lau Ngan Siew: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kementerian Pendidikan menetapkan satu polisi untuk membina sekolah dan perumahan guru secara serentak bagi membantu menjimatkan lagi kos guru-guru yang bertugas jauh dari tempat tinggal mereka. Jika ada, berapa buah pembinaan sekolah dan kuarters guru yang telah dibina di seluruh Sabah setakat ini. Sekian, terima kasih.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Terima kasih Yang Berhormat bagi Sandakan. Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan dasar kita tidak ada dasar tetapi seboleh-bolehnya kita akan adakan bangunan rumah-rumah guru seperti mana yang saya sebut pada masa yang lampau. Tetapi saranan yang dibuat oleh Yang Berhormat tadi kita akan ambil kira mengenainya. Walau bagaimanapun, rumah-rumah guru di Sabah tetap kita akan terus pembinaannya khususnya di kawasan-kawasan pedalaman.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sekolah menengah mempunyai pelbagai jenis, ada sekolah bestari, ada sekolah menengah sains, ada sekolah berasrama penuh, ada sekolah agama Islam. Di antara sekolah ini apakah jenis sekolah yang paling menonjol ataupun yang boleh menghasilkan penuntut-penuntut dari segi pencapaian. Apakah kerajaan akan mengkaji mengenai dengan sekolah yang terbaik ini dan bercadang untuk membina jenis sekolah misalnya sekolah bestari secara keseluruhan ataupun sains secara keseluruhan atau asrama penuh secara keseluruhan kerana yang kita pentingkan ialah pencapaian murid-murid untuk mendapat ilmu yang paling baik di negara ini. Terima kasih.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Terima kasih Yang Berhormat bagi Sipitang. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kita adakan sekolah-sekolah bestari misalnya ialah dengan tujuan untuk memperkenalkan kaedah yang baru iaitu melalui penggunaan komputer dan juga kaedahnya itu kita merasai begitu berkesan sekali. Manakala sekolah-sekolah yang berasrama penuh pula adalah dengan harapan bahawa kita hendak memberi peluang kepada penuntut-penuntut di luar bandar terutama sekali untuk dapat menggunakan segala kemudahan di sekolah-sekolah tersebut tidak seperti yang terdapat di kawasan-kawasan mereka.

Walaupun bagaimanapun, apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi mengenai dengan pencapaian sekolah-sekolah kita memang begitu prihatin mengenai dengan prestasi penuntut-penuntut di luar bandar terutama sekali, tetapi tidaklah boleh kita mengatakan bahawa sekolah-sekolah sama ada berasrama penuh, sekolah bestari atau sekolah agama memang kita tahu pencapaiannya begitu baik jika dibandingkan dengan sekolah-sekolah tanpa asrama. Tetapi terdapat juga sekolah-sekolah yang tidak diklasifikasikan apa-apa jenis ini pencapaiannya baik juga.

Walau bagaimanapun, saya kira di sekolah-sekolah luar bandar kita beri perhatian penuh, dengan itu kita menghantar guru-guru yang terlatih khususnya dalam bidang-bidang tertentu. Di sini kita perhatikan bahawa sekolah-sekolah di luar bandar kita dapati masih pencapaiannya itu agak berbeza daripada sekolah-sekolah di bandar. Ini mungkin juga daripada suasana, keadaan dan juga kemudahan-kemudahan untuk mereka, kelas-kelas tuisyen seumpamanya. Tetapi kita pihak kerajaan akan menggalakkan perkara ini khususnya kalau sekolah-sekolah itu mempunyai PIBG dan sebagainya serta juga dengan bantuan guru-guru sekolah dapat mencari penyelesaian untuk bagaimana mempertingkatkan lagi dari masa ke semasa prestasi sekolah-sekolah tersebut.

2. **Tuan Tiong Thai King [Lanang]** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan mengikut laporan agensi Sweden yang terbaru mengenai daya persaingan perdagangan antarabangsa, kedudukan Malaysia pada tangga yang ke-27 telah diturunkan kepada ke-29, bagaimana kerajaan menangani masalah ini bagi meningkatkan daya persaingan negara kita dalam pasaran perdagangan antarabangsa.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datuk Fu Ah Kiow]: Tuan Yang di-Pertua, saya memohon untuk menjawab soalan Ahli Yang Berhormat bagi Lanang bersama dengan soalan Ahli Yang Berhormat bagi Tambun yang dijadualkan pada 1 Ogos 2001 kerana keduanya menyentuh perkara yang sama.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sila.

Datuk Fu Ah Kiow: Tuan Yang di-Pertua, menurut World Competitiveness Year Book 2001, pada tahun 2001 Malaysia menduduki tangga 29 dalam senarai kedudukan daya persaingan antarabangsa berbanding dengan 27 dalam tahun 2000. Walau bagaimanapun, kedudukan daya saingan seperti yang dilaporkan mempunyai komponen-komponen yang subjektif berasaskan kepada persepsi atau anggapan responden-responden tertentu yang ditemui dalam tinjauan yang dibuat oleh penerbit dalam menyediakan laporan berkenaan. Selain daripada penemuan laporan berkenaan kita juga perlu merujuk kepada petunjuk-petunjuk lain yang lebih objektif untuk mendapatkan gambaran situasi sebenar. Kedudukan daya saing negara yang sebenar dapat dilihat daripada perangkaan mengenai perdagangan, produktiviti dan pelaburan.

Eksport Malaysia pada tahun 2000 telah meningkat sebanyak 16.1% pada RM373.3 bilion menempatkan Malaysia di tangga ke-17 negara pengeksport

terbesar di dunia berbanding dengan tangga ke-40 pada tahun 1973. Bagi tempoh 1991 hingga 2000 Malaysia mencatatkan pertumbuhan produktiviti sebanyak 3.7% melebihi kadar pertumbuhan beberapa negara utama Pertubuhan Kerjasama Ekonomi dan Pembangunan (OECD) seperti:

Amerika Syarikat	- 1.9%,
United Kingdom	- 1.7%
German	- 1.5%
Italy	- 1.5%
Kanada	- 1.3%
Pranchis	- 1.1%; dan
Jepun	- 1%

Dari segi pelaburan pada tahun 1999 Malaysia telah menarik pelaburan asing bernilai sebanyak USD3,532 juta iaitu merupakan peningkatan sebanyak 130.2% berbanding dengan USD2,332 juta pada tahun 1990. Tahap pelaburan Malaysia pada tahun 1999 adalah melebihi negara-negara lain seperti Taiwan sebanyak USD2,926 juta, India - USD2,168 juta, Filipina - USD737 juta.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun begitu kerajaan akan terus menumpukan perhatian terhadap langkah-langkah memperbaiki persekitaran operasi pengeluaran dan perniagaan-perniagaan syarikat dan pengeluar-pengeluar tempatan supaya daya persaingan negara dapat terus dipertingkatkan dari masa ke semasa. Di antara langkah-langkah tersebut termasuklah mengadakan program-program untuk meningkatkan produktiviti serta mutu pengeluaran, menggalakkan lebih nilai tambah dalam pengeluaran, mengawal peningkatan kos perniagaan dari segi kos utiliti dan perkhidmatan kemudahan, meningkatkan mutu perkhidmatan kerajaan, mengadakan kursus dan latihan untuk meningkatkan kemahiran pekerja-pekerja tempatan, menubuhkan jawatankuasa kebangsaan mengenai daya persaingan perniagaan yang dianggotai oleh kementerian-kementerian dan agensi-agensi kerajaan, persatuan perniagaan dan tokoh-tokoh industri bagi memantau kedudukan daya saing industri tempatan.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menyatakan menggunakan faktor-faktor lain dalam menentukan daya saing, di antaranya perdagangan, pertumbuhan FDI. Mengikut unjuran kerajaan tidakkah faktor-faktor ini

akan merosot pada tahun ini dan adakah ini bermakna bahawa daya saing negara akan menurun pada hujung tahun ini.

Datuk Fu Ah Kiow: Tuan Yang di-Pertua, faktor-faktor yang – adakah disebutkan komponen-komponen faktor-faktor subjektif itu. Boleh ulangi faktor-faktor itu?

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menyatakan laporan yang dibuat oleh badan Sweden ini begitu subjektif dan Yang Berhormat mengatakan kita menggunakan faktor-faktor lain, antaranya perdagangan negara, kemudian pertumbuhan negara yang lebih tinggi daripada Amerika Syarikat dan FDI. Dan saya difahamkan bahawa sektor-sektor ini akan mengalami kemerosotan pada tahun ini, dan adakah ini menandakan bahawa daya saing negara akan mengalami kemerosotan yang lebih pada hujung ini?

Datuk Fu Ah Kiow: Tuan Yang di-Pertua, antara faktor-faktor yang saya sebutkan tadi misalnya eksport Malaysia mungkin tidak mencatat apa yang telah dijangkakan pada peringkat awal oleh kelembapan ekonomi Amerika Syarikat di mana pertumbuhan telah mengalami angka yang lebih rendah daripada apa yang dijangka. Untuk FDI setakat ini, pada tahun ini kita masih mendapat permohonan untuk pelaburan di sektor perindustrian pada tahap 'lapan bilion ringgit' dan kebanyakan adalah daripada pelabur asing. Bagaimana pun, kerajaan sedang mempertingkatkan eksport Malaysia di Pasaran seperti West Asia, Barat Timur di mana kita dapati peluang adalah lebih banyak berbanding pasaran tradisional seperti Amerika dan persatuan-persatuan Eropah di mana kita telah pun berusaha, nampaknya peluang dalam pasaran Amerika mungkin terhad dan kita perlu mempertingkatkan usaha di pasaran lain. Sekian, terima kasih.

Dato' Hoo Seong Chang: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ucapkan tahniah kepada kementerian kerana ada mengambil langkah-langkah untuk meningkatkan pelaburan antarabangsa dan sebagainya. Apabila kita sebut tentang daya persaingan perdagangan antara bangsa harus kita memperkukuhkan lagi produktiviti pengeluaran dan jumlah eksport negara kita. Walaupun tadi Yang Berhormat telah menyebutkan bahawa kita harus mengadakan pasaran yang lebih luas selain daripada negara Amerika dan sebagainya.

Cuma saya ingin tahu dari segi pasaran antarabangsa kerana apabila kita lihat dari segi ekonomi antarabangsa adakah ekonomi antarabangsa yang kurang baik pada masa sekarang ini akan menjejaskan jumlah eksport negara kita dan

bagaimana persiapan negara kita untuk kita menghadapi khususnya AFTA dan WTO? Sekian, terima kasih.

Datuk Fu Ah Kiow: Tuan Yang di-Pertua, selain daripada meningkatkan usaha, meningkatkan eksport, usaha yang kita lebih memberatkan pada masa akan datang ialah terhadap produktiviti dalam pengeluaran kita dan juga dalam kos perniagaan kita untuk syarikat-syarikat Malaysia. Oleh sebab itu, MITI telah menubuhkan satu jawatankuasa kebangsaan mengenai daya saing perniagaan untuk mengkaji, memantau dan ambil langkah-langkah memperbaiki daya persaingan dari semua aspek bukan sahaja daripada aktiviti tetapi daripada kos, daripada sudut kemampuan dan kemahiran tenaga dan lain-lain faktor yang ada kaitan dengan daya saingan negara. Sekian, terima kasih.

3. **Tuan Ramli bin Ibrahim [Kota Bharu]** minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah ada kesungguhan Malaysia untuk menyokong permohonan Chechnya kepada Pertubuhan Negara-Negara Islam (OIC) untuk mendapat status pemerhatinya dalam persidangan akan datang. Dan sehingga setakat ini, apakah sumbangan Kerajaan Malaysia membantu negara itu membangun semula negaranya.

Timbalan Menteri Luar Negeri [Datuk Dr. Leo Michael Toyad]: Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyatakan di sini untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa Malaysia tidak ada sebarang keberatan untuk menyokong Chechnya sebagai pemerhati di Pertubuhan Negara-negara Islam (OIC) sekiranya Chechnya telah membuat permohonan rasmi kepada OIC. Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum Chechnya adalah sebuah wilayah di bawah Kerajaan Persekutuan Russia dan pada masa yang sama Malaysia mempunyai hubungan diplomatik yang baik dengan Kerajaan Persekutuan Russia. Persekutuan Russia menganggapkan isu Chechnya sebagai masalah dalamannya dan sebarang campur tangan asing dalam isu Chechnya dianggap oleh Persekutuan Russia sebagai mencabar kedaulatan negara mereka.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana isu Chechnya amat sensitif bagi Persekutuan Rusia, demi mengelakkan sebarang konflik dengan negara tersebut, maka Malaysia memilihkan untuk tidak campur tangan dalam isu ini. Keprihatinan ke atas nasib pelarian Chechnya akibat peperangan telah ditunjukkan kepada kita melalui perasaan belas kasihan serta keperimanasiaan dengan menghulur bantuan kewangan pada tahun lalu sebanyak AS\$100,000 kepada pelarian-pelarian Chechnya dalam bulan Ogos 2000.

Selain dari itu, Malaysia telah memberi bantuan latihan serta biasiswa kepada pelajar-pelajar Chechnya di bawah program MTCP kita atau Malaysian Technical Corporation Programme atau bantuan kerjasama teknikal di Universiti Islam Antarabangsa (UIA).

Tuan Ramli bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya timbulkan soalan begini sebab waktu Bosnia menghadapi masalah yang sama, Malaysia telah memberi sokongan yang bersungguh-sungguh dan oleh itu saya rasa Kerajaan Malaysia juga harus memberi komitmen yang lebih kepada Chechnya sebagai sebuah negara yang miskin di bawah Rusia. Soalan tambahan saya ialah apakah kita menyokong dan membantu Bosnia oleh kerana Bosnia ini telah disokong oleh Amerika Syarikat dan kita tidak membantu Chechnya Rusia oleh kerana Amerika tidak menyokong. Terima kasih.

Datuk Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini lari dari soalan asal, walaupun Yang Berhormat telah menyentuhkan soal dasar kita, kita telah melibatkan diri dalam soal Bosnia ialah menerusi dasar luar kita di mana kita menyokong usaha untuk membela secara keadilan dan perikemanusiaan dan perubahan untuk negara itu tanpa bukan seperti mana yang disangka oleh Ahli Yang Berhormat tadi bahawa kalau Ahli Yang Berhormat ingat, penglibatan Amerika Syarikat adalah selepas Malaysia terlibat dalam rancangan itu.

Datuk Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat pihak kerajaan sedar dan peka dengan keadaan dan perkembangan yang sebenar apabila diadakan pilihan raya di Chechnya ketika wilayah-wilayah lain juga mengadakan pilihan raya dan majoriti rakyat telah membuat pilihan untuk merdeka dan wilayah-wilayah lain diberi kemerdekaan tetapi Chechnya pula diberi keadaan yang lain dan berlakunya penindasan sehingga mencabuli hak asasi manusia dan mencabuli hak berdemokrasi sebagaimana yang diakui oleh masyarakat antarabangsa.

Apakah kerajaan berfikir dan berpendapat perlu untuk mengambil tindakan yang lebih bersungguh melalui forum pertubuhan antarabangsa yang disertai oleh Malaysia seperti Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, OIC dan sebagainya. Terima kasih.

Datuk Dr. Leo Michael Toyad: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, dalam soalan Yang Berhormat tadi, memang kita sedar bahawa akibat-akibat serangan dan pertembungan di kawasan Chechnya ini dan berikutan dari

konflik di kawasan itu. Seperti mana yang saya nyatakan awal tadi, bahawa kita telah mengambil kenyataan bahawa dari pihak Rusia ini telah memberikan jaminan bahawa mereka akan mencari penyelesaian yang secara damai dan dapat terus memberikan pertimbangan yang mana kita telah tekankan di majlis forum-forum antarabangsa termasuk di Bangsa-Bangsa Bersatu dan juga di mana tahun lalu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita telah juga menyatakan dalam summit atau persidangan kemuncak di Doha di mana OIC telah sekali lagi menyatakan memohon kepada kerajaan atau Kerajaan Persekutuan Rusia untuk terus berusaha, berbincang dan bersidang dengan wakil-wakil Chechnya dan juga mengambil perkiraan instrumen atau perkara-perkara antarabangsa yang telah disediakan dan juga mengemukakan bahawa ini adalah juga menunjukkan bahawa kita melibatkan hak asasi manusia rakyat di Chechnya.

Begitu juga, kita juga terus menggalakkan kerjasama dari pihak Rusia untuk memberikan kemudahan-kemudahan yang sepatutnya kepada pelarian-pelarian di kawasan Chechnya atau kawasan utara Coccus dan juga dalam menyokongkan pembangunan atau pemulihan wilayah Chechnya itu semasa mereka juga bersidang untuk mencapainya penyelesaian antara mereka.

4. Dato' Tiong King Sing [Bintulu] minta Menteri Kesihatan menjelaskan sama ada beliau sendiri dan pegawai-pegawai tinggi kementerian kerap turun ke padang bagi mendekat diri untuk mengenal pasti masalah yang dihadapi oleh hospital-hospital bandar dan luar bandar di seluruh negara termasuk Bintulu bagi mengatasi masalah kekurangan peralatan dan kekurangan doktor dan kakitangan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Tuan S. G. Sothinathan]:

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri Kesihatan dan pegawai-pegawai tinggi kementerian kerap turun padang untuk melihat sendiri keadaan di hospital serta mengenal pasti masalah yang dihadapi.

Kementerian juga mendapat maklum balas dan laporan daripada hospital-hospital mengenai aktiviti-aktiviti yang dijalankan, perkembangan terkini dan juga masalah yang dihadapi melalui surat serta melalui mesyuarat yang diadakan.

Mengenai masalah spesifik berkaitan Hospital Bintulu, kementerian memberi perhatian kepada perkara-perkara yang dibangkitkan. Kementerian sentiasa berusaha untuk memperbaiki dan mempertingkatkan lagi kemudahan dan perkhidmatan di Hospital Bintulu. Hospital tersebut telah pun berpindah ke bangunan baru pada bulan Mei tahun 2000. Kos projek pembangunan hospital baru

Bintulu berjumlah RM99.5 juta. Di antara beberapa perubahan positif yang dapat dilihat di hospital ini ialah:-

- (i) Bilangan katil untuk rawatan pesakit dalam telah meningkat lebih dua kali ganda iaitu dari 129 katil kepada 273 katil. Dengan peningkatan bilangan katil, kadar penggunaan katil yang dahulunya amat tinggi iaitu 98% sekarang menurun kepada 43%. Hospital ini sekarang mempunyai bilangan katil yang mencukupi untuk merawat lebih ramai pesakit.
- (ii) Terdapat pakar dalam empat disiplin iaitu bedah, kebidanan dan sakit puan, *orthopedic* dan bius berbanding dengan dua bidang sebelum ini iaitu bedah, kebidanan dan sakit puan. Kementerian akan terus berusaha menempatkan lebih ramai pakar dalam bidang kepakaran asas yang lain.
- (iii) Bilangan pegawai perubatan tidak berubah iaitu 11 orang termasuk seorang pegawai perubatan kontrak. Kementerian akan berusaha menempatkan lebih ramai pegawai perubatan mengikut keperluan.
- (iv) Bilangan anggota lain seperti jururawat, juru x-ray dan jurupulih anggota telah bertambah dan Hospital Bintulu sekarang mempunyai perkhidmatan jurupulih cara kerja dengan adanya seorang juru pulih cara kerja ditempatkan di hospital tersebut.
- (v) Hospital baru mempunyai banyak kemudahan tambahan seperti tambahan bilik dewan bedah, bilik bersalin, kemudahan rawatan intensif, pusat rawatan harian, klinik pakar, unit jurupulih anggota dan jurupulih cara kerja, balai pelawat, kuarters untuk anggota, pejabat pakar dan lain-lain. Hospital baru juga mendapat beberapa peralatan perubatan tambahan seperti *ultrasound*, mesin *fluoroscopy*, mesin *anaesthetic*, *ventilator*, alat *arthroscopy*, alat *endoscopy*, *portable x-ray*, alat *bronchoscopy*, empat buah ambulans dan lain-lain. Hospital ini juga akan mendapat tambahan satu mesin hemodialisis dan juga satu *refrigerator* untuk tabung darah di bawah peruntukan dasar baru bagi tahun ini.

Ini menunjukkan kementerian amat prihatin dengan keadaan di hospital-hospital dan usaha sentiasa dijalankan untuk meningkatkan lagi kemudahan dan perkhidmatan yang disediakan.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, soalan tambahan. Saya ingin menarik perhatian kepada kekurangan doktor yang berlaku di hospital-hospital sebagaimana yang disuarakan oleh Bintulu, contohnya di Kangar sendiri, saya mendapat maklumat bahawa di Kangar doktor pakar bagi O &G, jawatannya ada 3 diisi 1, untuk ENT tidak ada pakar.

Bagi doktor-doktor lain, doktor biasa PAED jawatan 9 diisi 3, O&G jawatan 7 diisi 2, bagi surgery 5 diisi 1, medical 8 diisi 3 dan ENT 2 diisi 1.

Ini menunjukkan kekurangan doktor yang begitu teruk di hospital-hospital. Ia juga saya rasa berkaitan dengan doktor-doktor yang telah meninggalkan perkhidmatan kerajaan untuk pergi kepada pihak swasta. Dalam masa yang sama kita melihat pihak swasta mengenakan bayaran yang begitu tinggi kepada pihak pengguna.

Apakah tindakan pihak kerajaan untuk menentukan supaya doktor-doktor ini tidak meninggalkan hospital-hospital kerajaan pergi kepada pihak swasta di mana pihak swasta mengenakan bayaran yang tinggi kepada pengguna kemudian mampu menawarkan gaji yang tinggi kepada doktor, ini saya rasa adalah satu masalah yang besar bagi negara kita yang harus diata si segera. Terima kasih.

Tuan S. G. Sothinathan: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat, ini memang adalah masalah yang selalu dibangkitkan di Dewan yang mulia ini, dan saya selalu menjawab tentang kekurangan doktor dan juga kekurangan pakar-pakar. Sebenarnya untuk mengatasi kekurangan pakar ini, kementerian pun melalui program mengadakan program sarjana dalam universiti-universiti tempatan kini mempunyai lebih daripada 1,000 orang doktor yang menjalankan kursus sepenuh masa dan separuh masa dan kita berharap dalam masa dua, tiga tahun ini lebih banyak lagi pakar akan dapat dikeluarkan dan dihantar ke semua hospital.

Buat masa ini, keperluan memang dengan kekurangan yang sedia ada, kita cuba mengimbangkan antara semua kawasan tetapi walaupun ada empat jawatan tetapi ini adalah jawatan yang sebenarnya yang kerajaan memang menjangka kita memang perlukan empat jawatan tetapi dengan kekurangan mungkin kita hantar

satu atau dua kerana kita terpaksa mengimbangkan dengan kawasan pedalaman dan juga kawasan di bandar.

Tetapi untuk mengelakkan doktor yang pergi ke pihak swasta itu memang adalah satu perkara yang memang sukar tetapi kerajaan dan juga kementerian sentiasa mengambil berat dan saya telah pun memberi maklum dalam Dewan yang mulia ini, tentang beberapa langkah yang telah diambil oleh kementerian khususnya daripada menaikkan elaun kritikal mereka dan cuba mengadakan dasar gaji yang baru bagi mereka, memberikan imbuhan-imbuhan yang khas kepada doktor-doktor dan juga semua anggota-anggota di dalam Kementerian Kesihatan.

Tetapi sehingga kita mencapai satu tahap di mana nisbah doktor pada masa sekarang nisbah doktor kepada penduduk adalah seorang doktor kepada 1,465. Kalau kita capai mungkin dalam tahap seorang doktor kepada 1,000 ataupun 1,100 mungkin pada masa itu masalah itu tidak akan serius lagi dan kementerian memang mengambil beberapa langkah, di antaranya menambahkan bilangan penuntut-penuntut yang masuk ke universiti-universiti dan sebagainya.

Puan Chong Eng: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Selain daripada membekalkan peralatan dan juga menambahkan atau memperbaiki nisbah doktor dengan bilangan penduduk, saya rasa keselamatan di hospital juga mesti dipentingkan, seperti yang dikatakan telah berlaku di Hospital Besar Kuala Lumpur ada seorang jururawat dirogol dan beliau tidak menerima bantuan yang cukup sehingga beliau sekarang mesti mendapat rawatan di Hospital Tanjong Rambutan.

Jadi, yang dikatakan oleh wakil Persatuan Jururawat mereka sering mengalami gangguan seksual tetapi tidak diambil penting oleh pihak kerajaan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada kaitankah Yang Berhormat soalan ini?

Puan Chong Eng: Ada ini, hospital. Dan kita semua maklum bahawa pihak kerajaan tidak ada menerima kod amalan pencegahan gangguan seksual di sektor awam, seolah-olahnya di dalam sektor awam tidak ada berlaku gangguan seksual, tetapi pada hakikatnya ia juga berlaku dan mengapa kerajaan yang mengadakan satu kod amalan untuk pihak swasta tetapi tidak diterima oleh pihak kerajaan sendiri khususnya di hospital di mana ramai pekerja wanita, di sekolah ramai pekerja wanita, guru-guru ramai yang wanita, ramai kerani-kerani di pejabat ...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukuplah Yang Berhormat.

Puan Chong Eng: Kerajaan adalah wanita, mengapa adakah

Beberapa Ahli: Soalan!

Puan Chong Eng: Soalannya, adakah kerajaan akan mengetatkan keselamatan dari segi ini dan adakah kerajaan khasnya di hospital di mana ada ramai jururawat, adakah hospital

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ha, cukuplah Yang Berhormat.

Puan Chong Eng:akan menerima kod amalan mencegah gangguan seksual ini. Terima kasih.

Tuan S. G. Sothinathan: Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan keselamatan di hospital memang kementerian menyediakan pasukan kawalan keselamatan di setiap hospital. Jadi, berkaitan dengan kes yang disebutkan oleh Yang Berhormat, sebenarnya apa yang kita perlukan ialah maklumat yang spesifik bukan secara umum kita tidak boleh mengatakan kalau orang yang terlibat itu kalau ia boleh membuat laporan polis ataupun orang-orang yang membangkitkan isu-isu berkaitan mungkin kalau mereka tampil ke hadapan untuk memberi keterangan spesifik, memang ini akan membantu kementerian untuk mengambil tindakan dan juga begitu juga pihak polis pun boleh mengambil tindakan untuk menghalang perkara-perkara seperti ini daripada berulang. Kalau ini disembunyikan memang tidak ada siapa yang akan tahu tentang perkara-perkara ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat Tuan Mohamed Nasir bin Che Daud.

Tuan Mohamed Nasir bin Che Daud: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang kepada pihak kerajaan menjawab soalan saya setelah sekian lama ianya terpendam

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tak payahlah Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Nasir bin Che Daud: ke paras bawah 50-an.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tak payah sebut Yang Berhormat. Sebut sahajalah soalan yang ke berapa.

Tuan Mohamed Nasir bin Che Daud: Untuk makluman. Saya mohon jawapan soalan saya nombor 5.

5. Tuan Mohamed Nasir bin Che Daud [Kuala Krai] minta Menteri Dalam Negeri menyatakan ciri-ciri keselamatan kad pengenalan Malaysia dan apakah benar dakwaan yang menyatakan kad pengenalan Malaysia mudah diperolehi malahan di pasar-pasar malam, terutamanya di Sabah.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Chor Chee Heung]: Tuan Yang di-Pertua, ciri keselamatan utama kad pengenalan bermutu tinggi ataupun KPT yang digunakan pada masa sekarang adalah seperti berikut:-

- (i) Nombor KPT 12 angka, enam angka pertama, tarikh lahir, angka ketujuh dan kelapan, kod negeri, tempat lahir, angka kesembilan, sepuluh dan sebelas – nombor kawalan komputer.
- (ii) KPT berbentuk integral nature dengan izin, gabungan percetakan dan imej gambar menjadi sebahagian daripada kertas dasar.
- (iii) Warna kuning dan biru yang dilihat pada KPT sebenarnya mengandungi garis-garis halus dan titik-titik boleh dilihat dengan menggunakan kanta pembesar.
- (iv) Tindak balas warna kuning dan merah mana-mana huruf yang mengena garisan berwarna kuning seolah-olah tidak melekat dakwat.
- (v) Perka taan 'Malaysia' tulisan jawi dapat dilihat dengan menggunakan *red filter*, dengan izin, di bahagian perkataan 'Malaysia'.
- (vi) Lambang 'Persekutuan' dapat dilihat di bahagian belakang KPT dengan menggunakan *ultra violet light* dengan izin.
- (vii) Gambar dan cop ibu ja ri dihasilkan melalui *photography*.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan kepada ciri-ciri keselamatan yang dinyatakan di atas, adalah tidak benar dakwaan Ahli Yang Berhormat yang menyatakan KPT mudah diperolehi di pasar-pasar malam, di Sabah. Sekian, terima kasih.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Kita tahu bahawa kerajaan telah mengambil pelbagai langkah untuk

memperbaiki ciri-ciri keselamatan kad pengenalan Malaysia termasuklah kad pengenalan yang baru diperkenalkan seperti yang dibuat oleh ramai di kalangan wakil-wakil rakyat dan kita tahu begitu pun pakar-pakar masih berusaha untuk memalsukan ciri-ciri keselamatan kad pengenalan.

Saya ingin bertanya dengan Yang Berhormat, dengan keadaan pemalsuan dokumen-dokumen untuk mendapatkan kad pengenalan, mereka memalsukan dokumen untuk membolehkan mendapat kad pengenalan dan kad pengenalan ini diterima pakai seperti yang berlaku di beberapa negeri seperti di Sabah. Jadi, apakah langkah kerajaan untuk mengatasi masalah ini, ekoran daripada kenyataan yang dibuat oleh Ketua Menteri Sabah kelmarin. Terima kasih.

Dato' Chor Chee Heung: Terima kasih Yang Berhormat. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kerajaan sentiasa berwaspada bahawa begitu ada sebilangan kecil sindiket-sindiket dan juga individu-individu yang sentiasa melibatkan diri dalam kegiatan untuk memalsukan dokumen-dokumen khususnya kad pengenalan dan kita tahun sejak tahun 1995 hingga tahun 2000 terdapat 2,091 kes pemalsuan dokumen kad pengenalan dan kerajaan telah pun melalui beberapa langkah untuk mencegah kegiatan seumpama ini yang di mana kita sentiasa mengadakan pemeriksaan-pemeriksaan di tempat-tempat di mana kad pengenalan yang telah dipalsukan dan sentiasa digunakan khususnya di negeri Sabah dan Sarawak, kerajaan cukup mementingkan dari segi kawalan keselamatan di mana kad pengenalan tidak harus diberikan kemudahan begitu senang tetapi apa yang kita bimbang ialah kad pengenalan yang didapati kononnya di pasar malam yang didakwa oleh pihak pembangkang ialah kad pengenalan palsu perbuatan sindiket-sindiket dan bukan melalui pemalsuan dokumen untuk mendapat kad pengenalan.

Agak susah bagi sindiket-sindiket ataupun pemohon-pemohon memalsukan dokumen-dokumen seperti surat lahir untuk mendapat kad pengenalan. Apa yang didapati dalam pasar-pasar, jika ada, ialah kad pengenalan yang palsu. Maksudnya ia guna kad pengenalan, butir-butir orang yang lain. Hanya masukkan gambar sahaja, sedangkan cop ibu jari pun orang lain, ini adalah kad pengenalan yang palsu, tetapi kalau diperiksa oleh anggota keselamatan kita tahu, kita dapati senang dapat dibezakan kad pengenalan yang benar, kad pengenalan yang dipalsu.

Kebanyakan kes yang mendapati perbuatan kad pengenalan palsu adalah di negeri Sabah dan Sarawak. Di Semenanjung ada juga tetapi peratusannya agak kecil. Tetapi jangan bimbang sebab dengan pengenalan Kad Pintar Pelbagai Guna

Kerajaan yang tidak lama lagi akan dikeluarkan kepada semua rakyat, maka kegiatan pemalsuan ini akan dikurangkan lagi dan dibanteras. Terima kasih.

Tuan Mohamed Nasir bin Che Daud: Terima kasih di atas jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Pertamanya, dakwaan mengenai kad pengenalan yang boleh didapati di pasar-pasar malam bukan dakwaan pembangkang. Yang menyatakan demikian ialah Pengerusi Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia. *[Tepuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, soalnya.

Tuan Mohamed Nasir bin Che Daud: Sama ada ianya kad pengenalan itu palsu ataupun ia diperolehi secara palsu yang pentingnya khususnya di Sabah, terdapat 27,000 nama pengundi yang terpaksa dibatalkan daripada senarai nama pengundi oleh kerana dokumen-dokumen ataupun kenyataan-kenyataan identitinya adalah palsu. Jadi, kalau inilah angkanya bagaimana hendak kita yakin dengan ciri-ciri keselamatan yang telah disebut tadi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan dengan kad pengenalan yang sedang kita gunakan sekarang ini dan juga Kad Pintar yang tidak sebegitu pintar lagi yang sedang hendak diperkenalkan sekarang. Terima kasih.

Dato' Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini, jika terdapat begitu ramai orang yang mempunyai kad pengenalan yang palsu di mana ianya dapat muncul di negeri Sabah, saya ingin memberitahu bahawa kad-kad pengenalan yang didapati oleh orang-orang itu, yang dikatakan palsu, yang dibuktikan palsu adalah kad pengenalan yang dikeluarkan pada awal, pada 10 tahun dahulu.

Tetapi sekarang ini sejak kita memperkenalkan KPT, kad pengenalan yang bermutu tinggi, sekarang insiden-insiden pemalsuan ini telah pun banyak kurang dan kerajaan mempunyai keyakinan bahawa dengan memperkenalkan Kad Pintar Pelbagai Guna Kerajaan ini, maka tidak senang supaya kad pengenalan dipalsukan.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini juga, seperti kita semua maklum, tidak kira apa kita buat, tidak kira kerajaan negara mana di dunia ini, mereka melakukan apa juga, ada terdapat sindiket-sindiket dan juga penjenayah-penjenayah yang akan memalsukan segala-galanya. Tetapi yang penting sekali adalah kerajaan harus sentiasa berwaspada dan mengambil langkah-langkah keselamatan yang agak kita dapat membanteras kegiatan-kegiatan ini. Melalui Kad Pintar Pelbagai

Guna Kerajaan, kita yakin susah bagi sindiket-sindiket ataupun mana-mana pihak yang ingin memalsukan kad pengenalan kita. Sekian.

6. **Puan Lim Bee Kau [Padang Serai]** minta Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia menyatakan apakah usaha yang telah diambil oleh Pejabat Pos Malaysia untuk meningkatkan kualiti perkhidmatannya.

Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia [Datuk Tan Chai Ho]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat semenjak tahun 1996 Pos Malaysia Berhad telah melaksanakan program pemodenan operasi mail bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan mail iaitu seperti berikut:. Bagi perkhidmatan mail, antara tindakan yang telah diambil adalah seperti berikut:

- (i) memberi peralatan yang lebih moden bagi memproses dan mengisi surat;
- (ii) memberi latihan bagi meningkatkan kecekapan kakitangannya;
- (iii) mengkaji semula sistem kutipan mail di peti-peti surat;
- (iv) mengadakan ruang kerja yang luas dan selesa bagi anggotanya;
- (v) memberi tumpuan kepada kawasan-kawasan pertumbuhan mail di Lembah Klang, Pulau Pinang dan Johor Bharu;
- (vi) membuat kajian untuk memperkenalkan sistem poskod tujuh digit; dan
- (vii) mengadakan promosi penggunaan surat standard.

Di samping itu, PMB juga secara berterusan meningkatkan perkhidmatan kaunter dengan:

- (i) membuka pejabat-pejabat pos baru;
- (ii) menambah bilangan kaunter di pejabat-pejabat pos;
- (iii) mengambil anggota baru;
- (iv) memberi latihan dan kemahiran asas kepada anggotanya;
- (v) menyediakan sistem tiket giliran bagi pengguna;
- (vi) menambah peralatan di kaunter-kaunter pejabat pos.

Sekian, terima kasih.

Puan Lim Bee Kau: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan yang telah

diberikan. Kita dapati walaupun banyak langkah yang telah diambil oleh kementerian ataupun pejabat pos tetapi masih kita dapati ada kekurangan.

Baru-baru ini kita dapati banyak aduan telah diterima berkenaan dengan kelewatan menerima surat. Ini telah menimbulkan banyak kesulitan terutama sekali kepada penerima-penerima surat yang penting, misalan untuk temu duga kerja dan juga untuk melaporkan diri di institusi pengajian tinggi. Ini telah menimbulkan banyak kesulitan. Jadi, apakah langkah pihak kementerian untuk memastikan bahawa masalah ini boleh diatasi dan juga untuk menjaga kepentingan pengguna ini, apakah peruntukan undang-undang yang sedia ada ini untuk pengirim membuat tuntutan jika surat atau bungkusan pos laju yang diposkan itu telah hilang ataupun disalah serah. Sekian, terima kasih.

Datuk Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, di bawah Akta Perkhidmatan Pos, ia ada peruntukan iaitu Pos Malaysia Berhad (PMB) tidak bertanggungjawab bagi apa-apa kehilangan salah serahan atau kelewatan atau kerosakan melainkan ia disebabkan secara *fraud*, atau dengan niat jahat atau berlaku kecuaiian oleh pekerja, pekhidmat atau ejen-ejen Pos Malaysia Berhad.

Jadi, untuk menjaga kepentingan pengguna Pos Malaysia Berhad pun menetapkan iaitu mengenai surat pos laju yang hilang, rosak atau yang salah serahan, tuntutan pampasan secara maksimum untuk surat adalah RM100 dan untuk barang-barang yang dihantar adalah RM300. Aduan mengenai kelewatan serahan surat, PMB sentiasa membuat siasatan yang mana ada kesilapan, PMB akan mengambil tindakan sewajarnya.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Matlamat pejabat pos ialah untuk menghantar paling tidaknya 98% surat-surat yang dihantar melalui pos tetapi sehingga ini, Tuan Yang di-Pertua, mengikut kajian Price Waterhouse Coopers daripada 4,334 samples surat yang diambil pada tahun 1999, hanya 93.7% sahaja yang berjaya dihantar pada masa yang ditetapkan. Ini bermakna 6.3% surat-surat yang dihantar, sama ada tidak mengikuti waktu yang dijangkakan ataupun hilang sahaja surat-surat tersebut.

Soalnya sekarang ini, kalau misalnya saya ambil 6.3% itu, Pos Malaysia pada tahun 1999 menghantar 343.7 juta surat dan kalau ini diambil sebagai perkiraan, maka 21.7 juta surat tidak dapat dihantar pada masa yang ditetapkan.

Soalan saya Tuan Yang di-Pertua, ialah Pos Malaysia telah pun diswastakan dan kita tidak mahu dengan beban yang begitu besar yang ditanggung,

kemungkinannya bayaran-bayaran dan juga bantuan-bantuan yang juga akan disalurkan nanti oleh pihak kerajaan seperti IWK, Alam Flora dan sebagainya, begitu pun beban, begitu pun wang rakyat yang telah dibelanjakan tetapi kita dapati....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak masuk lagi soalnya, Yang Berhormat.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: ...keberkesanan dan juga keefisienan apa yang telah dilakukan oleh pejabat pos itu tidak dapat dijalankan walaupun proses penswastaan itu telah dijalankan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Soalnya, Yang Berhormat.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Jadi, saya hendak minta jaminan daripada pihak kementerian supaya bila diswastakan kita hendak keberkesanan dan kecekapannya akan bertambah meningkat. Terima kasih.

Datuk Tan Chai Hb: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya sasaran (target) untuk mencapai 98% atas performance perkhidmatan mail memang adalah hasrat PMB dan yang dikatakan angka ini telah turun iaitu yang mengikut tahun 1999 adalah 93.7%. Ini hanya satu tek sample dengan 4,334 surat, bukan kesemua. Jadi, tidak boleh katakan banyak surat yang telah hilang, yang tidak sampai, tidak boleh katakan. Ini hanya sample – dengan 4,334 ya.

Tadi saya sudah kata PMB pun telah ambil tindakan sewajarnya dengan membuka pejabat-pejabat pos baru, mengambil kakitangan untuk meningkatkan kecekapan dan memberi perkhidmatan yang baik dan juga memberi latihan kepada kakitangan Post Office. Jadi, semua tindakan pun sudah diambil. Jadi, memanglah satu hari kita boleh capai 98%.

[Soalan No. 7 – Y.B. Datuk Mustafa bin Ali [Dungun] tidak hadir]

8. **Tuan Lim Hock Seng [Bagan]** minta Menteri Kerja Raya menyatakan langkah-langkah bagi mengatasi kesesakan lalu lintas di Jambatan Pulau Pinang dan apakah konsesi swasta jambatan ini masih perlu melaksanakan perjanjian untuk membina satu lagi lorong di kedua-dua belah jambatan dan bilakah ianya akan dilaksanakan.

Menteri Kerja Raya [Dato' Seri S. Samy Vellu]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan akan membina laluan khas lorong

motosikal kedua-dua belah Jambatan Pulau Pinang sebagai usaha mengurangkan kesesakan lalu lintas di Jambatan Pulau Pinang itu.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerja-kerja pembinaan lorong-lorong motosikal dengan lebar 3 meter ini dijangka akan bermula pada penghujung tahun 2001 dengan anggaran kos sebanyak RM200 juta. Projek ini dijangka akan mengambil masa 2 tahun setengah dan kemajuan kajian integriti bagi projek pelebaran lorong motosikal di Jambatan Pulau Pinang pada keseluruhannya telah mencapai 95% sekarang.

Berdasarkan kepada keputusan penyelidikan ini, konsep reka bentuk asal yang dibentuk sedang diteliti dan dihalusi sebelum kesimpulan muktamad dibuat. Kajian kejuruteraan ke atas struktur Jambatan Pulau Pinang sedang dijalankan oleh Instria Sdn. Berhad dan spesifikasi reka bentuk muktamad dijangka siap pada September 2001.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, kajian trafik yang dijalankan menunjukkan bahawa pembinaan satu lorong lagi di kedua-dua belah jambatan tidak dapat mengatasi masalah kesesakan lalu lintas di atas jambatan berkenaan. Oleh itu, kerajaan sedang merancang untuk membina laluan kedua ke Pulau Pinang. Kajian bagi laluan kedua ini sedang dijalankan.

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kemalangan kenderaan kerap berlaku di atas Jambatan Pulau Pinang ini dan sekiranya ada kemalangan, maka pihak polis yang hendak datang untuk mengukur jalan atau mengambil statements tidak dapat pergi ke tapak kemalangan kerana kesesakan lalu lintas. Kereta tunda pun tidak dapat sampai. Kalau kemalangan yang serius bomba dan ambulans pun tidak dapat sampai. Jadi, adakah apa-apa *contingency plan* untuk membolehkan pasukan-pasukan yang berkenaan dikejar ke tempat kejadian supaya kesesakan lalu lintas tidak berlaku sehingga satu hingga dua jam di atas jambatan ini.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, masalah di Jambatan Pulau Pinang itu banyak driver samseng. Mereka juga suka menggunakan jambatan itu sebagai tempat bertanding antara satu sama lain. Kita juga ada dua lorong sahaja di setempat. Apabila sahaja ada di satu lorong, mereka akan menggunakan kedua-dua lorong dan apabila sahaja kita menghadapi masalah kemalangan seperti apa yang dijelaskan oleh Ahli Yang Berhormat, tidak pernah kita boleh masuk – poliskah, bombakah atau ambulans pun tidak boleh masuk.

Seperti apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat tadi, saya boleh mencadangkan kepada kerajaan supaya mengadakan satu ambulans helikopter. Jikalau ada satu masalah seperti ini, minta kerajaan membeli helikopter menjadi ambulans jikalau ada apa-apa kemalangan yang serius di atas jambatan itu.

Puan Chong Eng: Terima kasih. Saya rasa itu cadangan yang baik, itu memang diperlukan tetapi seperti yang dikatakan, yang diumumkan dahulu akan diadakan jambatan yang kedua tetapi jambatan kedua akan mengambil masa yang panjang.

Apa yang boleh menyelesaikan dalam jangka yang pendek ialah menambah perkhidmatan feri kerana masih ada ruangan untuk menambah perkhidmatan feri untuk mengurangkan masalah lalu lintas di Pulau Pinang dan kalau ada lorong kedua di antara pulau dan mainland, lalu lintas di dalam pulau pun akan menjadi masalah dan sekiranya Jelutong Express Highway tidak dibina dalam jangka masa yang pendek ia juga akan menyulitkan lalu lintas di Pulau Pinang. Apakah kerajaan akan menolong kerajaan negeri untuk mempercepatkan pembinaan Jelutong Express Highway dan juga menambah perkhidmatan feri dalam jangka yang pendek ini. Terima kasih.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, perkara feri bukan di dalam kuasa saya tetapi saya mempunyai kuasa untuk beri nasihat kepada Menteri Pengangkutan. *[Tepuk]* Saya boleh juga memberitahu kepada Yang Berhormat Menteri Pengangkutan untuk mengadakan lebih feri untuk mengatasi masalah ini, tetapi feri itupun tidak boleh menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh kita oleh kerana kenderaan sekarang di atas jambatan Pulau Pinang itu sudah sampai ke tahap 90,000. Semasa perayaan saya percaya 160,000.

Jadi, kerajaan telah mengambil tindakan untuk mengadakan kajian kemungkinan bagi cadangan laluan kedua Pulau Pinang. Dalam kajian tersebut sebanyak tiga jajaran utama akan dikaji bagi mengenal pasti jajaran yang paling berdaya maju dari segi teknikal dan ekonomi. Ketiga-tiga jajaran utama ialah:

- (i) Jajaran Utara yang pertama sedang dikaji daripada Bagan Jermal ke Bagan Ajam. Satu cadangan – itu cadangannya dengan low viaduct, dengan izin - untuk menubuhkan satu pulau yang dibina oleh manusia, bukan pulau biasa, dan selepas itu kita akan mengadakan terowong untuk masuk ke Butterworth. Ini berharga lebih kurang RM2.3 bilion;

- (ii) Jajaran Tengah iaitu Jelutong Expressway ke Butterworth. Kulim Expressway jaraknya lebih kurang 7.8 kilometer seperti reka bentuk yang saya cadang tadi, low viaduct, dengan izin, island dan tanah, pulau dan juga kita akan mengadakan satu lagi terowong. Anggaran kos ialah RM2.5 bilion; dan
- (iii) Jajaran Selatan alternatif satu Batu Maung ke Bukit Minyak, jauhnya 20 kilometer. Inilah ada ramai suka mengadakan 20 kilometer tetapi dengan 20 kilometer sama ada kenderaan gunakan atau tidak belum tahu lagi. *[Ketawa]* Apabila kita membina sebuah jambatan, jambatan itu mesti mempunyai ekonomi, kegunaan ekonomi yang kita boleh mendapat balik perbelanjaan yang telah berlaku dalam pembinaan itu.

Jadi, saya akan mengadakan perjumpaan dengan Yang Berhormat Ketua Menteri pada 31 Julai ini untuk menetapkan manakah satu jajaran yang paling sesuai untuk diterima. Pada kami saya percaya kita mesti membina jambatan ini di tempat yang ada juga kesesakan lalu lintas. Pembinaan jambatan untuk mengindahkan Pulau Pinang tetapi juga untuk diguna di mana rakyat boleh mengatasi masalah lalu lintas mereka melalui jambatan ini. Perbelanjaan yang tinggi RM2.5 bilion kita mesti mendapatkannya balik.

Jadi, inilah masalah yang dihadapi oleh kita., Kajian ini sudah dijalankan lebih dari 12 bulan. Oleh kerana projek ini menjadi satu projek yang penting kita kena buat kajian mendalam. Saya minta maaf kepada Yang Berhormat oleh kerana ada juga masalah lalu lintas seperti ini tetapi kita sedang menjalankan beberapa sistem baru untuk mengatasi masalah ini. Saya juga berharap dengan segera jikalau kita mendapat kelulusan daripada Kementerian Kewangan kita boleh membina lorong motosikal ini dan boleh mengurangkan masalah lebih kurang 20% atau 30% oleh kerana ramai pengguna motosikal, lebih tinggi daripada kenderaan dan lori-lori.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ahli-ahli Yang Berhormat, pertanyaan-pertanyaan bagi Soal Jawab Lisan sele sai.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 7 dan 9 hingga 66 adalah dijilid dalam buku yang berasingan]

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA
(PINDAAN) 2001****Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." **[25 Julai 2001]**

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat Menteri menyambung jawapan semalam.

11.05 pagi.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Chan Kong Choy]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Izinkan saya sambung jawapan saya daripada semalam.

Saya telah mengatakan bahawa bila BSN telah dilantik oleh kerajaan dijadikan pembekal yang kedua selain daripada Pos Malaysia Berhad untuk mengendalikan program pembelian komputer, BSN telah melantik lebih kurang 10 konsortium dan 10 konsortium pula telah melantik beribu ejen komputer di seluruh negara untuk mengendalikan program ini dan setakat ini pihak KWSP dan juga pihak Kementerian Kewangan termasuk saya sendiri secara tidak rasmi telah menerima laporan bahawa terdapat penyelewengan antara ejen-ejen yang telah dilantik di bawah Skim BSN ini iaitu terdapat ejen yang telah menawar wang tunai kepada ahli di bawah Skim Membeli Komputer ini.

Kerajaan sangat-sangat memandang dan mengambil berat tentang perkara ini dan pihak-pihak yang berkenaan telah diarah untuk menjalankan siasatan sedalam-dalamnya supaya tindakan yang sewajarnya dapat diambil. Kerajaan memandang berat tentang perkara ini bukan sahaja kita hendak memastikan bahawa tujuan murni satu keluarga, satu komputer ini dapat dilaksanakan dengan cara yang teratur, kita juga hendak memelihara kepentingan ahli-ahli supaya mereka tidak ditipu di dalam skim komputer ini. Mengikut laporan yang diterima oleh pihak KWSP
.....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ada yang berdiri Yang Berhormat. Gelang Patah ya.

Tuan Chang See Ten: Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan dari Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri. Setakat ini dalam siasatan Kementerian Kewangan, ada berapa kes seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi telah

didapati salah guna wang untuk membeli komputer dengan tukaran wang tunai yang dilaksanakan? Dan adakah oleh kerana adanya aduan ini pihak Kementerian Kewangan sementara ini akan memberhentikan segala urusan ini melalui BSN? Sekian, terima kasih.

Dato' Chan Kong Choy: Terima kasih Ahli Yang Berhormat bagi Gelang Patah. Setakat ini siasatan masih diteruskan dan mengikut laporan yang diterima oleh KWSP Bank Simpanan Negara telah pun menamatkan kontrak 16 vendor sebagai pembekal untuk skim ini dan kita akan mengambil tindakan yang sewajarnya selepas siasatan disempurnakan. Kalau sekiranya terdapat kelemahan dalam sistem pengendalian oleh pihak BSN ini, akan juga mengambil tindakan yang sewajarnya untuk menangani segala kelemahan yang terdapat dalam sistem ini.

PMB dan BSN bertanggungjawab memastikan bahawa bekalan dan pemasangan komputer peribadi ke rumah-rumah ahli telah dibuat dengan sempurna dan KWSP sentiasa memantau prestasi kedua-dua pembekal seperti tanggungjawab ini dilaksanakan. Semakan secara rambang juga dilakukan oleh KWSP dengan menghubungi ahli mengenai bekalan komputer peribadi ke rumah mereka.

Di bawah Seksyen 58A iaitu, "*Amaun yang dikeluarkan tidak boleh digunakan untuk maksud lain.*" Ahli KWSP hendaklah mengembalikan kesemua amaun pengeluaran dalam tempoh enam bulan dari tarikh pengeluaran sekiranya amaun yang dikeluarkan tidak diguna untuk maksud pengeluaran itu. Sekiranya ahli didapati bersalah dia boleh dipenjarakan selama satu tempoh yang tidak melebihi enam bulan atau didenda tidak melebihi RM2,000 atau kedua-duanya.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Tambun juga bertanya sama ada pemindahan wang persaraan oleh sektor swasta kepada KWSP akan digunakan untuk tujuan pelaburan dan sama ada ahli boleh menikmati faedah dari pemindahan ini. Semua wang yang diterima oleh KWSP akan dilaporkan menurut peruntukan-peruntukan Akta KWSP 1991 dan ahli boleh menikmati semua faedah yang telah diperuntukkan di bawah Akta KWSP.

Dr. Tan Seng Giaw: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Yang Berhormat bagi Kepong berdiri. Yang Berhormat hendak beri jalan?

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Ada baiknya kalau kita boleh menggunakan peluang ini untuk pembelian komputer melalui Pos Malaysia dan sebagainya tetapi mengenai pelaburan terkumpul seperti Yang Berhormat

terangkan lebih daripada RM182 bilion dan dilabur di dalam 309 buah syarikat. Saya ada dengar apabila Yang Berhormat jawab soalan pada 18 Julai yang lepas.

Bolehkah Yang Berhormat, kita fikir sama ada di laman web KWSP ataupun di dalam pejabat KWSP adakan satu jabatan khas untuk menerangkan kerana saya percaya inilah satu-satunya pelaburan yang terbesar hidup di Malaysia ini, RM182 bilion bukan main besarnya angka dan kita ada meningkatkan ketelusan transparansi, meningkatkan sedikit untuk menerangkan sebagai satu jabatan khas kepada pencarum, kalau tidak silap saya lebih daripada 10 juta orang. Dengan demikian kita perlukan satu jabatan khas untuk meningkatkan ketelusannya.

Dato' Chan Kong Choy: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kepong, kita akan mengambil perhatian apa yang disarankan oleh Yang Berhormat. Yang Berhormat bagi Tambun, Gelang Patah, Kuala Kedah dan juga Bukit Bintang juga telah menyentuh tentang majikan yang gagal untuk mencarum.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Bukit Bintang.

Puan Chong Eng: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Bukit Mertajam.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] *mempengerusikan Mesyuarat*

Puan Chong Eng: Tuan Yang di-Pertua, satu kebimbangan pencarum ialah pelaburan KWSP kerana sebagai seorang pencarum umpamanya, saya tidak dapat tahu bagaimana wang saya di KWSP dilaburkan? Umpamanya, mengapa KWSP membeli IPO Time dotCOM yang semua orang tidak mahu beli. Itu telah menimbulkan kebimbangan bahawa wang saya di dalam KWSP telah digunakan untuk faedah orang yang lain dan bukan faedah saya sebagai seorang pencarum. Oleh sebab itu bolehkah saya sebagai seorang pencarum kepada KWSP saya berhak mendapat satu senarai mengenai semua pelaburan KWSP dan juga bilakah dia beli saham ini, berapa nilainya dan lain-lain maklumat yang ingin saya mendapatkannya? Bolehkah saya sebagai seorang pencarum mendapatkan maklumat-maklumat ini? Terima kasih.

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Yang di-Pertua, semua maklumat ini memang boleh didapati dalam Laporan Tahunan KWSP ini.

Tuan Yang di-Pertua, di mana

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: *[Bangun]*

Dato' Chan Kong Choy: Ada kaitan dengan ini, ya?

Saya akan jawab kerana ramai Ahli Yang Berhormat telah mengemukakan soalan berkenaan dengan pelaburan, bila saya sampai ke pelaburan boleh kita bincang.

Yang Berhormat bagi Tambun, Gelang Patah, Kuala Kedah dan Bukit Bintang telah menyentuh tentang majikan yang gagal mencarum. KWSP ambil perhatian serius terhadap majikan yang gagal mencarum. Kes-kes majikan yang gagal mencarum secara automatik akan dilaporkan oleh sistem komputer kepada pegawai pemeriksa untuk disiasat.

Semasa siasatan jika didapati majikan menanggung taksiran caruman tertunggak akan dibuat oleh pemeriksa dan jika majikan gagal membayar, kes akan difailkan di mahkamah untuk didakwa di bawah Seksyen 43(2) Akta KWSP 1991. Seksyen 43(2) menetapkan hukuman penjara selama suatu tempoh yang tidak melebihi tiga tahun atau didenda tidak melebihi RM10,000 atau kedua-duanya. Dalam keadaan caruman tertunggak masih tidak dapat dipungut, tindakan melevi dan melelong harta akan diambil.

Pada masa yang sama tindakan sivil berasingan akan diambil terhadap Pengarah Syarikat ataupun rakan kongsi. Ini adalah selaras dengan Seksyen 46 Akta KWSP yang menyatakan, "*Syarikat ataupun firma ataupun pengarah ataupun rakan kongsi adalah bersama dan berasingan untuk membayar semua caruman dan dividen yang tertunggak.*"

Untuk menjawab soalan Yang Berhormat bagi Gelang Patah, pada tahun 2000 daripada 318,218 majikan berdaftar didapati 5.65% atau 17,983 majikan yang gagal mencarum. Bilangan majikan yang disaman di mahkamah dalam tahun 2000 kerana gagal mencarum adalah 3,040. Setakat bulan Mei 2001 pula daripada 324,156 majikan berdaftar didapati 6.63% atau 21,501 majikan yang gagal mencarum, bilangan majikan yang disaman di mahkamah setakat bulan Mei 2001 adalah 1,256.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Sri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya tidak berapa seronoklah

dengar ungkapan “majikan gagal mencarum”, “gagal” ini macam lulus tidak lulus begitu. Saya lebih suka perkataan itu diubah kepada “pencarum memang mengkhianati pekerja”, sengaja dengan niat-niat menguntungkan diri sendiri. Dia bukan sahaja “gagal”, itu ringan sangatlah ayat itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, apa soalan?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Soalnya inilah. Jadi, dia sebenarnya sengaja mengelakkan diri untuk kepentingan diri dan majikan seperti ini sebenarnya ialah majikan yang mengkhianati pekerjanya, satu pengkhianatan yang tidak boleh dimaafkan kerana pekerjalah yang menkayakan majikan, yang menguntungkan majikan. Dalam hubungan hendak memberikan faedah kepada pekerja majikan sengaja. Jadi satu penalti atau hukuman yang berat dan tidak boleh dipandang ringan oleh kerajaan harus dikenakan kepada majikan, tukar ayat, yang mengkhianati pekerja bukan yang gagal, yang mengkhianati pekerja yang tidak menjelaskan yuran EPF yang wajib ke atas tiap-tiap majikan.

Dato' Chan Kong Choy: Terima kasih saya mengucapkan kepada Yang Berhormat yang memandang berat tentang perkara ini. Pihak kerajaan memang mengambil sikap yang sangat serius. Oleh kerana ini banyak kes telahpun dibawa ke mahkamah.

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Timbalan Menteri. Saya mungkin memberikan pandangan sedikit berbeza dengan sahabat saya daripada Sri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Memang berbeza.

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: Dia baru datang, itu sebab bising sedikit tu. Dalam suasana ekonomi negara yang kita ketahui melanda seluruh rantau kita dan termasuk negara kita. Kita dapati bahawa syarikat yang mempunyai track record yang cukup baik dalam membayar KWSP ini sepatutnya kita bezakan dengan majikan-majikan yang memang daripada awal lagi sudah menunjukkan sikap yang tidak mengambil berat soal bayaran KWSP pekerja-pekerja mereka. Dalam suasana ekonomi yang melanda terutama negara kita di mana kita dapati banyak syarikat-syarikat kecil yang terpaksa berhadapan dengan soal-soal survival, soal hidup mati perniagaan mereka. Maka pada ketika itu keutamaannya adalah sama ada membuang pekerja ataupun membayar gaji pekerja dengan menahan dahulu ataupun menangguhkan bayaran kepada KWSP. Apakah kerajaan

tidak mempunyai sebarang skim bagi membolehkan syarikat-syarikat yang nazak ini yang banyak bilangannya terutama syarikat-syarikat kecil IKS dan seumpamanya yang terpaksa berhadapan dengan soal survival mereka, sama ada kerajaan mempunyai skim-skim yang membolehkan mereka menangguhkan terlebih dahulu soal bayaran KWSP ini berbanding dengan sikap kerajaan dalam menyelamatkan syarikat-syarikat kroni yang menggunakan wang rakyat puluhan juta dan ribuan bilion ringgit termasuk dalam soal Renong terakhir ini, dalam soal MAS umpamanya.

Tiba-tiba dalam soal syarikat kecil-kecil ini kita begitu tegas. Inilah sikap Yang Berhormat bagi Sri Gading, saya minta pandangan Yang Berhormat.

Dato' Chan Kong Choy: Yang Berhormat mengambil kesempatan sahaja. Saya tidak akan memberikan laluan selepas ini kepada Yang Berhormat, mengambil kesempatan untuk mengeluarkan sesuatu yang tidak ada kaitan dengan jawapan saya. Di bawah akta kerajaan memang tidak membezakan syarikat-syarikat ataupun orang perseorangan, kesalahan tetap kesalahan. Kita tidak akan berkompromi dalam perkara ini. Sesiapa yang sengaja tidak membayar ataupun gagal membayar caruman kita akan mengambil tindakan tegas kepada mereka dan tidak akan berkompromi dalam perkara ini.

Puan Chong Eng: *[Bangun]*

Dato' Chan Kong Choy: Perkara yang sama? Tidak akan mengambil kesempatan untuk perkara lain ya, okay.

Puan Chong Eng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, tadi angka yang diberi oleh Timbalan Menteri ialah tindakan yang diambil ke atas majikan yang gagal memberi caruman KWSP di mana tindakan yang diambil ke atas mereka yang gagal hanya merupakan jumlah yang sangat kecil, lebih kurang 3,000 out of the number or 17,000. Itu hanya merupakan 16%, itu untuk tahun 2000. Untuk tahun 2001 tindakan yang diambil hanya ke atas jumlah majikan yang tidak memberi caruman ialah 21,000 tetapi tindakan hanya diambil ke atas 1,256 sahaja. Itu merupakan lebih kurang 6%, ini merupakan jumlah yang sangat kecil, itulah memberikan satu gambaran kepada pekerja bahawa KWSP ini ataupun bahagian yang perlu mengambil tindakan ini sangat tidak berkesan. Kepada mereka KWSP ini wang itu telah ditolak dari dalam gaji mereka tetapi tidak dicarum, itu merupakan satu rompak. Selalunya mereka menghadapi masalah apabila mereka mengadu ke bahagian KWSP mengatakan mereka akan mengambil tindakan dan akan berunding dengan majikan satu tahun, dua tahun masih tidak selesai. Apakah

sebabnya? Mengapa begitu kecil bilangan majikan diambil tindakan dan apakah sebabnya tidak berkesan? Terima kasih.

Dato' Chan Kong Choy: Sebahagian sahaja daripada majikan yang tidak mencarum dibawa ke mahkamah oleh kerana siasatan ke atas banyak kes masih berterusan dan belum disempurnakan. Bila sesuatu kes siasatan dapat disempurnakan kita akan membawa ke mahkamah kalau kita fikir harus di bawa ke mahkamah. Tetapi terdapat juga kes tidak payah di bawa ke mahkamah telah dapat di selesaikan out of court . Ini kita akan cuba menyelesaikan di luar mahkamah. Cuma kes-kes yang tidak dapat dielakkan telah dicuba dengan sedaya upaya, *have exhausted all their avenues* dengan izin, maka hendak membawa sesuatu kes ke mahkamah. Banyak kes tidak dibawa ke mahkamah tetapi memang sudah diselesaikan out of court dan memang banyak kes seperti ini dan saya tidak setuju dengan Yang Berhormat bahawa Yang Berhormat menuduh pegawai-pegawai saya dari KWSP tidak berkesan. Mereka merupakan pegawai yang sangat-sangat berkesan they work day and night sampai 16 jam satu hari dan Yang Berhormat mengatakan mereka tidak berkesan. Ini merupakan satu tuduhan yang paling tidak adil.

Puan Chong Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya hanya membuat satu pandangan berdasarkan angka yang diberi oleh Timbalan Menteri. Kalau ada kes yang selesai di luar mahkamah sila berikan maklumat angka berapa kes, umpamanya untuk tahun 2000 dalam jumlah angka 17,000 ini. Berapa kes telah diselesaikan di luar mahkamah? Untuk tahun ini berapa kes telah diselesaikan di luar mahkamah supaya kita dapat satu gambaran yang lebih menyeluruh, supaya tidak ada apa-apa prasangka yang boleh ditimbulkan. Yang silap ini ialah di pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya hanya membuat satu kesimpulan berdasarkan angka yang diberi oleh Timbalan Menteri. Terima kasih.

Dato' Chan Kong Choy: Yang Berhormat saya memberikan angka kes-kes yang dibawa ke mahkamah atas permintaan daripada Ahli Yang Berhormat. Memang tidak ada Ahli Yang Berhormat yang meminta kes yang telah diselesaikan di luar mahkamah. Kalau Yang Berhormat tadi pun tidak bertanya dan tanpa angka ini Yang Berhormat telah membuat satu kesimpulan yang tidak berasas, menuduh pegawai saya tidak berkesan. Ini memang sangat tidak adil kepada pegawai saya. Saya memang mempertahankan mereka di sini. *[Tepuk]*.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Larut bangun.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat saya tahu bahkan kita memang faham tugas dan tanggungjawab pegawai-pegawai dan kakitangan EPF. Cuma kalau boleh saya hendak menegur sedikit. Ada caruman yang dibuat oleh pekerja kepada majikan, ini berlaku tetapi report setelah dibuat oleh pekerja baharulah ada tindakan, bukan bermakna pegawai tidak berkesan. Selalunya bila ada report oleh pekerja yang mencarum tetapi caruman itu tidak dihantar oleh majikan kepada pihak EPF dan biasanya barulah pegawai bertindak. Jadi, kalau boleh pihak EPF sentiasa memantau. Mengambil tindakan terus ke atas mana-mana majikan yang pekerjanya telah mencarum dan jika majikan tidak membayar segala caruman tersebut kepada pihak EPF diambil tindakan segera. Ini adalah kerana apa yang saya difahamkan kes-kes yang tertunggak sama ada dalam proses mahkamah ataupun tidak selalunya penalti denda yang dikenakan ke atas majikan teramat tinggi apabila kes-kes tersebut tertangguh.

Ini menyebabkan tunggakan oleh majikan semakin bertambah sekiranya kes-kes tersebut tidak selesai dalam tempoh yang telah ditentukan. Kerana saya tahu kerajaan mengenakan pembayaran caruman EPF ini termasuk kepada semua pekerja tidak kira sama ada ianya pekerja tetap ataupun sementara. Saya difahamkan termasuklah pembantu-pembantu rumah yang perlu dicarumkan oleh pihak majikan.

Satu lagi saya hendak bangkitkan di sini ialah berhubung dengan kes-kes tuntutan yang teramat ketat. Kadang-kadang complain yang kita terima mereka yang layak mendapat kembali wang caruman setelah mengikut umur. Sekiranya berlaku kematian, proses tersebut, kami sebagai wakil rakyat sentiasa ditemui oleh mereka yang berhak untuk mengambil wang caruman tetapi oleh kerana nama keluarga, kalau si isteri meninggal nama suami tidak sempat hendak dimasukkan dalam borang permohonan. Kita tidak tahu bila kita akan mati. Jadi, sama ada EPF mempunyai kaedah lain, kerana mengikut rungutan kalau nama yang diberi oleh pencarum tersebut dan dia meninggal tetapi tidak ada nama lain selain daripada nama pencarum, ini seringkali berlaku masalah untuk mereka membuat tuntutan. Jadi, saya meminta supaya pihak EPF supaya ada satu kaedah lain.

Begitu juga sebagaimana mereka yang masih bekerja dengan kerajaan untuk mendapat semula wang caruman, yang masih bekerja dengan kerajaan tidak kira umur 50 tahun sebagai contohnya juga sukar untuk mengambil semula, mengeluarkan wang caruman mereka. Walaupun Menteri telah berkali-kali mengatakan bahawa proses ini mestilah dipermudahkan.

Jadi, saya mintalah kalau boleh perkara ini dilihat sampai ke bawah supaya segala wang caruman mereka yang layak yang memerlukan wang tersebut untuk kegunaan terutama untuk membiayai anak-anak mereka ke sekolah dapat disegerakan proses tersebut, supaya tidak bertindih-tindih. Ini teguran sahaja bukan sebagaimana kata pembangkang bahawa tindakan pihak EPF tidak berkesan, berkesan. Cuma kita menegur dan memberi cadangan. Terima kasih.

Dato' Chan Kong Choy: Terima kasih Yang Berhormat di atas beberapa cadangan yang begitu membina. Kita akan mengambil perhatian. Yang Berhormat bagi Tanjong juga menyentuh tentang. .

Puan Chong Eng: *[Bangun]*

Dato' Chan Kong Choy: Saya akan memberi jawapan kepada Yang Berhormat secara bertulis. Yang Berhormat bagi Tanjong telah menyentuh tentang keperluan pembinaan bangunan baru KWSP di Shah Alam Selangor. Adalah menjadi dasar KWSP untuk membina bangunan sendiri di Pusat Pentadbiran Negeri seperti di Shah Alam Selangor. Ini adalah untuk memudahkan KWSP untuk berurusan dengan ahli. Namun pembinaan ini masih dalam peringkat cadangan dan bukannya telahpun diluluskan.

Yang Berhormat bagi Tanjong juga menyentuh tentang pembinaan Pusat Latihan KWSP yang bertaraf hotel lima bintang. Kenyataan tersebut adalah tidak benar. Pembinaan pusat latihan ini adalah penting bagi KWSP untuk membolehkannya memberi latihan dan juga kursus yang secukupnya kepada setiap anggota KWSP. Ini juga digunakan untuk memberi kursus kepada majikan-majikan dan ahli-ahli KWSP supaya dapat meningkatkan keberkesanan operasi KWSP.

Yang Berhormat bagi Tanjong dan juga bagi Bukit Bintang menyentuh tentang bangunan KWSP di Jalan Gasing yang tidak digunakan lagi. Pihak KWSP sedang dalam proses ubah suai dan upgrade bangunan ini kerana bangunan ini adalah merupakan satu bangunan yang lama dan proses upgrading ini adalah penting untuk memastikan aspek keselamatan penggunaan bangunan dan juga

untuk keselesaan kakitangan pekerja. Bila kerja upgrade ini diselesaikan, kita akan menggunakan balik bangunan di Jalan Gasing ini.

Yang Berhormat bagi Kuala Kedah sekali lagi telah membangkitkan dan menyarankan supaya KWSP harus melibatkan diri sendiri secara lebih aktif dalam projek-projek perumahan. Penglibatan KWSP di dalam projek perumahan kos rendah dan sederhana adalah salah satu tanggungjawab sosial kepada rakyat dan negara. Ini kita setuju dan penglibatan KWSP adalah melalui syarikat-syarikat usaha sama dan pembangunan tanah-tanah milik KWSP.

Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu meminta penjelasan berhubung dengan sekuriti yang dicadangkan di bawah pindaan dari segi jaminan dan keselamatan. Setakat 30 Jun 2001, laporan KWSP dalam Sekuriti Kerajaan Malaysia adalah sebanyak 37.05% dari jumlah keseluruhan pelaburan. Tujuan pindaan akta bagi memperluaskan takrifan Sekuriti Kerajaan Malaysia bertujuan supaya lebih banyak dana KWSP dilaburkan dalam pelaburan yang selamat kerana sekuriti yang dijamin atau diterbitkan oleh perbadanan milik penuh kerajaan dan Bank Negara Malaysia adalah berisiko rendah jika dibandingkan dengan sekuriti yang dijamin dan diterbitkan oleh perbadanan-perbadanan yang lain.

Yang Berhormat bagi Bandau bertanya mengapa banyak keputusan panel pelaporan selalu dipengaruhi oleh politik....

Tuan Husam bin Haji Musa: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Kubang Kerian.

Dato' Chan Kong Choy: Ya, sila.

Tuan Husam bin Haji Musa: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua berkenaan dengan penglibatan KWSP dalam memberikan pinjaman. Pada tahun lepas Yang Berhormat masih ingat bahawa lebih kurang RM1 bilion peruntukan hutang ragu ataupun *bad loan* telah dilakukan oleh KWSP. RM1 bilion adalah satu jumlah yang sangat besar dan baru-baru ini KWSP terpaksa mengambil alih sebuah hotel di Melaka kerana syarikat yang telah diberikan pinjaman gagal membayar balik hutang mereka. Daripada ini kita dapat lihat secara seimbis lalu bahawa sebenarnya sebelum ini KWSP telah digunakan atau dipaksa oleh satu pihak yang lebih tinggi untuk memberi pinjaman kepada projek-projek yang tidak *viable* dan tidak *feasible* termasuklah dalam Putra LRT sebanyak RM1 billion. Walaupun ianya dijamin oleh kerajaan tetapi jika projek ini tidak *viable* dari mula lagi, syarikat tersebut semestinya

tidak akan bayar hutang tersebut dan akhirnya kerajaan kena bayar. Jadi bukan sahaja masalah kerajaan menjamin pinjaman tetapi *viability* projek juga adalah satu perkara yang mesti dinilai lebih *prudent* oleh EPF kerana ini melibatkan wang orang ramai bahkan lebih *prudent* daripada bank-bank kerana KWSP bukan kuda tunggangan untuk menjayakan projek-projek tertentu yang tidak *viable* semata-mata di atas alasan kerajaan memberikan jaminan. Jaminan kerajaan bererti satu hari kerajaan mesti menanggung beban ini.

Jadi saya bimbang dengan peruntukan baru yang memberikan bidang sekuriti yang lebih luas ini akan disalahgunakan oleh pihak kerajaan. Apa jaminan bahawa kalau sebelum ini berlaku salah guna, pada masa akan datang tidak akan berlaku dan adakah penyiasatan akan dilakukan. Mengapakah projek-projek yang sedemikian diberikan kelulusan pinjaman oleh EPF.

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Yang di-Pertua, semua keputusan panel pelaburan adalah berasaskan komersial yang mana ianya mengambil kira dan menekankan seperti mana yang dikatakan oleh Yang Berhormat, *viability* sesuatu projek dan kebaikannya dalam menjana kadar pulangan yang berpatutan kepada pencarum. Walau bagaimanapun, prestasi sesuatu pelaburan juga tertakluk kepada senario pasaran tempatan dan global yang mana tidak semua senario yang negatif dapat diramal. Masalah ini dihadapi oleh semua institusi bukan sahaja oleh KWSP, di semua institusi di seluruh dunia. Bila kita hendak membuat satu keputusan, pada masa itu *fundamental, viability* dia memang bagus tetapi dengan perubahan senario tempatan dan global, ini memang merupakan satu risiko yang kita harus hadapi bukan sahaja oleh KWSP kerana ini memang merupakan satu risiko yang dihadapi oleh semua institusi kewangan, institusi pelaburan bukan sahaja di Malaysia tetapi di seluruh dunia dan masalah ini dihadapi oleh semua institusi terpulang sejauh mana *risk tolerance* yang

Tuan Husam bin Haji Musa: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat...Yang Berhormat.

Dato' Chan Kong Choy: ..yang kita sedia ambil.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat....

Dato' Chan Kong Choy: Yang Berhormat juga menyentuh tentang pengambilalihan hotel di Melaka oleh KWSP. Ini merupakan satu kenyataan yang tidak berasas. Kita tidak pernah mengambil mana-mana hotel dari Melaka. Ada

permintaan tetapi telah ditolak oleh Lembaga KWSP kerana projek ini tidak berdaya maju.

Tuan Husam bin Haji Musa: [*Bangun*]

Dato' Chan Kong Choy: Ini menunjukkan bahawa Yang Berhormat tidak check fakta ini yang mengatakan kita telah mengambil. So, saya nasihati Yang Berhormat, sebelum mengemukakan sesuatu tuduhan ataupun kenyataan, *you better check your fact*. Terima kasih, cukuplah.

Tuan Husam bin Haji Musa: Boleh bagi sedikit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Dia kata cukuplah.

Dato' Chan Kong Choy: Yang Berhormat bagi Tambun...

Tuan Husam bin Haji Musa: Dia suruh check, saya hendak check sekarang.

Dato' Chan Kong Choy: Check apa? Kenyataan ialah....

Tuan Husam bin Haji Musa: Kalau saya betul, apa yang akan berlaku, kalau kenyataan saya betul, boleh Menteri bertanggungjawab?

Dato' Chan Kong Choy: Saya sudah beritahu, ini tidak betul.

Tuan Husam bin Haji Musa: Saya ada bahan yang menunjukkan ini betul.

Dato' Chan Kong Choy: Okay, okay.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, jawapan sudah diberikan.

Tuan Husam bin Haji Musa: Tidak, sebab itu saya hendak minta laluan. *Gentleman* lah.

Dato' Chan Kong Choy: Saya telah memberikan jawapan.

Tuan Husam bin Haji Musa: *Gentleman* lah, pasal apa sekali pukul....

Dato' Chan Kong Choy: Yang Berhormat, saya bertanggungjawab kepada ...

Tuan Husam bin Haji Musa: [*Ketawa*] Tidak beri laluan. Tidak, saya akan tanya perkara lain.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat....

Dato' Chan Kong Choy: Cukup, cukup, cukup, Yang Berhormat.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Minta penjelasan sedikit Yang Berhormat.

Dato' Chan Kong Choy: Ha, ini boleh. Selalu mengemukakan cadangan yang membina.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih. Pada satu ketika pihak pegawai atasan EPF sendiri ada mengeluarkan kenyataan untuk mengambil tindakan undang-undang ke atas mereka yang melontar tohmahan dan dakwaan yang tidak benar ke atas KWSP. Adakah tindakan seperti ini akan berterusan termasuklah dakwaan yang sebelum ini dibuat oleh Kubang Kerian ke atas tuduhan tersebut. Jadi saya minta penjelasan Yang Berhormat untuk meminta sahabat kita bagi Kubang Kerian itu membuat dakwaan di luar Dewan ini. Terima kasih.

Dato' Chan Kong Choy: Dia mengulangi dakwaan ini di luar Dewan, kita akan mengambil tindakan yang sewajarnya.

Tuan Husam bin Haji Musa: [*Bangun*]

Dato' Chan Kong Choy: Cukup, cukup, diluar Dewan.

Tuan Husam bin Haji Musa: Bagilah peluang, adillah, satu satu.

Dato' Chan Kong Choy: Yang Berhormat...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ini kuasa orang yang berucap Yang Berhormat ...

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Yang di-Pertua,...

Tuan Husam bin Haji Musa: Betullah kuasa dia tetapi kena ada budi bicaralah sedikit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sila duduk, sila duduk.

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi ...

Tuan Husam bin Haji Musa: Yalah, bagilah peluang, kenapa takut sangat? Akta duduk sebelah dia, dia ada kebenaran, saya tidak ada kebenaran, pasal apa takut?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, Timbalan Menteri sudah kata tidak memberikan laluan.

Tuan Husam bin Haji Musa: Saya tidak benar, dia benar, pasal apa orang benar takut?

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Tambun mencadangkan supaya KWSP perlu mengadakan *business plan* yang teratur supaya tidak terlalu terdedah kepada risiko pelaburan yang terlalu tinggi. Saya setuju dengan cadangan ini dan KWSP sememangnya mempunyai *business plan* yang teratur kerana semua aktiviti pelaburan KWSP ditentukan oleh struktur lokasi aset yang telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan.

Sebelum alokasi aset ini dirangka ia telah mengambil kira faktor risiko dan kadar pulangan secara *up front* bagi setiap kelas aset. Oleh kerana KWSP merupakan badan amanah persaraan, maka itu struktur alokasi aset dirangka bersesuaian dengan objektif KWSP yang menekankan keselamatan caruman di samping dividen yang munasabah. Ingin saya tekankan bahawa adalah tidak munasabah untuk kita mendapatkan kadar dividen yang tinggi jika kita tidak mahu terdedah dengan risiko yang tinggi sebab *high risk high return*, dengan izin. Maka itu KWSP perlu menyeimbangkan kedua-dua faktor pulangan dan risiko bagi memastikan caruman setiap ahli adalah selamat di samping mengecapi kadar pulangan yang positif.

Yang Berhormat bagi Gelang Patah bertanya sama ada KWSP pernah diperalatkan bagi mengukur prestasi Bursa Saham Kuala Lumpur. Adakah tidak benar bahawa KWSP diperalatkan untuk mengukuhkan prestasi di BSKL. Pembelian ekuiti oleh KWSP seperti mana yang saya katakan tadi adalah berasaskan *fundamental* syarikat dan alokasi aset yang diluluskan oleh panel pelaburan KWSP dan juga oleh Kementerian Kewangan.

Yang Berhormat bagi Tambun juga bertanya adakah kerajaan bercadang mengetepikan *instrument* baru....

Tuan Husam bin Haji Musa: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, Kubang Kerian bangun.

Dato' Chan Kong Choy:dan sama ada pelaburan dalam sesuatu sekuriti perlu dilihat bukan sahaja dari sudut risiko sahaja tetapi juga dari sudut kecairan sama ada ianya boleh dijual semula. Pada asasnya semua bon dan sekuriti kerajaan yang dilabur oleh KWSP boleh dijual semula kerana ciri-ciri bon kerajaan sememangnya mempunyai kecairan di pasaran. Bagaimanapun, memandangkan KWSP merupakan institusi pelabur jangka panjang dan pelaburan dibuat bagi memenuhi keperluan akta, maka itu sebahagian besar daripada bon-bon tidak perlu dijual semula.

Yang Berhormat bagi Tambun juga menyentuh satu perkara iaitu KWSP tidak mempunyai *reserve* kerana pendapatan diagihkan sebagai dividen. Ini menyebabkan KWSP tiada *cushion* dalam keadaan kesulitan.

Tuan Husam bin Haji Musa: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ingin berikan laluan untuk Kubang Kerian?

Dato' Chan Kong Choy: Tidak payahlah, tidak payah. Polisi perakaunan KWSP mengehendaki semua pendapatan bagi setiap tahun diagihkan sepenuhnya kepada pencarum yang mana ianya adalah selaras dengan dasar kerajaan. Dasar ini juga adalah bersesuaian bagi institusi yang melaksanakan program keselamatan sosial seperti KWSP di mana setiap pencarum yang bersara harus menerima semua pendapatan yang dijana oleh KWSP bagi tahun yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Tambun juga menyentuh tentang proses permohonan pinjaman. Kesemua permohonan pinjaman dikaji dan melalui proses *due diligence* untuk memastikan sama ada pembiayaan berkenaan *viable* dan selepas itu barulah cadangan pinjaman dikemukakan untuk kelulusan panel pelaburan KWSP seperti mana yang disyaratkan di bawah Akta KWSP 1991. Selepas kelulusan panel pelaburan, ianya dikemukakan kepada Kementerian Kewangan untuk kelulusan. Kepentingan KWSP dijaga melalui penyediaan dokumen pinjaman yang disertakan dengan jaminan serta syarat-syarat yang dimasukkan ke dalam perjanjian pinjaman.

Yang Berhormat bagi Kubang Kerian bertanya kenapa KWSP memberi pinjaman kepada LRT di mana bank-bank tidak mahu memberi pinjaman. Sekali lagi adalah tidak benar tuduhan Yang Berhormat mengenai bank-bank yang tidak mahu memberi pinjaman kepada projek LRT. Untuk makluman Yang Berhormat, projek LRT melibatkan kos melebihi RM2 bilion dan KWSP hanya memberi pinjaman sebanyak RM600 juta dengan jaminan bank kepada STAR. Bank-bank telah membiayai projek LRT di samping menjamin pinjaman yang diberikan oleh KWSP, maka mengatakan bahawa tidak terdapat bank yang hendak membiayai projek ini memang merupakan satu kenyataan yang tidak berasas kerana bank ini telah memberikan pinjaman dan memberikan jaminan kepada pinjaman KWSP kepada projek-projek yang berkenaan.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Kemaman.

Dato' Chan Kong Choy: Ya Kemaman.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Terima kasih Yang Berhormat. Saya hendak tahu Yang Berhormat, nyatakan bank-bank yang mana ingin sangat hendak

beri pinjaman kepada projek LRT ini. Setahu saya, Bank Pembangunan adalah salah satu daripada bank yang memberi pinjaman kepada LRT. Jadi, saya hendak tanya, apakah kemudahan-kemudahan yang diberikan kepada LRT ini. Sekian, terima kasih. .

Dato' Chan Kong Choy: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kemaman. Saya akan memberikan bank-bank yang terlibat dalam projek ini kepada Yang Berhormat secara bertulis.

Yang Berhormat bagi Kuala Kedah mendakwa bahawa pandangan wakil pekerja dalam Lembaga KWSP tidak diambil kira. Dakwaan bahawa pandangan wakil pekerja, saya hendak menerangkan di sini tentang komposisi Ahli Lembaga KWSP adalah seperti berikut. Seorang Pengerusi yang dilantik oleh kerajaan, seorang Timbalan Pengerusi diambil daripada wakil kerajaan biasanya pegawai kanan daripada Kementerian Kewangan dan seorang Ketua Pegawai Eksekutif yang menduduki dalam Lembaga sebagai *ex-officio*. Selain daripada itu, Lembaga mempunyai lima wakil kerajaan, lima wakil pekerja, lima wakil majikan dan tiga orang wakil profesional.

Kenyataan menyatakan pandangan ataupun suara wakil pekerja tidak diambil kira dalam proses membuat keputusan oleh Lembaga adalah tidak benar kerana keputusan Lembaga dibuat secara kolektif. Ada kalanya apabila wakil pekerja meminta supaya pandangan mereka dikemukakan kepada Kementerian Kewangan, Lembaga sentiasa mematuhi permintaan ini dan saya sendiri dari semasa ke semasa menerima rombongan daripada MTUC untuk mengemukakan perkara-perkara yang ada kaitan dengan KWSP.

Tuan Mohamad bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, contoh diberi oleh Kesatuan Sekerja ialah misalnya skim. Mereka membantah skim yang hilang upaya kematian, dahulu dapat RM30,000, sekarang tinggal RM2,000. Walaupun pandangan Kesatuan Sekerja bulat dalam hal itu, tetapi oleh kerana pandangan mereka minoriti, maka pandangan mereka tidak diterima. Ini di antara contoh yang mereka beri, bagaimana perkara kebajikan kepada pekerja walaupun disuarakan oleh mereka, tetapi tidak diterima oleh pihak *Board*. Jadi, minta komen tentang pandangan mereka ini.

Dato' Chan Kong Choy: Sepertimana yang saya kata, semua keputusan yang diambil oleh pihak Lembaga KWSP adalah merupakan keputusan kolektif. Walau bagaimanapun, sebelum sesuatu ataupun setelah sesuatu keputusan telah

diambil, pandangan daripada pihak-pihak yang berkenaan, baik dari pihak pekerja, baik dari pihak kerajaan ataupun dari majikan boleh dibangkitkan sekali lagi dari semasa ke semasa kepada Lembaga supaya diulangkaji. Oleh kerana itu, bila satu keputusan telah diambil tentang bayaran faedah kematian dan hilang upaya, sudah diambil dan telah dibawa ke Dewan untuk meminda akta dan selepas ini bahawa pihak pekerja dan beberapa pihak yang lain, berpendapat bahawa kerajaan ataupun Lembaga KWSP harus mengulangkaji perkara ini.

Memang pihak Lembaga dan pihak kerajaan mengamalkan sikap terbuka dalam perkara ini dan perkara ini memang akan dikaji semula dan dalam mesyuarat yang akan datang di Lembaga iaitu, pada 6 Ogos perkara ini akan dikaji semula. Ini merupakan sikap KWSP untuk mengkaji apa-apa pandangan yang dikeluarkan oleh mana-mana pihak termasuk pihak pekerja dan juga pihak majikan. Dan dalam mesyuarat yang akan datang yang akan diadakan pada 6 Ogos ini, kita juga akan kaji semula skim anuiti yang telah dibangkitkan oleh beberapa orang Yang Berhormat.

Yang Berhormat bagi Batu Gajah.....

Dr. Tan Seng Giaw: *[Bangun]*

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ada dua orang bangun.

Dato' Chan Kong Choy: Kepong dahulu.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Saya tertarik kepada satu sikap yang disebutkan oleh Yang Berhormat, Lembaga yang mengamalkan sikap terbuka. Bolehkah Yang Berhormat terangkan, macam mana mereka buat keputusan?. Misalnya, di antara syarikat-syarikat yang KWSP melabur dengan ekuiti melebihi 10% misalnya, Cyde & Carriage Bintang, di Perdana EON, KFC, Land & General and United Plantation juga memiliki saham yang besar. Sekiranya Lembaga hendak menjualkan saham ini kerana naik-turun pasaran dan sebagainya kerana untuk maksud yang tertentu, Lembaga hendak jualkan. Macam mana mereka buat keputusan kerana kita tidak boleh tunggu. Bolehkah Yang Berhormat terangkan?

Dato' Chan Kong Choy: Lembaga tidak membuat keputusan tentang hal yang ada kaitan dengan pelaburan. Pelaburan, segala keputusan yang ada kaitan dengan pelaburan, dibuat oleh panel pelaburan yang terdiri daripada profesional dari

bidang-bidang yang berkenaan. Memang Lembaga tidak membuat keputusan dalam perkara ini.

Yang Berhormat bagi Batu Gajah menyentuh tentang caruman warganegara asing. Dalam perkara ini, kerajaan telah bersetuju untuk memansuhkan dasar diwajibkan pekerja warganegara asing mencarum kepada KWSP.....[Disampuk]

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: [Bangun].

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Kuala Terengganu bangun.

Dato' Chan Kong Choy: Selepas ini, ya. Keputusan kerajaan ini akan dilaksanakan pada satu tarikh yang akan ditentukan kemudian.

Ya, Yang Berhormat.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin *retract* sedikit dengan izin mengenai keterbukaan, apa yang dikatakan tentang keterbukaan EPF ataupun *Board* EPF dalam mendengar pandangan-pandangan terutamanya dari pihak MTUC. Apakah Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh memberi jaminan di Dewan ini, bahawa EPF juga akan menerima atau mengkaji balik penolakan mereka ataupun penolakan cadangan oleh MTUC supaya meletakkan *investment panel, accountable* kepada *Board*? Ini telahpun lama diperjuangkan oleh pihak MTUC tetapi sehingga sekarang ditolak oleh mereka.

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menekankan sekali lagi bahawa sikap terbuka ini akan diteruskan oleh pihak KWSP dan segala keputusan yang diambil oleh KWSP akan mengambil kira kepentingan semua pihak.

Saya dapat satu jawapan untuk Yang Berhormat bagi Kemaman. Antara bank-bank yang terlibat dengan projek-projek LRT adalah bank asing iaitu *Standard Chartered* dan *Hong Kong Bank* manakala bank tempatan pula adalah Bank Rakyat dan juga RHB Bank. Ini merupakan beberapa bank yang telah melibatkan diri dalam projek LRT.

Ya, Yang Berhormat.

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Terima kasih. Saya hendak tahu status pinjaman-pinjaman ini sebab kebanyakan daripada pinjaman-pinjaman yang dibuat oleh Kumpulan Renong semuanya adalah berstatus NPL. Adakah pinjaman-pinjaman ini masih akaun aktif ataupun dalam NPL?

Dato' Chan Kong Choy: Saya tidak mempunyai sebarang butiran di sini. Saya akan memberikan maklumat ini kepada Yang Berhormat secara bertulis.

Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja. Sekian, terima kasih. .

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal 1 hingga 9 -

12.02 tgh.

Tuan Mohamad bin Sabu [Kuala Kedah]: Tuan Pengerusi, saya ingin minta penjelasan bahagian 54(f)(7) iaitu, perkara ini dibantah juga oleh Kesatuan Sekerja di atas kebimbangan mereka iaitu: "Walau apa pun seksyen 54(6), Menteri boleh, jika difikirkan suaimanfaat dan selepas berunding dengan Lembaga, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, menambah, mengubah atau mengubahsuaikan maksud-maksud yang baginya seseorang ahli Kumpulan Wang boleh membuat pengeluaran di bawah subseksyen (6)..." .

Ini satu kebimbangan daripada pihak Kesatuan Sekerja iaitu, sekarang satu perkara baru hendak di bawa ke Parlimen dan dibimbangi selepas akta ini diterima, maka menteri berkuasa penuh dengan wang yang begitu banyak berada di EPF itu. Memanglah jaminan-jaminan yang dibuat oleh Timbalan Menteri nanti, dia masuk dalam *Hansard*, tetapi tidak dilawkan, misalnya amaun mana menteri boleh luluskan untuk terlibat dalam satu dan sebagainya dan menteri boleh pengaruh *Board* untuk melabur di mana-mana dan ini dibantah oleh MTUC. Jadi, saya minta sedikit ulasan tentang 54(f)(7), jaminan yang konkrit terutama kepada Kesatuan Sekerja iaitu, pencazum itu sendiri. Sekian, terima kasih. .

Dato' Chan Kong Choy: Terima kasih Yang Berhormat. perkara ini saya telah menjelaskan di Dewan yang mulia ini semalam bahawa kuasa yang diberikan kepada Yang Berhormat Menteri dengan pindaan 54 (f)(7) ini hanya terhad kepada Akaun II dan Akaun III sahaja iaitu, kemudahan-kemudahan pengeluaran yang ada kaitan dengan beberapa skim yang sedia ada dan beberapa skim yang mungkin

pada masa hadapan difikir perlu - Kepada dua akaun ini sahaja dan tidak ada kaitan. Dan dengan ini, tidak bermakna selepas kelulusan seksyen ini bahawa Yang Berhormat Menteri boleh membuat keputusan sewenang-wenangnya dengan apa jua hal yang ada dengan EPF. Memang tidak ada, cuma Akaun II dan Akaun III tentang kemudahan pengeluaran sahaja dan ini juga kena dibawa ke Lembaga di mana pekerja telahpun diwakili oleh MTUC sebelum sesuatu keputusan dapat diambil.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Husam bin Haji Musa: Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada pindaan seksyen 26B iaitu:

“Seksyen 26B Akta itu dipinda dengan menggantikan subseksyen (3) dengan subseksyen yang berikut:

- (3) Bagi maksud seksyen ini, sekuriti-sekuriti yang diterbitkan oleh Kerajaan Malaysia hendaklah termasuk –
 - (a) pinjaman yang dijamin sepenuhnya oleh Kerajaan Malaysia.”

Dato' Chan Kong Choy: Yang Berhormat minta maaf. Seksyen mana?

Tuan Husam bin Haji Musa: Pindaan seksyen 26B muka surat 2.

Tuan Pengerusi: Ya, sila.

Tuan Husam bin Haji Musa: Tuan Pengerusi saya telah membangkitkan berkenaan dengan pinjaman-pinjaman yang dijamin oleh kerajaan. Yang Berhormat Timbalan Menteri telah pun memberikan keterangan bahawa pinjaman ini selain daripada;

- i) dijamin oleh kerajaan
- ii) berasaskan kepada fundamental sesuatu projek yang diluluskan pinjaman

Saya merujuk kepada akaun tahunan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja pada tahun 2000 yang memperuntukkan provision for bad loan dengan izin, peruntukan bagi hutang ragu yang kemudiannya akan menjadi hutang ragu ialah sebanyak RM1 bilion. Dan pada tahun 1999 walaupun saya tidak mempunyai KWSP bagi tahun kewangan 1999 provision for bad loan ialah RM700 juta. Dalam masa dua tahun sahaja peruntukan untuk bad loan ialah RM1.7 bilion dan ini memakan hasil keuntungan KWSP yang mengurangkan dividen yang boleh diberi kepada pencarum-pencarum. Jawapan yang biasa ialah bahawa senario ekonomi kita. Jadi,

di sini pada saya jika sekiranya sesuatu pinjaman itu semuanya keseluruhannya telah mendapat jaminan kerajaan melalui security yang dikeluarkan oleh kerajaan atau jaminan kerajaan yang lain tidak mungkin akan wujud satu keadaan di mana pinjaman itu tidak dapat dibayar dan seterusnya provision for bad loan itu berlaku. Dan saya juga telah merujuk kepada suatu keadaan di mana KWSP dikatakan terpaksa mengambil alih hotel di Melaka. Ini bukan saya reka. Tetapi ini dinyatakan dalam surat khabar 'Mail Street' tetapi oleh kerana saya tidak bersedia hari ini saya simpan surat khabar itu pada masa tertentu saya akan mungkin minggu depan

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Minta penjelasan ya. Minta penjelasan daripada Yang Berhormat bagi Kubang Kerian mengenai kedudukan pinjaman yang ...

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, Yang Berhormat tidak boleh tanya kepada dia. Tanya kepada Menteri.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Dia dalam Jawatankuasa. Dia berucap dalam Jawatankuasa.

Tuan Pengerusi: Dalam Jawatankuasalah tidak boleh tanya kepada dia. Tanya kepada Menteri.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Saya minta penjelasan. Okay.

Tuan Pengerusi: Ya, ya.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Okay terima kasih. Dia tengah berucap lagi Tuan Pengerusi jadi saya minta penjelasan dengan dialah kan.

Tuan Pengerusi: Iyalah.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Terima kasih. Saya hendak tanya mengenai kedudukan pinjaman yang diberikan kepada Time Engineering sebanyak RM500 juta di mana bayaran yang dibuat melalui pembelian saham Time dotCom. Daripada harga saham yang ada sekarang ini maknanya dengan harga yang dibeli oleh KWSP berharga RM3.30 dahulu sekarang ini harga dia kurang daripada RM2.00. Jadi kerugian yang ditanggung oleh KWSP ini saya tanya berapa dalam keadaan pasaran sekarang. Dan juga saya hendak tanya selepas KWSP dapat bayaran daripada Time ini kenapa pula Bank Pembangunan beri pinjaman kepada Time sebanyak RM860 juta. Ini maknanya dia tidak dapat bayar daripada satu institusi kerajaan kemudian institusi kerajaan yang satu lagi pula beri pinjaman yang lebih banyak lagi daripada yang diberi pinjaman oleh KWSP. Sekian.

Tuan Husam bin Haji Musa: [Bangun]

Dato' Chan Kong Choy: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Sekejap. Bagi jawab dulu tidak apa. Ya.

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Pengerusi, perkara-perkara yang dibangkit oleh Yang Berhormat ini tidak ada kaitan dengan pindaan Seksyen 26B. Seksyen 26B ini cuma berkaitan dengan SKM (Sekuriti Kerajaan Malaysia) sahaja. Sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ya, boleh cakap sikit lagi ya boleh.

Tuan Husam bin Haji Musa: Terima kasih Tuan Pengerusi. Berbalik kepada fundamental dalam kes Perwaja umpamanya saya masih lagi...

Dato' Chan Kong Choy: Pindaan seksyen mana Yang Berhormat ya?

Tuan Husam bin Haji Musa: Saya berbincang tentang sekuriti kerajaan iaitu kita sekarang akan memasukkan takrif baru sekuriti kerajaan supaya pinjaman KWSP ataupun pelaburan KWSP dalam sekuriti kerajaan adalah terjamin dan definisi sekuriti kerajaan itu telah dikembangkan. Berkait dengan penglibatan kerajaan juga dalam EPF yang saya hendak tekankan di sini ialah bagaimana tujuan daripada pindaan ini ialah supaya sesuatu pelaburan EPF adalah terjamin. Ini untuk masa yang akan datang supaya semua pelaburan akan datang ada jaminan yang tertentu dan sekuriti kerajaan ini sebahagian daripada pelaburan yang paling selamat kerana tiap-tiap sekuriti kerajaan akan sampai satu masa akan matang dan kerajaan akan membayarnya. Tetapi saya berharap supaya walaupun ini adalah satu pelaburan yang paling selamat bagi KWSP, sekuriti kerajaan sendiri jika dikeluarkan terlalu besar pada suatu masa kita akan berlaku seperti di Mexico dan sebagainya di mana kerajaan sendiri tidak mempunyai keupayaan. Jadi, walaupun ada clause ini saya masih berharap viability sesuatu projek yang dikaitkan dengan sekuriti kerana kerajaan mengeluarkan sekuriti itu untuk melaksanakan sesuatu projek yang tertentu. Kerajaan mengeluarkan sekuriti mendapatkan wang bagi membiayai sesuatu projek tertentu. Jadi, tidak terhad kepada sekuriti kerajaan sahaja tetapi apakah yang berada di belakang projek yang dikeluarkan sekuriti oleh kerajaan. Sekian.

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Pengerusi, untuk makluman Dewan yang mulia ini beberapa tahun kebelakangan ini terbitan Sekuriti Kerajaan Malaysia sudah makin berkurangan bukan bertambah. Sekian terima kasih.

Fasal 1 hingga 9 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang undang-undang ini dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA LETRIK SABAH (PINDAAN) 2001

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

12.13 tgh.

Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia [Datuk Tan Chai Ho]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang bernama Rang Undang-undang Lembaga Letrik Sabah (Pindaan) 2001 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Lembaga Letrik Sabah (Pindaan) 2001 digubal ekoran daripada keputusan kerajaan untuk memindahkan semua harta iaitu aset, hak dan liabiliti Lembaga Letrik Sabah (LLS) kepada Sabah Electricity Sdn. Bhd iaitu (SESB) secara sekali gus melalui proses Statutory Vesting Order. Buat masa ini Rang Undang-undang Lembaga Letrik Sabah (Pindaan) 2001 telah dibaca untuk kali yang pertama dalam Dewan yang mulia ini pada 21 Mac 2001.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjelaskan latar belakang pindaan kepada Akta Lembaga Letrik Sabah 1983 iaitu Akta 278 ini. Kerajaan telah bersetuju setelah supaya Lembaga Letrik Sabah diswastakan secara terus, direct privatization. Rasional di sebalik penswastakan tersebut adalah bagi membolehkan pihak yang mengambil alih LLS memperkenalkan pembaharuan dengan secepat mungkin agar mutu perkhidmatan bekalan elektrik di seluruh negeri Sabah termasuk Wilayah Persekutuan Labuan dipertingkatkan.

Untuk melaksanakan penswastakan itu kerajaan telah bersetuju supaya Akta Lembaga Letrik Sabah 1983 dipinda bagi membolehkan bisnes LLS diswastakan secara terus. Berpandukan kepada keputusan berkenaan Akta Lembaga Letrik Sabah (Pindaan) 1997 telah dibentang dan diluluskan oleh Parlimen serta berkuat kuasa pada 25 Julai 1997. Lanjutan daripada itu satu perjanjian penswastakan bisnes LLS telah dirundingi, dipersetujui dan dime terai di antara Kerajaan Persekutuan, LLS dan Sabah Electricity Sdn. Bhd pada 26 Ogos 1998.

Bisnes LLS telah diswastakan pada 1 September 1998 kepada SESB yang ekuitinya dimiliki oleh Tenaga Nasional Berhad 80% dan Kerajaan Negeri Sabah 20%. Lanjutan daripada termeterainya perjanjian tersebut SESB telah mengambil alih bisnes LLS dan menjalankan aktiviti yang berkaitan dengan operasi sebagai sebuah utiliti elektrik. Aktiviti-aktiviti tersebut termasuklah penjanaan tenaga elektrik, penghantaran dan pembahagian tenaga elektrik kepada para pengguna melalui rangkaian talian penghantaran dan pembahagian. Walaupun bisnesnya telah diswastakan LLS terpaksa terus wujud sebagai satu legal entity oleh kerana kesemua aset, hak dan liability yang dimiliki oleh LLS belum lagi dapat dipindahmilikkan kepada SESB. Pada masa ini SESB sedang beroperasi dengan menggunakan aset yang dimiliki oleh LLS mulai tarikh pelaksanaan perjanjian penswastan tersebut iaitu pada 1 September 1998. Di antara aset, hak serta liability milik LLS yang digunakan oleh SESB adalah termasuklah stesen-stesen janakuasa bagi menjana tenaga elektrik, talian penghantaran dan pembahagian stesen pencawang elektrik, tapak-tapak tanah stesen pencawang elektrik, perjanjian kontrak yang telah ditandatangani oleh pihak LLS dengan pihak-pihak ketiga serta hak-hak izin lalu bagi sistem talian penghantaran dan pembahagian di seluruh negara Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan.

Tuan Yang di-Pertua, pihak SESB tidak akan dapat beroperasi terus menerus secara lebih efisien dan efektif tanpa mendapat hak milik ke atas semua aset, hak dan liability tersebut yang masih lagi di atas nama LLS. Saya ingin memaklumkan bahawa pindaan akta yang dicadangkan adalah seperti berikut:

- (i) Fasal 2 bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 90A ke dalam Akta 278 untuk memberi kuasa kepada Menteri yang bertanggungjawab tentang hak-hak mengenai tenaga untuk membuat sesuatu perintah yang meletakkan segala harta, hak dan liability Lembaga Letrik Sabah kepada orang yang akan ditentukan oleh Menteri dalam perintah ini iaitu Sabah Electricity Sdn. Bhd. Perletakkan akan berkuat kuasa pada tarikh yang akan ditetapkan oleh Menteri dalam perintah tersebut.
- (ii) Fasal ini juga bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 90B ke dalam Akta 278 untuk membenarkan SESB memohon perintah mahkamah tinggi untuk tujuan mendaftarkan

peletakhakan bagi segala atau mana-mana tanah privilege atau apa-apa share atau kepentingan mengenai tanah itu di Sabah yang dimiliki oleh LLS selaras dengan Ordinan Tanah Sabah dan hanya mengiktiraf pendaftaran tanah tersebut kepada SESB melalui perintah mahkamah.

- (iii) Fasal 3 bertujuan untuk meminda seksyen 91, Akta 278 agar peletakhakan harta, hak dan liabiliti LLS di bawah seksyen 90A yang dicadangkan itu boleh dijadikan alasan bagi pembubaran LLS.

Tuan Yang di-Pertua, lanjutan daripada cadangan pindaan kepada seksyen baru 90A dan 90B di atas, menteri akan membuat satu perintah bagi tarikh peletakhakan dan pada tarikh tersebut. Kesemua aset, hak dan liabiliti LLS akan dipindah milik dan diletakhakan kepada SESB tanpa melalui sebarang proses penyerahmilikan, serah hak dan pindah milik.

Tarikh peletakhakan akan disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 September 1998 secara *retrospective*. Tarikh ini adalah selaras dengan tarikh business LLS diswastakan kepada SESB dan ia dicadangkan atas alasan supaya tidak ada perbezaan di antara tarikh penswastakan dan tarikh peletakhakan dan ini akan memudahkan proses dari segi aspek perundangan dan pentadbiran.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Lembaga Letrik Sabah 1983 perlu dipinda bagi membolehkan proses pemindahan semua harta, hak dan liabiliti LLS kepada SESB dilaksanakan secara sekali gus melalui proses *statutory vesting order*. Tindakan ini adalah perlu bagi memastikan supaya pelaksanaan penswastakan business LLS dapat dimuktamadkan dengan segera secara sempurna dan teratur selaras dengan hasrat utama kerajaan untuk menswastakan LLS.

Tuan Yang di-Pertua: Sokongan?

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Dato' Zainal bin Dahalan]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah dihadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama satu akta untuk meminda Akta Lembaga Letrik Sabah 1983 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Ya, Yang Berhormat. Yang dihujung, ya.

12.25 tgh.

Datuk Lau Ngan Siew [Sandakan]: Pertama sekali terima kasih saya ucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Akta Lembaga Letrik Sabah 1983 yang telah pun dipinda kepada Akta Lembaga Letrik Sabah (Pindaan) 2001 di persidangan Parlimen pada hari ini.

Saya difahamkan di dalam akta ini, kuasa diberikan kepada menteri untuk membuat perintah yang meletakkan harta, hak dan liabiliti Lembaga Letrik Sabah kepada orang yang akan ditentukan mengikut perintah daripada menteri tertakluk kepada sebaik sebelum tarikh yang telah ditentukan menurut kuasa seksyen 90A(1). Saya percaya akta ini adalah amat perlu dan bersesuaian bagi menjamin sistem pengurusan yang cekap dan prestasi kerja yang lebih mantap dapat dijalankan di dalam perkhidmatan SESB.

Tuan Yang di-Pertua, di Dewan yang mulia ini ingin saya menyentuh kembali masalah yang pernah saya kemukakan dahulu iaitu berkenaan dengan masalah gangguan bekalan elektrik yang masih lagi wujud bukan sahaja di Sandakan, malah seluruh daerah di Sabah. Seperti mana yang telah diketahui, Lembaga Letrik Sabah telah pun diswastakan dan diambil alih oleh Syarikat Tenaga Nasional Berhad (TNB) yang mana lebih dikenali dengan nama Sabah Elektrik Sendirian Berhad (SESB).

Kini, Sandakan sudah mempunyai dua loji jana kuasa IPP dan telah dibina di Seguntor dengan kuasa kapasiti 61 kilowatt dan Batu Sapi dengan kapasiti 32 kilowatt. Ini bermakna kuasa kapasiti telah dipertingkatkan lagi sebanyak 93 kilowatt. Dengan ini, masalah kekurangan bekalan elektrik yang pernah dihadapi satu ketika dahulu oleh seluruh penduduk di Sandakan telah pun dapat diatasi dengan sepenuhnya.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun Sandakan telah ada loji jana kuasa IPP yang didirikan bagi mengatasi masalah kekurangan yang ada, namun masalah terhadap gangguan dan keputusan bekalan elektrik yang berpunca daripada kabel-kabel dan talian transmisi lama yang telah rosak masih lagi ditimbulkan. Kerja-kerja membaik pulih sistem kabel-kabel dan talian transmisi lama perlu dipertingkatkan bagi mengatasi masalah berkenaan.

Contohnya, baru-baru ini, Batu Sapi, Karamunting, Jalan Leila dan beberapa lagi kawasan yang berhampiran, gangguan bekalan elektrik yang sering terputus-putus kerap berlaku sejak kebelakangan ini. Selang tempoh dua hingga tiga jam, bekalan elektrik akan terputus hampir pada setiap hari. Disebabkan masalah itu, orang ramai telah merungut dan menyuarakan rasa tidak puas hati mereka terhadap

masalah yang berlaku dan inginkan penjelasan mengapakah masalah seperti ini masih ditimbulkan.

Masalah gangguan bekalan elektrik di Sandakan bukanlah perkara baru yang dihadapi

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Boleh minta penjelasan?

Tuan Yang di-Pertua: Minta penjelasan ya.

Datuk Lau Ngan Siew: Tidak bagilah, tidak bagi.

Tuan Yang di-Pertua: Dia tidak bagi.

Datuk Lau Ngan Siew: ...oleh seluruh penduduk di Sabah dan Sandakan khususnya, masalah seperti ini telah berlaku semenjak dari tahun 1997 lagi. Walaupun kerajaan telah memberi bantuan dengan memperuntukkan RM81 juta kepada negeri Sabah bagi membiayai kos untuk membaik pulih sistem kabel dan talian transmisi lama yang telah rosak, namun masalah ini masih belum dapat diatasi lagi dengan sepenuhnya. Apa yang saya difahamkan, pihak SESB banyak menanggung kerugian iaitu sebanyak RM2 bilion pada setiap tahun bagi menjalankan kerja-kerja membaik pulih dan memperbaharui mesin-mesin yang telah rosak.

Saya berpendapat sekiranya SESB ingin mengatasi masalah gangguan elektrik yang berlaku di Sandakan, adalah lebih baik jika SESB mencontohi sistem teknologi di negara Barat, contohnya seperti United Kingdom dan Amerika Syarikat yang mana di negara mereka, semua kabel-kabel di tanam di dalam tanah bagi mengelakkan gangguan terhadap kabel-kabel dan talian transmisi. Sistem teknologi di negara Barat adalah lebih cekap dan moden.

Oleh itu, saya berpendapat sekiranya SESB ingin mewujudkan sistem perkhidmatan yang lebih maju dan berkualiti dapat dijalankan, maka adalah amat sesuai jika kabel-kabel di seluruh Sandakan ditanam di dalam tanah bagi mengatasi masalah tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga telah difahamkan bahawa TNB telah membelanjakan berjuta-juta ringgit setahun untuk membiayai kos yang tinggi terhadap penggunaan diesel dalam sistem operasi mesin yang digunakan sekarang. Sebagai jalan penyelesaian untuk mengurangkan kos tersebut, projek Bakun di Sarawak haruslah dilaksanakan secepat mungkin kerana sekiranya projek ini dapat disiapkan sepenuhnya, maka pembiayaan kos yang tinggi terhadap penggunaan diesel di dalam operasi mesin akan dapat dikurangkan kerana di dalam projek

berkenaan, penggunaan diesel akan digantikan kepada gas. Saya juga difahamkan projek ini dijangkakan siap sepenuhnya pada tahun 2004 sehingga 2005.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya difahamkan, buat masa ini, SESB telah membina tiga buah substation untuk mengatasi masalah keputusan bekalan elektrik di mana ia dapat berfungsi bagi menggantikan mana-mana power station, yang mengalami keputusan bekalan elektrik akibat bebanan kapasiti yang semakin meningkat (*overload*). Namun, pembinaan substation ini tidak boleh diharapkan sangat bagi membantu menyelesaikan masalah ini dalam jangka masa yang panjang.

Apa yang penting, SESB haruslah membina satu sistem power grid di power station Sandakan yang dapat membekalkan bekalan elektrik kepada daerah Tawau dan Lahad Datu sekiranya berlaku keputusan yang disebabkan oleh masalah kekurangan bekalan elektrik yang tidak mencukupi. Saya difahamkan pembinaan sistem power grid di kedua-dua tempat ini akan dijangkakan siap pada penghujung Disember 2001.

Saya percaya sekiranya ketiga-tiga daerah Sandakan, Tawau dan Lahad Datu telah menggunakan fungsi sistem power grid dengan sepenuhnya, maka segala masalah kekurangan bekalan elektrik sudah pasti dapat diatasi.

Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang telah diketahui umum, projek-projek besar seperti Kuasa Hidro-Lit di Malaysia Timur, seperti projek Bakun di Sarawak dan projek Kuasa Hidro-Liwagu Fasa 1 dengan penggunaan produk kapasiti 400MW yang telah pun dijalankan sejak tahun 1998 lagi. Projek-projek besar ini seharusnya perlu disiapkan dengan secepat mungkin untuk mengatasi kos yang tinggi dan masalah kekurangan bekalan elektrik yang berlaku buat masa ini.

Saya percaya sekiranya projek-projek besar seperti projek Bakun dapat disiapkan dalam jangka masa yang pendek maka sudah tentu seluruh penduduk di Sabah akan dapat menikmati keselesaan dan kepuasan terhadap perkhidmatan yang cekap dan mencukupi dalam tempoh masa yang panjang.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi masalah yang perlu diberikan perhatian yang serius dan sedang dihadapi oleh SESB ialah mengenai masalah penyambungan bekalan elektrik secara haram atau lebih tepat lagi dikaitkan dengan kegiatan sesetengah pihak yang begitu berani mencuri bekalan elektrik khasnya bagi mereka yang tinggal di kawasan-kawasan perumahan setinggan.

Apa yang saya perhatikan terdapat banyak kawasan perumahan setinggan yang dihuni oleh pendatang asing yang mencuri bekalan elektrik sama ada dengan melakukan penyambungan wayar melalui dari rumah-rumah jiran yang berhampiran ataupun dengan cara penyambungan wayar daripada punca elektrik yang berdekatan. Kegiatan mereka ini bukan sahaja telah merugikan pihak SESB, malah turut membahayakan keselamatan penduduk setempat yang berhampiran jika berlakunya kejutan elektrik.

Walaupun pemeriksaan sering dilakukan oleh pegawai-pegawai SESB, namun ianya masih tidak begitu berkesan. Apa yang penting bantuan daripada pihak polis, task force mahupun tentera adalah diperlukan untuk bekerjasama membantu mengiringi pihak SESB ketika melakukan pemeriksaan dan rondaan di kawasan kampung-kampung dan perumahan setinggan kerana ditakuti ada pihak yang mengamuk dan enggan memberikan kerjasama kepada pihak SESB. Saya yakin sekiranya ada kerjasama daripada pihak berkuasa dengan SESB sudah pasti masalah ini akan dapat dibanteras dari masa ke semasa.

Saya juga menyeru agar orang ramai juga perlu prihatin dan bekerjasama di mana mereka perlulah melaporkan hal ini kepada pihak berkuasa jika mendapati berlakunya pencurian atau penyambungan bekalan elektrik tanpa mengikut prosedur yang betul. Saya percaya, jika semua orang awam turut memberikan kerjasama kepada pihak polis dan SESB, sudah pasti masalah ini akan dapat diatasi.

Tuan Yang di-Pertua, di Dewan yang mulia ini ingin saya mengambil kesempatan untuk mengucap ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Rompin yang juga merangkap Pengerusi kepada TNB di atas keprihatinan dan sikap beliau yang memahami terhadap masalah yang dihadapi oleh penduduk-penduduk di Sabah di mana dalam lawatannya ke Sandakan baru-baru ini beliau telah mengumumkan satu berita baik kepada seluruh penduduk di Sabah di mana SESB akan memastikan tidak ada kenaikan kadar tarif. Saya sebagai Ahli Parlimen bagi Sandakan ingin menyatakan rasa bersyukur dan terima kasih kepada pihak SESB di atas tindakan yang diambil bagi menjaga kebajikan seluruh rakyat di Sabah. Syabas dan tahniah kepada SESB.

Tindakan seperti ini diambil adalah berikutan daripada kes yang berlaku di Sandakan baru-baru ini di mana salah sebuah wakil syarikat yang telah dilantik oleh kerajaan telah menaikkan kadar tarif melebihi tarif yang dikenakan oleh SESB. Tindakan ejen ini telah menimbulkan kemarahan dan rasa tidak puas hati para

pengguna dan inginkan tarif itu diturunkan semula mengikut kadar yang dikenakan oleh SESB. Saya sebagai Ahli Parlimen Sandakan amat kesal melihat keadaan ini kerana penindasan dan penyalahgunaan kuasa telah dilakukan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab. Sebenarnya syarikat berkenaan hanya ingin mengambil kesempatan dan mengaut keuntungan daripada penduduk-penduduk kampung yang miskin demi kepentingan mereka sendiri. Saya berharap janganlah ada daripada wakil syarikat-syarikat yang dilantik oleh pihak kerajaan melakukan aktiviti tidak sihat seperti ini. Tindakan seperti ini bukanlah dapat membantu, malah menyusahkan lagi kehidupan rakyat.

Saya berpandangan adalah penting bagi pihak kerajaan untuk membuat satu garis panduan yang menetapkan kadar tarif agar tidak ada pihak lain lagi yang akan mengambil kesempatan terhadap rakyat yang miskin. Saya percaya sekiranya kerajaan telah menetapkan garis panduan yang bersesuaian, maka masalah seperti ini tidak akan berlaku lagi. Apa yang penting sekarang ialah keprihatinan dan mutu perkhidmatan yang cekap dan teratur bukan sahaja diperlukan dalam perkhidmatan pihak-pihak SESB, malah kebajikan dan kepentingan para pengguna juga perlu diutamakan bagi memastikan setiap pelanggan akan menerima perkhidmatan yang memuaskan.

Tuan Yang di-Pertua, syabas dan tahniah kepada SESB kerana tidak lama semua pekerja yang sudah lama berkhidmat dalam SESB khususnya kepada mereka yang sudah tua juga akan diperkenalkan dan diberikan latihan kemahiran terhadap penggunaan teknologi moden. Sebuah pusat latihan kemahiran akan dibina di Kinabatangan, Sandakan yang bertujuan untuk meningkatkan kemahiran, meluaskan lagi pengetahuan para pekerja terhadap penggunaan sistem teknologi moden di dalam operasi mesin yang lebih terkini. Di pusat latihan berkenaan mereka akan dilatih dengan kemahiran-kemahiran penggunaan teknologi moden agar mereka lebih bersedia apabila projek Bakun telah disalurkan ke Sabah. Saya yakin rancangan SESB ini adalah amat baik sekali dan akan dapat membantu para pekerja meningkatkan mutu kemahiran yang lebih cekap dan berkualiti. Saya juga amat mengalu-alukan rancangan seperti ini akan dapat dijalankan pada masa-masa yang akan datang bagi mencapai teknologi yang lebih maju dan moden di dalam perkhidmatan SESB.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya mohon menyokong Akta Lembaga Elektrik Sabah (Pindaan) 2001. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Beluran.

12.44 tgh.

Tuan Ronald Kiandee [Beluran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga turut mengambil bahagian untuk membahar Rana Undang-undang Lembaga Elektrik Sabah (Pindaan) 2001. Saya terlebih dahulu mengucapka syabas kepada Lembaga Elektrik Sabah yang dahulu dan sekarang SESB yang telah membuat kehidupan sebahagian besar daripada rakyat negeri Sabah bercahaya dengan adanya stesen jana elektrik yang diadakan di seluruh negeri Sabah.

Walaupun begitu, saya melihat bahawa masih banyak ruang yang perlu dimainkan oleh SESB terutama dalam membekalkan elektrik ke kawasan-kawasan luar bandar. Saya insaf bahawa pada keadaan sekarang ini sebahagian besar ataupun pengurusan terhadap pembekalan elektrik luar bandar dikendalikan oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar tetapi melihat bahawa SESB merupakan satu-satunya agensi yang begitu kuat dalam mengendalikan bekalan elektrik. aya yakin bahawa SESB mempunyai social obligation untuk sama-sama membantu memberikan jana kuasa elektrik kepada penduduk-penduduk luar bandar terutama di kawasan negeri Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, ada banyak rancangan-rancangan kerajaan seperti satu keluarga satu komputer dan juga pengwujudan makmal-makmal komputer di sekolah-sekolah luar bandar. Di sebahagian besar daripada sekolah-sekolah ini, rancangan-rancangan kerajaan ini memerlukan pembekalan elektrik yang cekap dan yang sempurna untuk menjayakan program-program ini.

Saya takut penduduk-penduduk luar bandar pada umumnya akan ketinggalan dari aspek penghayatan teknologi-teknologi baru kerana kekurangan jana kuasa elektrik di kawasan mereka.

Kalau di kawasan bandar, keluhan-keluhan seperti gangguan bekalan elektrik merupakan keluhan yang begitu kerap sekali

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan sedikit.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Ronald Kiandee: Okay.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, dan terima kasih sahabat saya daripada Beluran. Tadi saya hendak tanya Sandakan dia tidak beri peluang. Saya hendak bertanya berhubung dengan

mutu perkhidmatan, kalau dibandingkan sewaktu LLS dengan mutu perkhidmatan SESB pada hari ini, lebih-lebih lagi SESB sekarang ini sedang menghadapi satu arah baru dalam proses untuk memberi perkhidmatan yang lebih baik.

Jadi, saya minta sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat, mungkin dapat jelaskan dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Ronald Kiandee: Tuan Yang di-Pertua, memang tidak dinafikan SESB banyak memperbaiki kelemahan-kelemahan LLS yang berlaku di masa-masa yang lalu dan saya yakin dengan kepimpinan SESB sekarang yang diterajui sendiri Timbalan Pengerusi daripada anak negeri Sabah, saya yakin masalah ini akan dapat diperbaiki dan juga kelemahan-kelemahan LLS yang lalu dapat diperbaiki dengan lebih baik.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyambung. Di luar bandar dibekalkan juga oleh SESB generator-generator gen set-gen set untuk membekal tenaga elektrik. Tetapi seperti juga di bandar, gangguan elektrik berlaku di kawasan-kawasan di luar bandar di mana SESB mengendalikan gen set-gen set yang dikuasakan oleh diesel, the diesel-powered gen sets.

Dan saya mohon agar masalah-masalah gangguan elektrik di luar bandar di mana adanya bekalan elektrik oleh SESB diambil kira dan diambil perhatian oleh pihak SESB.

Saya melihat bahawa gangguan ini juga merupakan gangguan yang kerap berlaku dan saya difahamkan oleh beberapa pegawai daripada SESB di luar bandar, masalah berbangkit kerana SESB menghantar generator-generator set yang sudah tidak digunakan daripada kawasan lain, diperbaiki pada keadaan yang begitu, dan dihantar ke kawasan-kawasan luar bandar di mana kawasan-kawasan ini juga, generator-generator set ini mengalami kerosakan yang sama seperti tempat di mana ianya dikendalikan sebelum itu.

Saya yakin bahawa perkara ini boleh diperbaiki oleh SESB untuk menentukan bahawa di luar bandar juga mempunyai bekalan elektrik yang sempurna seperti di bandar.

Tuan Yang di-Pertua, saya risau apabila rakyat Sabah dimaklumkan bahawa SESB ini menanggung kerugian sebanyak RM160 juta setahun kerana pengendaliannya untuk bekalan elektrik di negeri Sabah. Dan RM160 juta setahun ini merupakan satu angka yang besar. Pada saya, keraguan saya itu kelak nanti SESB akan menaikkan tarif dan akan menaikkan harga bekalan itu untuk

menampung kerugian seperti yang dilakukan oleh MAS, tetapi saya harap ini tidak akan berlaku. Tetapi saya melihat bahawa banyak perkara yang menyumbang kepada hutang ataupun kerugian yang begitu tinggi yang dialami oleh SESB di negeri Sabah.

Saya ingin tahu apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh SESB untuk memungut hutang-hutang tertanggung yang dilaporkan sebanyak RM140 juta setakat ini baik oleh agensi-agensi kerajaan ataupun pihak-pihak individu, pihak-pihak bersendirian yang telah

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Larut bangun.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat, nampaknya Yang Berhormat memang pakar dalam perkara ini. Saya cuma hendak bertanya berhubung dengan kerugian ini, walaupun SESB menghadapi kerugian tetapi kerajaan masih prihatin dengan masa depan rakyat Sabah.

Namun begitu, kerajaan sentiasa tidak mahu melihat syarikat seperti ini terus menanggung kerugian dan akan dijamin supaya syarikat ini berterusan, tidaklah macam pembangkang yang lebih suka melihat kalau syarikat itu rugi ditutup terus, jadi saya minta penjelasan sedikit daripada Yang Berhormat.

Tuan Ronald Kiandee: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan daripada Ahli Yang Berhormat bagi Larut, saya melihat bahawa kerajaan kita prihatin, kalau semua syarikat-syarikat rugi, agensi-agensi kerajaan rugi atau ditutup, maka rakyat akan keluh dan sebahagian besar rakyat akan merasa terhimpit oleh tindakan ini.

Saya katakan bahawa SESB menanggung bad debt sebanyak RM140 juta dan operasi pada kerugian RM160 juta setahun tetapi saya yakin SESB akan kekal sebagai satu entiti penjana kuasa yang akan terus menjana kuasa untuk rakyat di Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu langkah-langkah yang diambil oleh SESB untuk memungut hutang-hutang tertanggung sebanyak RM140 juta ini yang dilaporkan dalam akhbar tempatan yang ditanggung oleh masyarakat Sabah. Apakah langkah-langkah drastik, langkah-langkah jangka pendek dan langkah-langkah jangka panjang yang diambil oleh SESB untuk menentukan bahawa pemiutang-pemiutang ini membayar kepada SESB.

Saya yakin bahawa kalau ini dapat dilakukan tentu sekali kerugian SESB itu dapat dikurangkan dalam jangka masa yang panjang.

Saya agak pelek apabila ITP diadakan di negeri Sabah, ianya telah memberi janakuasa yang begitu cukup malah berlebihan untuk *digenerate* kan untuk para pengguna, tetapi berbangkit yang saya ingin penjelasan daripada pihak SESB iaitu masalah over supply of power yang dikeluarkan oleh SESB ini. Apakah rancangan SESB untuk menentukan bahawa power atau kuasa yang dibekalkan ini tidak disia-siakan, kerana apa yang saya dimaklumkan ketika ini bahawa

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Ronald Kiandee: Larut lagi.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Sedikit lagi, sebab mungkin orang lain tidak hendak bercakap. Saya hendak bertanya sedikitlah kepada Ahli Yang Berhormat bagi Beluran. Saya rasa mungkin kerugian RM160 juta itu bulanan saya rasa, begitu pun kita lihat pada hari ini bahawa keprihatinan kerajaan untuk terus melihat SESB ini berjalan lancar dengan memberi jaminan ke atas para pekerja yang begitu ramai, jadi mungkin Ahli Yang Berhormat bersetuju sekiranya anak syarikat tenaga ini yang mana ekuitinya, majoriti pemegang sahamnya ialah Tenaga ditukarkan namanya supaya menjadi TNB Sabah daripada ianya mempunyai identiti yang berlainan seperti SESB.

Dan saya juga difahamkan bahawa untuk melihat SESB ini terus menjana dalam masa depan pekerja dan rakyat Sabah itu pada keseluruhannya, lebih-lebih lagi dengan peranan Timbalan Pengerusinya daripada anak Sabah, sebagaimana yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Kinabatangan, dan saya difahamkan bahawa SESB ataupun TNB Sabah ini di kemudian hari akan mendirikan sebuah pusat latihan terutamanya bagi anak-anak kebajikan pekerja Sabah. Saya difahamkan bahawa Ahli Parlimen Kinabatangan sendiri memberi sumbangan tanah untuk mendirikan pusat latihan tersebut.

Jadi, saya ingin mendapat penjelasan daripada Ahli Yang Berhormat, pusat latihan ini apakah sumbangan manfaatnya kepada rakyat terutamanya bagi rakyat Sabah khususnya di kawasan Kinabatangan dan juga Beluran? Terima kasih.

Tuan Ronald Kiandee: Tuan Yang di-Pertua, saya akan menyentuh perkara itu dan saya akan tumpangkan soalan Ahli Yang Berhormat kepada SESB ketika saya sentuh kepada topik yang berkenaan. Walau macam manapun, saya ucapkan

Ahli Yang Berhormat bagi Larut kerana minat tentang perkembangan dan pembekalan tenaga di negeri Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyambung tentang pertanyaan di mana akan dibawa lebih kuasa yang dibekalkan oleh SESB ini. Saya difahamkan bahawa umpamanya di daerah Sandakan, janakuasa yang dibekal atau dikeluarkan oleh IPP di Sandakan itu lebih kurang 140 megawatt sedangkan permintaan untuk daerah Sandakan itu cuma menjangkau lebih kurang 53 megawatt pada mana-mana ketika. Jadi, bererti terdapat lebih kurang 90 megawatt yang dihasilkan tetapi tidak digunakan oleh pengguna-pengguna di daerah Sandakan.

Jadi, ini merupakan satu pembaziran bagi saya kerana SESB terpaksa membeli kuasa yang dibekalkan oleh IPP ini tetapi tidak habis digunakan oleh pengguna-pengguna, tentu saya rasa ini merupakan sebahagian daripada faktor yang menyumbang kepada kerugian RM160 juta SESB pada setiap tahun.

Apakah langkah-langkah SESB untuk menentukan bahawa kuasa yang dikeluarkan oleh IPP itu dapat digunakan sepenuhnya oleh pengguna dan tidak dibazirkan dan bagi pihak SESB membayar satu kuasa yang IPP keluarkan tanpa dimanfaatkan oleh pengguna.

Saya menyambut baik cadangan daripada Ahli Yang Berhormat bagi Sandakan agar SESB mengendalikan sistem power grade untuk menentukan bahawa kuasa ini diagihkan secara rata, di mana kawasan-kawasan yang kurang kuasa, maka ianya dapat diagihkan melalui sistem power grade, tetapi apa yang difahamkan oleh saya ialah bahawa masalah pendawaian, masalah tanah yang berbangkit daripada pendawaian merupakan satu masalah besar yang dihadapi oleh SESB.

Saya melihat ini sebagai satu masalah yang penting, yang bukan sahaja memihak kepada SESB tetapi memihak kepada pemilik-pemilik tanah di negeri Sabah, walaupun pada hakikatnya Sabah mempunyai Land Ordinancenya sendiri dan masalah ini jika dibiarkan ia akan berlanjutan maka SESB tidak akan dapat melaksanakan sistem power grade dengan mengadakan talian-talian wayar di sepanjang tanah-tanah pemilik-pemilik persendirian di negeri Sabah.

Tetapi saya bersimpati dengan pemilik-pemilik tanah ini. Saya difahamkan bahawa pihak SESB cuma membayar lebih kurang RM3,000 untuk sesuatu kawasan tanah yang dilalui oleh talian elektrik ini dan kita menilai nilai tanah yang ada sekarang ataupun kadang-kadang sesebuah keluarga itu mempunyai sebidang

tanah itu sahajalah dan jika sebahagian besar daripada tanah itu dilalui oleh talian-talian elektrik ini maka sebahagian besar daripada tanah itu tidak dapat digunakan secara ekonomik oleh pemilik-pemilik tanah.

Dan ini merupakan satu masalah di mana pemilik tanah tidak mahu menyerahkan tanah mereka untuk dilalui oleh talian-talian elektrik SESB ini dan pada masa yang sama SESB tidak dapat mengendalikan sistem pendawaian grade yang terpaksa dilalui oleh pemilik-pemilik tanah demikian. Dan ini merupakan satu masalah yang harus ditangani secara bijak oleh SESB.

Saya ingin mencadangkan agar SESB jika terpaksa, melakukan forced acquisition ataupun menentukan bahawa diadakan satu peruntukan undang-undang agar masalah ini dapat diselesaikan secara baik. Jika tidak diambil tindakan-tindakan begini, saya yakin bahawa masalah ini akan berpanjangan, maka sepanjang itu jugalah masalah SESB untuk mendirikan dawai-dawai pendawaian melalui tanah-tanah persendirian ini tidak dapat diselesaikan.

Tuan Yang di-Pertua, jika ini tidak dapat diselesaikan bererti kedua-dua pihak tidak akan dapat menikmati atau mencapai objektif masing-masing. Saya harap

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, panjang lagikah?

Tuan Ronald Kiandee: Tuan Yang di-Pertua, ada dua perkara lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila sambung petang nanti, Yang Berhormat.

Tuan Ronald Kiandee: Okay, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat ditangguhkan hingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Muhamad bin Abdullah)

mempengerusikan Mesyuarat]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Majlis kita disambung semula. Saya jemput Beluran untuk menyambung ucapan. Silakan.

2.30 ptg.

Tuan Ronald Kiandee [Beluran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. TNB merupakan satu badan swasta yang telah mengikat perjanjian dengan IPP sama ada di Sandakan, Tawau dan sebahagian besar di negeri Sabah. Dalam keadaan ekonomi sekarang ini, saya cuma ingin penjelasan sama ada IPP-IPP ini dapat dirujuk semula kontrak-kontrak mereka dengan SESB terutama sekali terhadap harga pembelian tenaga yang dibekalkan oleh IPP ini. Saya difahamkan IPP menjual harga sekilowatt lebih kurang 30 sen kepada SESB dan sebaliknya SESB menjual tenaga ini kepada pengguna pada harga yang lebih rendah daripada pembelian daripada IPP ini dan jelas menunjukkan bahawa IPP membuat keuntungan daripada penjualan sedangkan SESB itu menanggung kerugian yang begitu besar sehinggalah setiap tahun ia menjangkau kepada RM160 juta.

Sebagai sebuah syarikat swasta, saya ingin tahu penjelasan daripada SESB sama ada perkara ini dapat dirujuk dalam keadaan ekonomi yang sekarang ini, sama ada IPP ini juga mempunyai social obligation terhadap rakyat di Sabah, terhadap pengguna-pengguna elektrik di Sabah dan jika keadaan ketidakseimbangan ini terus berlaku, saya melihat bahawa IPP merupakan syarikat-syarikat yang akan memperolehi keuntungan, sedangkan SESB itu sendiri akan menanggung kerugian dan pada akhirnya, saya risau nanti pengguna juga akan turut dilibatsertakan dalam menanggung kerugian oleh SESB ini. Jadi, perkara ini harus diambil perhatian dan di mana yang boleh saya melihat bahawa harus ada satu pengubahsuaian, ada satu rujukan semula terhadap penjualan harga tenaga kepada SESB ini untuk menentukan bahawa pihak SESB dapat meringankan beban tanggungan penggunaan tenaga oleh rakyat di negeri Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, banyak yang diperkatakan tentang Bakun dan diperkatakan juga bahawa Bakun akan menyalurkan tenaga di samping negeri Sarawak tetapi juga di negeri Sabah dan apakah potensi Bakun ini kepada Sabah, sama ada ianya akan mampu memberi tenaga yang murah daripada yang ada sekarang atau dalam keadaan yang serupa kerana saya melihat jika penyaluran tenaga itu tidak pada harga yang lebih murah daripada sekarang ini, tentu sekali Projek Hidro Bakun itu tidak akan dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh SESB dan mungkin mengurangkan tarif yang ada sekarang oleh pengguna-pengguna tenaga di negeri Sabah.

Saya ingin penjelasan daripada pihak kementerian tentang perkara ini dan kita melihat bahawa antara sumber tenaga yang murah adalah melalui hidro. Antara

beberapa punca tenaga, hidro merupakan sumber yang termurah dan jika kita lihat di Sabah sekarang ini ada Projek Hidro – 'Pangi' yang boleh memberi tenaga lebih kurang 66 megawatt pada keadaan sekarang. Saya ingin tahu sama ada SESB mempunyai perancangan untuk memperbesarkan hidro Pangi ini untuk menjana kuasa pada tahap yang maksimum. Saya difahamkan bahawa 66 megawatt ini pada yang ada sekarang ini boleh diperbesarkan dengan pengimplementasian teknologi yang lebih cekap dan juga dengan penyaluran kuasa teknologi yang lebih canggih, maka Pangi ini akan dapat diperbesarkan penyaluran kuasanya.

Pangi merupakan di bawah jagaan SESB dan saya ingin tahu apa rancangan SESB terhadap perkara ini untuk masa kini dan juga untuk masa hadapan. Saya yakin jika semua ini diambil perhatian tentang perjalanan kuasa di negeri Sabah, saya yakin bahawa hutang ataupun kerugian yang ditanggung oleh SESB setiap tahun yang menjangkau RM160 juta itu dapat diringkaskan. Ianya termasuk pada cadangan-cadangan awal saya tadi.

Saya turut mengambil ucapan terima kasih kepada pihak TNB yang telah memberikan pusat latihan SESB di Kinabatangan. Saya yakin pusat ini akan dapat diadakan secepat mungkin dan saya juga difahamkan bahawa kepimpinan Barisan Nasional Kinabatangan menerusi Majlis Daerah Kinabatangan itu sendiri telah menghadiahkan tanah kepada projek Pusat Latihan SESB di Kinabatangan ini dan saya harap TNB akan memperbanyakkan projek-projek serupa ini di negeri Sabah kerana sebahagian SESB itu merupakan anak syarikat TNB dan saya yakin bahawa pada masa hadapan jika SESB ini ditukarkan entitinya kepada TNB Sabah, lebih banyak projek-projek serupa akan dilaksanakan di negeri Sabah.

Dengan kata-kata demikian, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Kubang Kerian, lepas itu Menteri menjawab.

2.39 ptg.

Tuan Husam bin Haji Musa [Kubang Kerian]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Rang Undang-undang untuk meminda Akta Lembaga Elektrik Sabah 1983 yang kita bincangkan sekarang ialah satu jalan untuk melengkapkan penswastan perkhidmatan elektrik di negeri Sabah.

Sepanjang yang berkaitan dengan akta ini sebanyak 5 pindaan telah dibuat, bermula pada tahun 1987, 1989, 1992, 1997 dan pindaan yang terakhir pada tahun

2001. Pada pindaan tahun 1997 adalah antara pindaan yang paling utama iaitu mewujudkan subseksyen 3(1)(a) dalam Bahagian II bagi membolehkan pelaksanaan penswastaan daripada Lembaga Elektrik Sabah kepada Syarikat Elektrik Sabah Sdn. Bhd.

Yang saya hairan ialah mengapakah pindaan yang kita bincangkan sekarang ini tertinggal sehingga kita memerlukan pindaan sekali lagi bagi melengkapkan proses penswastaan ini iaitu dengan membolehkan Lembaga Elektrik Sabah memindahkan harta-harta dan aset termasuklah liabiliti kepada satu syarikat yang telah diswastakan. Jika sekiranya kita telah mengambil perhatian kepada perkara ini, saya rasa pindaan tahun 1997 adalah satu pindaan yang sekaligus boleh menyelesaikan semua perkara ini dan tidak memerlukan pindaan yang kita bincangkan pada hari ini.

Walau bagaimanapun, apa yang menjadi perhatian saya ialah apabila kita menswastakan perkhidmatan elektrik termasuk di Sabah dan Sarawak kita semua tahu bahawa sebahagian daripada kawasan pedalaman di Sabah masih lagi belum menerima pendawaian ataupun pencawang ataupun transmisi elektrik yang menyeluruh. Seingat saya di Sabah saya rasa hanya 79% daripada kawasan telah diliputi oleh bekalan elektrik dan banyak lagi kawasan yang belum diberikan bekalan elektrik.

Dari segi kos untuk transmission dan pembekalan adalah satu kos yang besar. Saya tidak nampak bahawa tanpa tanggungjawab yang dimainkan oleh kerajaan, syarikat yang diswastakan ini mampu memberikan perkhidmatan yang menyeluruh dengan harga yang berpatutan. Saya yakin bahawa sebagai satu utiliti yang penting kepada rakyat, tanggungjawab sosial kerajaan walaupun perkara ini telah diswastakan, tanggungjawab kerajaan untuk memberikan perkhidmatan ini masih diperlukan.

Dalam Parlimen ini, dalam Rancangan Malaysia Kelapan kita telah meluluskan sejumlah RM856 juta untuk projek bekalan elektrik luar bandar. Saya tidak tahu berapakah peruntukan telah diagihkan kepada negeri Sabah bagi membolehkan bekalan elektrik dapat disalurkan tanpa membebankan syarikat swasta ini dan dengan itu mereka dapat bergerak dengan viabiliti yang baik.

Yang kedua ialah harga elektrik seperti yang telah disebut oleh Beluran. Harga elektrik ditentukan satunya, oleh kadar yang telah dimeterai di antara IPP dengan syarikat pembekal utama. Tenaga Nasional Berhad sendiri di peringkat

Semenanjung telah pun mencapai satu kadar baru iaitu lebih kurang 11 sen satu kilowatt berbanding dengan 15 sen lebih sebelum ini. 4 sen telah berjaya diijamatkan.

Tenaga Nasional Berhad juga mempunyai saham dalam SESB sebanyak 80%, persoalan pertama saya ialah jika sekiranya IPP yang baru ditubuhkan, yang baru menandatangani PPA dengan TNB telah berjaya mengurangkan harga elektrik yang mereka bekalkan sebanyak 4 sen, saya berharap bahawa ini digunakan oleh Tenaga Nasional Berhad termasuk oleh SESB untuk mengkaji semua perjanjian PPA dengan semua IPP supaya kita dapat menurunkan kadar yang telah dipersetujui sebelum ini.

Kita lihat kalau dalam keadaan sekarang di mana kadar pertukaran ringgit dengan dollar ialah RM3.80 bermakna generator ataupun loji yang diimport menjadi lebih mahal sekarang tetapi IPP boleh menawarkan kadar elektrik yang lebih murah kepada TNB, mengapakah generasi dahulu, the first generation of IPP yang pada waktu itu ringgit ialah RM2.80 untuk satu dolar Amerika tentulah kos pembinaan mereka adalah lebih rendah tetapi mengenakan kadar yang lebih tinggi pada waktu itu iaitu 15 sen. Saya berharap kadar baru ini digunakan sebagai benchmark untuk mengkaji semua perjanjian IPP yang telah dibuat oleh SESB dan TNB itu sendiri.

Pada saya kita boleh menyambung waktu konsesi iaitu kita boleh lanjutkan masa konsesi dengan syarat harga elektrik yang dibekalkan oleh IPP ini diturunkan dan ini adalah mustahak untuk meringankan beban pengguna.

Yang kedua, kita bergantung kepada harga gas. Kita semua tahu bahawa harga gas yang ada sekarang berdasarkan Gas Supply Agreement (GSA) yang ditandatangani yang akan berakhir pada akhir tahun ini pada kadar RM6.40 tiap-tiap MMBTU dan harga pasaran sekarang sudahpun menjangkau RM19 satu MMBTU dan kemungkinan Petronas akan mengkaji kadar ini. Jika kadar ini dinaikkan sudah tentu kos penjanaan elektrik akan menjadi lebih tinggi dan harga elektrik juga dinaikkan. Saya telah berucap dalam Dewan ini supaya kerajaan memujuk Petronas ataupun memberikan arahan kepada Petronas supaya harga gas yang ada ini dikekalkan.

Kita telah melihat kenaikan harga tambang kapal terbang, kita telah melihat kenaikan harga bas sekolah, kita telah melihat kenaikan pergi haji dan semua perkara telah naik, saya berharap Petronas dapat memainkan peranan sosial untuk kebaikan negara untuk mengekalkan harga ini. Saya telah menyemak dengan beberapa orang pakar gas, mereka berkata dengan harga yang sedia ada Petronas

masih mendapat keuntungan, cuma mereka tidak boleh memaksimumkan keuntungan kerana harga pasaran dunia adalah satu harga yang begitu tinggi yang akan menambahkan keuntungan tetapi jika Petronas boleh mengekalkan pada harga sekarang mereka telah cover cost, telah pun mendapat balik kos mereka dan telah pun mendapat sedikit keuntungan.

Ini adalah satu isu yang sangat kritikal pada saya yang memerlukan penegeasan kerajaan supaya IPP dan juga SESB dan Tenaga Nasional Berhad yang 80% sahamnya memiliki SESB mendapat bekalan gas pada harga yang berpatutan untuk mengelakkan kenaikan harga elektrik pada masa yang hampir ini dan kita sekarang sudah berada hampir dengan bulan Ogos, tinggal 4 bulan untuk kerajaan membuat keputusan tentang kadar baru bagi bekalan gas daripada Petronas kepada semua penjanaan kuasa elektrik di negara kita.

Saya juga ingin mendapat penjelasan daripada kementerian mengenai isu surcaj yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Parlimen ini dalam minggu lepas, mereka telah menjanjikan satu minggu untuk memberikan pandangan apakah surcaj yang dikenakan itu yang mendahului daripada Akta Suruhanjaya Tenaga yang baru sahaja kita luluskan tetapi belum lagi diluluskan oleh Dewan Negara tetapi kita ataupun Tenaga Nasional Berhad telah pun mengenakan surcaj dan saya tidak tahu adakah SESB juga mengenakan surcaj yang sama di Sabah dan Sarawak.

Saya berharap kedudukan ini dapat ditentukan iaitu adakah surcaj yang dikenakan itu memenuhi kehendak undang-undang ataupun TNB telah bertindak mendahului undang-undang dan ini adalah sangat mustahak untuk menentukan pada masa-masa yang akan datang tidak ada mana-mana agensi swasta ataupun kerajaan yang bertindak di luar daripada peraturan yang telah ditetapkan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, minta kementerian menjawab.

2.48 ptg.

Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia [Datuk Tan Chai Ho]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbilang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat iaitu Yang Berhormat bagi Sandakan, Beluran dan Kubang Kerian kerana telah ambil perhatian dalam perbincangan mengenai Rang Undang-undang Lembaga Letrik Sabah (Pindaan) 2001.

Tuan Yang di-Pertua, banyak perkara yang telah pun dibangkitkan. Yang pertama, Yang Berhormat bagi Sandakan telah membangkitkan masalah gangguan bekalan elektrik di Sandakan oleh kerana berpunca daripada sistem penghantaran dan pembahagian yang lama dan sering rosak.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kementerian ini amat prihatin dan simpati dengan masalah gangguan bekalan elektrik di Sabah khususnya di kawasan Sandakan. Bagi mengatasi masalah ini pihak SESB akan melaburkan wang berjumlah RM410 juta dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelapan bagi membaiki dan mengukuhkan sistem pembahagian. Di seluruh negeri Sabah, mengenai pembinaan sistem grid di Sabah, saya ingin memaklumkan Yang Berhormat iaitu projek grid Pantai Timur yang akan dibina, dijalankan adalah bertujuan untuk mengatasi masalah bekalan yang tidak stabil di kawasan-kawasan Pantai Timur Sabah. Sistem gred ini akan menghubungkan Sandakan, Lahad Datu, Tawau, Semporna dan projek ini akan siap pada tahun 2002.

Satu soalan yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Sandakan iaitu mengenai pembekalan elektrik oleh Pendakon, kerajaan telah memberi lesen kepada Syarikat Pendakon ini untuk membeli elektrik secara pukal iaitu dalam *bulk* daripada SESB untuk dibekalkan kepada pengguna-pengguna di kawasan perkampungan Pendakon. Ini adalah bertujuan untuk mengurangkan kejadian kecurian elektrik.

Yang Berhormat bagi Sandakan juga membangkitkan masalah gangguan bekalan elektrik oleh kerana sebab-sebab yang tertentu, beliau cadangkan supaya kabel bawah tanah dipasang untuk mengatasi masalah gangguan ini. Saya ingin menjelaskan bahawa sistem kabel bawah tanah boleh dilaksanakan tetapi kosnya adalah mahal, lebih mahal daripada pemasangan kabel yang lain iaitu empat hingga enam kali mahal dari talian atas. Jika kedudukan kewangan mengizinkan kabel bawah tanah bolehlah ditimbang oleh SESB.

Mengenai isu pergantungan SESB kepada diesel, saya ingin mengatakan di sini ketika ini pergantungan SESB kepada bahan api diesel adalah sebanyak 65%. Pembangunan projek hidro di Bakun akan dapat mengurangkan pergantungan kepada bahan api dengan syarat harga jualannya yang kompetitif ialah lebih murah.

Mengenai rangkaian grid di Sandakan, Lahad Datu, Semporna dan Tawau dan juga rangkaian grid di Sandakan dan Kota Kinabalu, saya ingin maklumkan bahawa SESB sedang merancang untuk membangunkan rangkaian grid tersebut

untuk mengurangkan pergantungan kepada diesel. Projek ini akan selesai berperingkat dari tahun 2002 hingga 2005.

Tuan Yang Berhormat bagi Beluran telah membangkitkan masalah mengenai lebihan kapasiti oleh PP di Sandakan. Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, SESB telah melancarkan program promotion kepada *fuel generator* untuk membeli tenaga dari SESB, pengguna yang membeli tenaga dari SESB akan diberi diskaun sebanyak 80% ke atas caj sambungan, ini bermakna kilang-kilang yang hendak atau membeli tenaga daripada SESB mereka akan diberi diskaun caj sambungan sebanyak 80%. Ini adalah satu cara untuk menjual lebih banyak elektrik kepada swasta.

Tuan Ronald Kiandee: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Beluran sila.

Tuan Ronald Kiandee: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Promosi itu merupakan salah satu cara untuk mengguna tenaga yang lebih tetapi saya ingin tahu macam mana SESB membuat perjanjian dengan IPP, adakah IPP dilaksanakan di Sandakan, apakah tidak SESB mempunyai projection tentang keperluan tenaga dan keperluan tenaga daripada IPP ini telah dikaji secara mendalam untuk mengelakkan kelebihan tenaga ini daripada berlaku.

Saya kira jika perkara ini diambil kira pada awal pelaksanaan IPP itu terhadap keperluan tenaga diprojeksikan kepada beberapa tahun, tentu sekali SESB tidak akan menanggung lebihan tenaga yang dijual oleh IPP ini kepada SESB. Bagaimana perkara ini berlaku dan apakah tindakan awal telah diambil dan apakah perancangan awal secara terperinci telah diambil oleh SESB? Sekian.

Datuk Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, rancangan yang awal adalah membekal elektrik yang mencukupi untuk kawasan Sandakan dan Tawau, oleh itu dua lesen untuk IPP pun telah dikeluarkan dan kalau saya tidak salah kedua-dua IPP ini telah menjana elektrik sebanyak 91 megawatt. SESB telah membekal atau menjana elektrik sebanyak 70 megawatt tetapi permintaan (demand) adalah lebih kurang 60 megawatt dan 30% untuk simpanan (reserve) diperlukan. Masa itu satu jangkaan bahawa permintaan elektrik di Sandakan dan Tawau akan meningkat, oleh itu dua lesen telah dikeluarkan kepada dua syarikat IPP.

Walau bagaimanapun, di Sandakan dan Tawau di mana ada banyak kilang dan kawasan pedalaman yang mempunyai generator atau *fuel generator* yang

menjana elektrik, ini telah mengurangkan permintaan elektrik di Sandakan dan Tawau. Oleh itu SESB telah mengambil tindakan iaitu yang tadi saya telah katakan melancarkan program promotion kepada kilang-kilang atau kepada pengguna-pengguna di mana mereka akan dapat diskaun sebanyak 80% ke atas caj sambungan....

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Rompin berdiri Yang Berhormat.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Terima kasih Datuk Timbalan Menteri. Saya hendak declare kepentingan sedikit. Saya terlibat dalam Lembaga SESB. Namun demikian, soalan saya tidak ada kepentingan peribadi, hanya melibatkan diri kerana saya duduk dalam lembaga .

Soalan saya ini ialah sebelum saya duduk dalam lembaga SESB. Persoalan saya ialah pada ketika Lembaga Letrik Sabah diswastakan Modul yang digunakan pada ketika itu di mana Tenaga Nasional mengemukakan satu cadangan dan ditimbang oleh kerajaan. Oleh kerana itu Tenaga Nasional mengambil alih SESB: 80% Tenaga Nasional dan 20% Kerajaan Negeri Sabah. Tetapi pada ketika itu model yang diketengahkan oleh perunding the Merchant Bankers adalah mengandaikan bahawa yang pertama, dibenarkan Tenaga Nasional atau SESB menaikkan tarif. Terpaksa dibenarkan tarif dinaikkan kerana kos-kos penajaan di Sabah amat mahal. Ia bergantung kepada diesel dan kos penajaan diesel ialah 30 sen kosnya dan kita jual dengan harga 26 sen. Saya selalu mengatakan masyarakat di kawasan saya orang Asli pun tahu begitu rugi. Sebab itu saya hendak katakan bahawa bukan memandangkan orang kampung pun tahu itu rugi, kita yang biasa-biasa ini tahu rugi. Saya hendak bertanya itu perkara yang pertama, andaian itu (assumption) dengan izin.

Andaian yang kedua ialah dengan ada pelaksanaan Bakun ini. -Bbakun di mana kos penajaannya akan amat rendah daripada kos diesel. Adakah kerajaan akan menimbang kembali dari segi pelaksanaan penswastan SESB ini dengan dua-dua faktor baru ini? Dua-dua faktor baru ini yang pertama dasar kerajaan yang kita dukungi - saya yakin Tenaga Nasional dukungi - bahawa tarif yang dikenakan oleh kerajaan tidak wajar membebankan rakyat. Kita dukungi, tetapi pada masa yang sama Tenaga Nasional terpaksa menguruskan anak syarikat sebagai satu badan perniagaan. So, adakah kerajaan sanggup menimbang

kembali modul ini, penswastaan yang asal ini kerana senarionya sudah berubah iaitu dari segi kenaikan tarif yang kita setuju dengan keputusan kerajaan supaya rakyat Sabah tidak perlu dibebankan.

Tetapi yang kedua sebagai hendak menyelesaikan kemasukan Bakun ini aset-aset diesel ini amat mahal. Adakah sepatutnya dipikul sebulat-bulatnya, diambil alih sebulat-bulatnya SESB dan ini akan membebankan lagi SESB. Mungkin SESB tidak boleh memberikan perkhidmatan yang baik kepada pelanggan-pelanggannya. Satu ialah tidak menakkan tarif, tuntutan saya rasa wakil-wakil rakyat di sini, Ahli Parlimen Sabah di sini sudah semestinya bukan sahaja mereka mahu tuntutan diberikan tarif yang berpatutan. Mereka juga ada mengatakan bahawa mengapa di Sabah dikenakan 26 sen walhal di Semenanjung 23 sen. Ini perjuangan mereka, kita simpati.

Yang keduanya, rakyat yang mereka wakili juga, menuntut supaya berkhidmat sebaik yang diberikan di Semenanjung. Modul yang ada itu . kalau dibebankan kepada Tenaga Nasional anak syarikatnya, tidak mungkin SESB dapat memberi tuntutan-tuntutan yang diminta oleh rakyat melalui wakil rakyat ini. Saya minta sedikit pandangan Datuk Timbalan Menteri adakah kerajaan Sabah sanggup menimbang kembali pelaksanaan modul penswastaan dengan senario-senario baru yang ada, pertama senario tarif, yang kedua kemasukan Bakun yang saya yakin bahawa Bakun sebagai Borneo solution ini menjadi penyelamat kepada rakyat Sabah dan Sarawak dan juga yang paling penting menjadi sinaran baru kepada rakyat Sabah dan Sarawak. Saya minta sedikit pandangan daripada Datuk Timbalan Menteri.

Datuk Tan Chai Ho: Saya sedari bahawa bahan api iaitu diesel digunakan oleh IPP atau SESB adalah mahal kerana pada suatu masa dari harga 40 sen satu liter telah meningkat kepada 65 sen, MFO iaitu Medium Field Oil dari 40 sen kepada 80 sen seliter. Oleh itu kos penjanaan elektrik adalah lebih mahal di Sabah jika dibandingkan dengan Semenanjung Malaysia.

Kita juga berharap projek hydro Bakun, apabila dilaksanakan projek ini, Sabah akan mendapat elektrik yang lebih murah. Itu kita semua setuju. Di samping itu Kerajaan Pusat tidak melepaskan tanggungjawab di mana infrastruktur yang hendak dilaksanakan seperti yang saya katakan bahawa di bawah Rancangan Malaysia Kelapan di mana projek untuk sistem power grid akan dijalankan. Ini adalah peruntukan daripada Kerajaan Pusat.

Jadi, buat sementara ini tidak ada kajian atau timbangan ke atas penanguhan swasta business LLS kepada SESB, buat sementara tidak ada kajian atau timbangan untuk projek swasta ini ditangguhkan.

Yang Berhormat bagi Beluran telahpun membangkitkan.....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Yang Berhormat bagi Rompin berdiri lagi.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Sedikit sahaja Datuk. Ini minta kerajaan timbangkan sedikit. Kalau tidak ada kajian semula, adakah kerajaan boleh menimbang supaya IPP di mana perjanjiannya adalah ditandatangani dengan LLS, kita punya consensus agreement inilah perjanjian di antara LLS dengan IPP, mengapa tidak ditimbang kembali sebelum dipindahkan semua tanggungjawab atau liability ini kepada SESB? Sebab dengan adanya kemasukan Bakun kita tidak memerlukan lagi diesel-diesel ini dan kita sedar bahawa pertanggungjawaban ini perlu dibuat oleh kerajaan dahulu untuk menyelesaikan masalah blackout yang sentiasa berlaku di Sabah. Tetapi senario akan datang itu berubah dengan kemasukan Bakun.

Mungkin kerajaan boleh menimbang kaedah-kaedah yang lain bagaimana hendak menyelesaikannya masalah IPP yang mahal ini supaya tidak kesemuanya dipindahkan kepada SESB dan membebankan SESB kerana SESB tidak memerlukan semua diesel-diesel yang mahal ini.

Saya yakin bahawa kalau ini dibebankan kepada SESB tidak mungkin SESB dapat memenuhi tuntutan-tuntutan rakyat Sabah ini, memberikan tarif yang baik, khidmat yang baik. Saya minta supaya kerajaan dapat menimbang, mengkaji kembali tentang senario kesan IPP diesel yang mahal itu sebelum ia dipindahkan supaya liabilitinya dipikul dan diambil alih oleh SESB.

Datuk Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, kalau mengenai elektrik yang dibeli oleh SESB dari IPP adalah mahal pada masa perjanjian ditandatangani oleh LLS dengan IPP., Memang pada masa itu keadaan tidak mengizinkan harga elektrik yang murah dijual oleh IPP tetapi SESB boleh membuat rayuan kepada Kerajaan Persekutuan, kerana pada masa persetujuan yang ditandatangani oleh ketiga-tiga pihak iaitu Kerajaan Persekutuan, LLS dan SESB di mana ada peruntukan untuk SESB membuat rayuan. Jadi, dari segi masalah harga elektrik dan kewangan, SESB boleh membuat rayuan kepada Kerajaan Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai perkara yang dicadangkan supaya mewujudkan peruntukan perundangan mengenai pampasan yang mencukupi kepada pemilik tanah, saya ingin menjelaskan bahawa semua kemasukan kepada tanah dan juga pemasangan sistem penghantaran oleh SESB adalah dikawal selia dan tertakluk kepada Akta Bekalan Letrik 1990 di mana seksyen 11 memperuntukkan bahawa SESB hendaklah membayar pampasan bagi sebarang gangguan kerosakan atau ketidakupayaan yang mungkin disebabkan oleh pemasangan sistem penghantaran oleh SESB dan termasuk juga bayaran tahunan bagi tanah yang digunakan.

Jumlah pampasan sedemikian ditentukan oleh pentadbir tanah daerah dan sesiapa yang tidak berpuas hati dengan keputusan itu boleh membuat rayuan kepada pihak penguat kuasa negeri yang keputusannya adalah muktamad. Oleh itu peruntukan perundangan yang sedia ada adalah mencukupi dan tidak perlu memasukkan peruntukan yang khusus mengenainya.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Beluran telah membangkitkan masalah bekalan elektrik di kawasan luar bandar. Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, tanggungjawab bagi membekalkan elektrik di kawasan luar bandar di Sabah adalah terletak di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar di mana peruntukannya adalah di kawal oleh kementerian itu. Pihak SESB tidak mempunyai kuasa untuk menentukan kawasan-kawasan yang perlu dibekalkan elektrik kerana penentuan kawasan yang perlu mendapat bekalan elektrik adalah di bawah kuasa KPLB, tetapi apabila projek bekalan elektrik disiapkan oleh pihak KPLB projek tersebut barulah diserahkan kepada SESB untuk di maintain.

Perkara mengenai kerugian yang dialami oleh SESB sebanyak RM161 juta setahun. Saya ingin menjelaskan bahawa kerugian ini adalah disebabkan oleh faktor-faktor yang berikut iaitu kos pembelian yang tinggi di mana tadi saya telah menerangkan bahawa harga minyak telah meningkat iaitu daripada 40 sen satu liter kepada 65 sen seliter dan kenaikan harga MFO daripada 40 sen seliter ke 80 sen seliter.

Yang kedua harga belian dari IPP yang tinggi. Oleh itu tindakan atau langkah telah pun diambil oleh SESB iaitu menukarkan set diesel dengan gas dan apabila projek Hidro Bakun dilaksanakan, kita akan dapat elektrik yang lebih murah. Seperti yang kita maklum bahawa kos kuasa elektrik atau kos penjanaan adalah lebih tinggi

di Sabah jika kita banding dengan Semenanjung Malaysia. Kita harap apabila beberapa tindakan yang telah diambil, jadi kita boleh mengatasi kerugian ini.

Di bawah Rancangan Malaysia Kelapan, kerajaan....

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya Arau berdiri Yang Berhormat. Hendak beri jalan? Ya, sila.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Timbalan Menteri. Kita tadi mendengar bahawa IPP memberikan ataupun mengeluarkan tenaga yang disupply kepada SESB dan tenaga ini berlebihan Yang Berhormat menyebutkan bahawa infrastruktur untuk elektrik luar bandar di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Tidakkah apabila kemajuan pembangunan elektrik untuk luar bandar tidak dapat dilaksanakan, penggunaan elektrik yang pada hakikatnya memang dapat dikeluarkan tidak digunakan, bermakna pengguna ataupun mereka yang menggunakan elektrik ini bilangannya adalah kecil. Ini menyebabkan saya rasa dari segi kos pengeluaran tetap sama tetapi apabila pengeluaran ini tidak digunakan, maknanya kita akan menjadikan harga kepada satu unit yang digunakan itu tinggi.

Jadi saya ingin tanya pada Yang Berhormat jika Kementerian Pembangunan Luar Bandar tidak cepat melaksanakan pembangunan elektrik, menggunakan tenaga yang telah dikeluarkan oleh IPP ini, tidakkah ia merupakan satu pembaziran kalau lambat elektrik di luar bandar ini dapat dilaksanakan. Terima kasih.

Datuk Tan Chai Ho: Kita akan bincang dengan Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Tadi saya kata projek-projek bekalan elektrik di kawasan luar bandar adalah tanggungjawab Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Untuk mengatasi masalah yang disebutkan oleh Yang Berhormat, ini satu cadangan yang bagus, saya akan arah pegawai-pegawai kementerian ini supaya sentiasa ada perbincangan dengan Kementerian Pembangunan Luar Bandar.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai sistem grid di Sabah, Yang Berhormat Beluran telah bangkitkan. Saya ingin menjelaskan bahawa di Rancangan Malaysia Kelapan kerajaan telah meluluskan peruntukan bagi membina sistem grid di negeri Sabah iaitu seperti berikut; West Coast Grid iaitu *extension* menghubungkan Kota Kinabalu-Kudat dan peruntukan adalah sebanyak RM180 juta. East West Grid Interconnection yang mana menghubungkan Kota Kinabalu ke Sandakan adalah RM350 juta. Jadi kedua-dua projek ini dijangka siap menjelang tahun 2005.

Ini mengenai isu *social obligation* daripada IPP di Sabah. Perjanjian pembelian tenaga iaitu PPA di antara SESB dan IPP adalah dikuat kuasa untuk tempoh 21 tahun. Syarat-syarat perjanjian tersebut khususnya berhubung dengan harga pembelian tenaga tidak boleh dipinta kecuali kedua-dua pihak, SESB dan IPP pun setuju untuk merunding semula harga pembelian tenaga. Dari segi obligasi sosial IPP sukalah saya maklumkan bahawa satu akaun khas telah ditubuhkan iaitu Akaun AAIBE - Akaun Amanah Industri Bekalan Elektrik Sabah di mana setiap IPP di Sabah akan menyimpan 1% daripada hasil penjualan elektrik yang disambungkan kepada sistem SESB. Akaun ini bertujuan untuk membantu menampung kos pembekalan elektrik di kawasan luar bandar. Apabila perkara ini beroperasi, adalah diharapkan masalah tiang elektrik di luar bandar akan dapat diatasi.

Mengenai projek hidro Pangi, extension untuk projek itu adalah merupakan salah satu cara untuk memenuhi pertumbuhan permintaan tenaga di Sabah. Oleh kerana kerajaan telah membangunkan Hidro Bakun yang berkemampuan untuk menjana 450 megawatt maka pembangunan projek hidro itu boleh dihubungkan apabila punca tenaga dari Bakun telah digunakan.

Yang Berhormat bagi Kubang Kerian bertanya mengapa pindaan ini tertinggal dalam pindaan yang dilakukan pada tahun 1997. Pindaan yang dilakukan pada tahun 1997 adalah bagi membolehkan perniagaan LLS untuk menjana, membekal dan mengagih tenaga elektrik dipindahkan secara terus kepada SESB melalui perjanjian penswastaaan. Pindaan kepada tahun 2001 dibuat bagi mengatasi masalah pemindahan aset dan liabiliti LLS kepada SESB. Ini soal mengenai surcaj 1% oleh TNB di atas kelewatan pembayaran bil elektrik. Saya ingin memaklumkan bahawa keputusan kerajaan membenarkan pihak TNB mengenakan surcaj tersebut adalah atas asas bahawa surcaj 1% itu tidak seharusnya dianggap sebagai penalti tambahan. Justeru itu ianya tidaklah dianggap bercanggah dalam peruntukan undang-undang.

Sebenarnya langkah tersebut sebaliknya adalah merupakan satu tindakan alternatif oleh TNB daripada terpaksa membuat pemotongan bekalan elektrik. Ia juga adalah merupakan satu balasan atau *consideration* yang diberikan oleh TNB dalam bentuk pemberian tambahan masa kepada para pengguna untuk membuat pembayaran bil mereka. Jadi sebelum tindakan pemotongan terpaksa dilakukan, Tenaga Nasional Berhad sebenarnya di bawah peruntukan Akta Bekalan Elektrik

1990 boleh membuat pemotongan bekalan elektrik tanpa notis terhadap pengguna yang tidak membuat pembayaran bil elektrik pada masa yang telah ditetapkan.

Walau bagaimanapun untuk tidak membebankan para pengguna dan setelah menimbangkan kesukaran serta kerugian yang akan dihadapi oleh pihak pengguna sekiranya bekalan elektrik mereka dipotong, maka TNB telah membenarkan untuk mengenakan surcaj 1% sebagai satu alternatif yang akan membantu kesukaran yang akan dihadapi oleh para pengguna. Contohnya di dalam menampung kos penyambungan semula sekiranya TNB bertindak memotong bekalan elektrik mereka. Jadi ini adalah kerajaan menyedari bahawa bekalan elektrik adalah amat penting kepada para pengguna dan ketiadaan bekalan tersebut akan menyukarkan mereka. Jadi untuk tidak memberi kesusahan....

Tuan Husam bin Haji Musa: [Bangun]

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: [Bangun]

Tuan Chang See Ten: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Kubang Kerian berdiri, oh tiga orang berdiri Yang Berhormat ya. Hendak bagi yang mana Yang Amat Berhormat. Ya Kubang Kerian

Tuan Husam bin Haji Musa: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Jadi saya hendak kepastian, surcaj itu adalah sah dari segi undang-undang ataupun tidak.

Datuk Tan Chai Ho: Sebenarnya peraturan-peraturan elektrik 1990 adalah *silent*. Jadi ini bermakna secara pentadbiran, tetapi saya kata kalau TNB melakukan pemotongan *factory*, ini akan memberi kesukaran kepada pengguna. Kalau kilang, memang mereka tidak boleh beroperasi atau berniat menjalankan perniagaan dan jika bekalan elektrik ini dipotong, caj sambungan semula akan dikenakan. Oleh itu kita tidak boleh pandang ataupun kita boleh anggap ini sebagai penalti tambahan, bukan, kita bagi balasan *consideration kepada* pengguna. Jadi saya rasa ini tidak bercanggah dengan peruntukan undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua,...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, dua orang berdiri lagi Yang Berhormat, Bagan sama Setiu. Ya, Bagan.

Tuan Lim Hock Seng: Caj sambungan semula dikenakan sebanyak RM80 satu kali. Adakah itu munasabah cuma dia tarik fuis keluar, bawa balik nanti sudah kena notis, pergi panggil dia mari, cucuk balik sahaja RM80. Adakah itu munasabah?

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya sudah jawab pada masa pembentangan Rang undang-undang Pindaan Bekalan Elektrik 2001 di mana saya telah minta TNB membuat kajian supaya caj penyambungan semula boleh diturunkan. Jadi kita tunggu lah keputusan terakhir dari TNB ya. *[Ketawa]*

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Timbalan Menteri. Saya ingin mendapat penjelasan juga memberi sedikit pandangan kepada Yang Berhormat berhubung dengan satu kes di mana pemotongan telah dilakukan kepada seorang pengguna kerana mereka telah membuat bayaran di pejabat pos tetapi, bayaran di pejabat pos itu tidak sampai kepada pihak TNB dan pihak TNB telah membuat potongan kepada pengguna berkenaan. Dalam kes sebegini, adakah Yang Berhormat mempunyai peraturan yang membolehkan surcaj itu dikecualikan daripada dikenakan duti? Terima kasih.

Datuk Tan Chai Ho: Pengguna boleh sahkan atau membu ktikan beliau telah membuat pembayaran di pejabat pos, 1% surcaj boleh dikecualikan. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya cuba menjawab pertanyaan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat di mana yang saya tidak sempat menjawab.....

Tuan Yang di-Pertua: Jawab sikit.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: *[Mengetuk mikrofon]*

Tuan Yang di-Pertua: Dia tidak sempat menjawab Yang Berhormat.

Datuk Tan Chai Ho: Pegawai kementerian pun sudah mengambil perhatian

.....

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Sikit saja. Boleh? Sebelum tutuplah.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, dan terima kasih Yang Berhormat. Saya ini hendak cerita potong, oklah. Hendak bayar tidak apa. Ini hendak cerita masuk api. Ini, saya hendak menyentuh sedikit dari segi masuk api ke kawasan setinggan. Yang menjadi masalah ini, TNB, ia sebagai perniagaan. Ini bermakna, ia kalau masuk api, ia dapat untung. Jadi, ada setinggan yang jadi masalah kepada wakil rakyat. Ada yang boleh masuk, kadang-kala ada yang tidak boleh. Jadi, susah. Kadang-kadang beli rumah itu, ada lima, enam, sepuluh, dua puluh, sudah ada api. Ada dua, tiga, sudah tidak boleh masuk bila hendak masuk kemudian. Tetapi, ada kala boleh masuk. Jadi, ada tidak boleh kerajaan memutuskan dibenarkanlah kalau ada mana kawasan setinggan ini ada api,

ada yang baru hendak masuk itu, jangan ditahanlah. Ini ia hendak dapat kelulusan lain. Jadi, wakil rakyat pun susah. Ini yang sudah ada, yang hendak baru masuk pula tidak boleh. Jadi, tidak ada satu sistem atau peraturan, mana-mana kawasan setingan yang sudah ada api, ada yang tertinggal lima buah, enam buah, barangkali waktu hendak masuk itu, tidak ada duit atau apa, dibenarkan masuk. Ini berlakulah Yang Berhormat. Jadi, kalau boleh, kerajaan buat keputusanlah. Maknanya, semua setingan yang sudah ada api, kalau ada yang tertinggal, makna mohon melalui TNB sahaja, tidak payah melalui jabatan lain mengesan kerana keliling itu sudah ada rumah. Ini semua, minta penjelasan sedikit. Terima kasih.

Datuk Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, kenyataan ini akan diberi pertimbangan dan betul ya?

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Betul, betul diluluskan. Timbang tidak lagi.

Datuk Tan Chai Ho: Tidak,timbangkan dahulu, ya.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Ok, ok.

Datuk Tan Chai Ho: Atau Yang Berhormat boleh bagi butir-butir yang selanjutnya, jadi saya akan bincang dengan TNB supaya bekalan elektrik akan diberikan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon maaf, yang mana-mana saya tidak sempat jawab, tetapi, pegawai-pegawai kementerian ini mengambil perhatian dan cadangan keperluan akan diambil kira dan dipertimbangkan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibaca kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Fasal 1 hingga 3 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang undang-undang.

Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan, dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG BEKALAN GAS
PINDAAN (2001)**

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.37 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang Akta Bekalan Gas (Pindaan) 2001 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor: Tuan Yang di-Pertua, pertambahan dalam bekalan gas asli telah membolehkan sumber gas asli negara digunakan dengan cekap bagi menjana pertumbuhan ekonomi, penggunaan gas adalah tertumpu kepada sektor tenaga dan industri. Sebagai contoh, dalam tahun 2000, sektor tenaga telah menggunakan sebanyak 78.7% manakala bakinya digunakan oleh sektor bukan tenaga yang mana sebahagian besarnya digunakan oleh industri petrokimia.

Namun begitu, gas juga dibekalkan kepada industri kecil dan sederhana, pengguna perdagangan dan perumahan menerusi sistem penghantaran gas asli. Ketika ini, purata isi padu gas sebanyak 65 juta kaki padu sehari telah dibekalkan kepada pengguna-pengguna di Lembah Klang, Pasir Gudang, Kluang, Gebeng dan Kemaman. Di sektor perumahan, gas melalui sistem talian paip telah disambung kepada kira-kira 22,000 buah rumah. Adalah dijangka angka ini akan bertambah di masa hadapan. Penggunaan-penggunaan gas yang lain termasuk gas asli untuk kenderaan dengan izin, *Natural Gas for Vehicle* (NGV), sistem penjanaan, dengan izin, *co-generation* dan peralatan pendingin hawa.

Sebagaimana Tuan Yang di-Pertua sedia maklum, Akta Bekalan Gas telah diwartakan dalam tahun 1993 bertujuan untuk mengawal selia industri penyeliratan gas. Industri ini juga boleh dikategorikan sebagai industri utiliti seperti juga industri bekalan elektrik. Selaras dengan penubuhan Suruhanjaya Tenaga, yang mana rang undang-undangnya telah diluluskan dalam mesyuarat Parlimen pada bulan

Disember, 2000 yang lepas, beberapa pindaan perlu dibuat ke atas Akta Bekalan Gas 1993.

Pada dasarnya, pindaan-pindaan yang terlibat adalah pindaan dengan izin, *consequential* yang bertujuan untuk membolehkan pemindahan fungsi kawal selia daripada Jabatan Bekalan Elektrik dan Gas kepada Suruhanjaya Tenaga. Pada masa yang sama, pindaan tersebut akan membolehkan beberapa dasar semasa kerajaan mengenai tenaga dikuatkuasakan.

Pindaan lain yang dicadangkan dalam rang undang-undang ini adalah merupakan pindaan yang berbangkit daripada penubuhan Suruhanjaya Tenaga. Oleh hal yang demikian, dengan adanya pindaan ini, pemindahan tanggungjawab daripada Jabatan Elektrik dan Gas kepada Suruhanjaya Tenaga dapat dilaksanakan dengan teratur dan menjamin kesinambungan kawal selia.

Di antara aspek-aspek utama pindaan ke atas Akta Bekalan Gas adalah seperti berikut:

- (1) Memperkemaskan peruntukan mengenai skop sistem paip gas –

Bagi memperkemaskan peruntukan-peruntukan mengenai skop sistem penyimpanan dan paip gas petroleum cecair di premis pengguna, subseksyen 1(3)(b) perlu dipinda untuk meliputi dari sambungan pengisian tangki atau silinder penstoran yang digunakan khusus bagi penyeliratan atau penghantaran gas ke mana-mana radas di mana-mana premis. Keluasan skop ini adalah bertujuan untuk mengatasi kekeliruan takrifnya dengan mengambil kira maklum balas daripada Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan yang bertanggungjawab mengeluarkan perakuan kelayakan bagi tangki simpanan pukal dan penggendung tekanan gas petroleum cecair.

- (2) Pindaan kuasa kawal selia daripada Jabatan Bekalan Elektrik dan Gas kepada Suruhanjaya Tenaga –

Perkataan “Pengarah” di seksyen 2 perlu dipinda kepada “pegawai diberi kuasa” untuk membolehkan tanggungjawab Pengarah dilaksanakan oleh pegawai diberi kuasa dan seterusnya memansuhkan takrif “Pengarah” dan peruntukan

jawatan Ketua Pengarah Bekalan Gas memandangkan ia tidak lagi berkenaan oleh kerana makna Suruhanjaya di dalam akta ini, merujuk kepada Suruhanjaya Tenaga yang ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Tenaga 2000.

Perkataan “Ketua Pengarah” dan “pegawai-pegawai lain yang dilantik” di bawah subseksyen 3(2) perlu dipinda dan digantikan sebagai perkataan “Suruhanjaya” dan seterusnya menggantikan subseksyen (2) bagi membolehkan fungsi dan tugas Suruhanjaya pada bila-bila masa dijalankan oleh mana-mana Pegawai Suruhanjaya yang dilantik secara sewajarnya secara bertulis oleh Suruhanjaya bagi maksud sedemikian.

- (3) Satu seksyen baru mengenai “pegawai diberi kuasa” diperkenalkan iaitu seksyen 4A untuk melicinkan penguatkuasaan Akta Bekalan Gas 1993 apabila Suruhanjaya Tenaga ditubuhkan kelak. “Pegawai diberi kuasa” dalam konteks Suruhanjaya Tenaga merujuk kepada mana-mana pegawai awam atau Pegawai Suruhanjaya yang diberi kuasa secara bertulis oleh Menteri.
- (4) Penguatkuasaan dasar baru kerajaan.
Di samping itu, beberapa pindaan perlu dibuat kepada peruntukan sedia ada yang melibatkan penguatkuasaan dasar baru seperti berikut:-
 - (a) Akta Ibu perlu dipinda bagi menggantikan subseksyen (9) dengan seksyen baru memperuntukkan bahawa tiada pendakwaan boleh dimulakan bagi sesuatu kesalahan di bawah akta ini atau apa-apa peraturan yang dibuat di bawah akta ini kecuali oleh, atau dengan kebenaran bertulis Pendakwa Raya. Ini adalah bertujuan untuk mengelakkan dari berlakunya salah guna kuasa oleh pegawai-pegawai Suruhanjaya.
 - (b) Untuk menggalakkan pemegang lesen membuat bayaran mengikut tempoh masa yang ditetapkan serta merangsang perkembangan perusahaan penyeliratan gas di negara ini, satu seksyen baru dimasukkan iaitu,

seksyen 17A yang mengehendaki seseorang pemegang lesen membayar kepada seseorang tertakluk kepada syarat dan kepada kadar yang ditetapkan, sejumlah wang yang bersamaan dengan bunga tahunan atau cagaran yang diberikan.

- (c) Untuk memberi kebenaran kepada Menteri melantik mana-mana orang kompeten, perkataan “dengan Ketua Pengarah sebagai Pengerusi” di dalam subseksyen (3) kepada seksyen 29 diganti dengan perkataan “yang diketuai oleh seseorang yang dilantik oleh Menteri”.
- (d) Subseksyen (2) seksyen 34 perlu diganti dengan subseksyen baru untuk memberi kuasa kepada Pengerusi Suruhanjaya Tenaga dengan kebenaran bertulis Pendakwa Raya, mengkompaunkan mana-mana kesalahan yang ditetapkan di bawah subseksyen (1) dengan memungut daripada mana-mana orang yang disyaki telah melakukan kesalahan sejumlah wang yang tidak melebihi 50% daripada amaun denda maksimum untuk kesalahan tersebut. Satu subseksyen baru dimasukkan bagi memperuntukkan semua wang yang diperolehi daripada kompaun bagi sesuatu kesalahan yang dilakukan dimasukkan menjadi sebahagian daripada Kumpulan Wang Disatukan.

Tuan Yang di-Pertua, segala pindaan lain yang dicadangkan di dalam rang undang-undang ini adalah merupakan pindaan yang berbangkit daripada penubuhan Suruhanjaya Tenaga. Oleh hal yang demikian, dengan adanya pindaan ini pemindahan tanggungjawab daripada Jabatan Bekalan Elektrik dan Gas kepada Suruhanjaya Tenaga dapat dilaksanakan dengan teratur. Ini dapat memastikan kelak pelaksanaan aktiviti kawal selia ke atas bekalan gas melalui sistem penyeliratan akan lebih lancar lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, minta sokongan.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Puan Hajah Kamsiyah binti Yeop]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Bekalan Gas 1993 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

3.47 ptg.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Sukacita saya mengambil bahagian dalam perbincangan mengenai pindaan terhadap Akta Bekalan Gas 1993 di mana fungsi Jabatan Bekalan Elektrik dan Gas diambil oleh Suruhanjaya Tenaga.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia adalah salah sebuah pengeluar gas yang terbesar di dunia tetapi penggunaan gas sebagai sumber tenaga masih dalam paras yang kurang memuaskan. Kita sedar bahawa gas asli mempunyai potensi yang luas dan oleh itu Suruhanjaya Tenaga haruslah mengambil langkah-langkah untuk meningkatkan tahap kegunaan gas dalam berbagai sektor ekonomi negara ini. Reserved bekalan gas di Malaysia adalah tiga kali lebih daripada bekalan minyak di negara ini dan kita harus menjadikan gas asli ini sebagai satu sumber tenaga yang utama di negara ini. Fakta ini harus jadikan sektor gas sebagai satu sektor pembangunan yang mempunyai cabaran.

Walau bagaimanapun, gas masih kurang digunakan sebagai satu sumber tenaga di negara ini. Selain mengguna gas untuk memasak di rumah, penggunaannya masih tertumpu kepada industri-industri berat seperti power plants yang dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi dan juga industri petrokimia. Memandangkan potensi gas ini luas, Suruhanjaya Tenaga harus memberi tumpuan untuk membangunkan industri ini melalui penggunaan yang lebih meluas seperti sumber tenaga bagi kereta, gas masak yang disalurkan dengan paip ke rumah kediaman, hotel dan khasnya bandar-bandar baru dan projek perumahan yang baru termasuk Putrajaya dan bangunan Kompleks Kerajaan yang baru sebagai sumber untuk misalnya alat memanas dan alat hawa dingin dan juga untuk kegunaan secara komersial oleh industri-industri kecil dan sederhana.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia adalah pengeluar liquidified natural gas (LNG) yang ketiga besar di dunia selepas Algeria dan Indonesia. Maka memang sesuaihlah bagi kerajaan untuk menggalakkan penggunaan gas asli ini dalam negara ini iaitu maksud selain daripada mengeksport ia haruslah juga digalakkan penggunaan di

dalam negara ini. Industri gas asli di negara ini melibatkan tiga bahagian Tuan Yang di-Pertua, iaitu pengaliran gas di sisir pantai oleh Esso, Shell dan Carigali; yang kedua adalah penyaluran gas melalui paip-paip gas oleh Petronas Gas Bhd; dan ketiganya penyeliratan atau reticulation iaitu melalui network paip-paip gas scale kecil oleh Gas Malaysia Sdn. Bhd.

Kerajaan harus sedar bahawa oleh kerana kos pelaburan yang begitu tinggi untuk sektor ekonomi ini amatlah sukar bagi pemain-pemain baru yang ingin menceburi industri ini kerana syarat-syarat kemasukan adalah sukar dan mencabarkan. Saya ingin tahu apakah kerajaan dan juga Suruhanjaya Tenaga meneroka kemungkinan untuk menarik lebih banyak pelaburan dalam sektor ini sama ada dari pelabur tempatan mahupun pelaburan asing?

Tuan Yang di-Pertua, penyaluran gas melalui paip juga satu sektor yang susah diceburi. Setakat ini cuma ada Petronas yang mempunyai prasarana tulang belakang di Semenanjung ini melalui Projek Penggunaan Gas Semenanjung, Peninsular Gas Utilization Project (PGU). Walaupun sudah ada projek PGU namun masalah untuk menyalurkan gas ini kepada pengguna (end users) di rumah kediaman ataupun di projek-projek perumahan yang baru amatlah menyulitkan kerana membabitkan pelaburan yang begitu besar. Saya rasa dari segi ini Suruhanjaya Tenaga dan kerajaan mesti adakan perancangan yang berjangka panjang untuk memastikan bahawa pembangunan perumahan dan sektor pembangunan di negara ini akan dapat mengambil kira penggunaan gas sebagai satu sumber tenaga.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini gas asli digunakan secara meluas dalam sektor menjana elektrik iaitu hampir 65% dan mungkin Suruhanjaya Tenaga perlu menentukan bahawa harga gas dan petrol seperti yang dihujahkan oleh Yang Berhormat bagi Kubang Kerian bahawa untuk memastikan harga gas yang disupply kepada Tenaga Nasional dan IPP yang lain dapat ditetapkan pada paras yang minima supaya para pengguna tidak akan dikenakan tarif yang tinggi oleh Tenaga Nasional dan IPP apabila harga gas naik.

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu dari pihak kerajaan apakah dasar mengenai pembinaan natural gas station di negara ini supaya untuk memastikan ada bekalan kepada vehicles yang sudah pun menggunakan natural gas (NGV). Apakah insentif-insentif akan diberikan kepada pelabur tempatan dan pelabur asing dalam perkara ini sebab sememangnya untuk mengadakan satu

network natural gas station membabitkan pelaburan yang begitu besar. Dan dari segi ini kerajaan haruslah memberi insentif-insentif supaya dapat menjayakan projek NGV ini.

Dan akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan ini mengenai satu perkara yang saya kira juga di bawah fungsi kawal selia Suruhanjaya Tenaga di mana bersabit dengan satu kes berhubung dengan Iran-Libya Sanctions Act yang diluluskan oleh kerajaan United States di mana Amerika Syarikat mengugut akan mengenakan sanction ke atas Malaysia kerana Petronas Gas telah bercadang untuk melaksanakan satu projek gas di Iran bersama-sama dengan rakan kongsi dari Perancis dan Rusia di mana di bawah Akta Sanction Iran-Libya ini mana-mana negara asing yang membuat pelaburan melebihi USD20 juta di Iran ataupun Libya akan menghadapi sanction dari kerajaan Amerika Syarikat. Jadi saya berharap Yang Berhormat Timbalan Menteri dapatlah memberi kedudukan terkini mengenai perkara ini sebab ini membabitkan satu ugutan dari Amerika Syarikat untuk mengenakan sanction terhadap negara Malaysia kerana penglibatan Petronas dalam projek gas di Iran. Dengan ini saya mengucapkan terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Dungun.

4.56 ptg.

Datuk Mustafa bin Ali [Dungun]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bersama untuk mengambil bahagian dalam membahaskan dan memberi pandangan berkaitan dengan pindaan kepada Akta Bekalan Gas 1993 khusus mengenai Pindaan seksyen 1 (3) (b) yang dibentangkan dan sama-sama kita mendengar dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Kita semua sedar bahawa antara negeri-negeri yang mengeluarkan gas dan petroleum ialah Sarawak, Sabah dan Terengganu. Saya tidak menyebut JDA (Joint Development Areas) Kelantan dan Thailand, Malaysia-Thailand tetapi dekat dengan Kelantan. Saya menyebut perkara ini oleh kerana salah satu daripada projek yang dilaksanakan oleh Petronas kerana Petronas merupakan agensi yang satu-satunya ditugaskan untuk mengeluarkan sama ada petroleum ataupun gas dan menyalurkan gas ini untuk keperluan sama ada domestik ataupun industrial use.

Negeri Terengganu merupakan negeri yang memang menjadi lokasi di mana pendaratan gas itu berlaku dan daripada negeri Terengganu itulah disalurkan gas ini

ke negeri-negeri di Semenanjung melalui projek yang disebut oleh salah seorang daripada Yang Berhormat tadi iaitu PGU 1 dan 2, Peninsular Gas Utilization di mana gas ini disalurkan ke negeri-negeri di Semenanjung Malaysia ke Selatan sampai ke Utara, tetapi malangnya negeri Terengganu sendiri di mana gas itu mendarat tidak ada saluran paip yang dibina oleh Petronas untuk digunakan untuk rumah (household) begitu juga untuk industri kecuali industri yang terdapat dalam rantau Petronas iaitu Kerteh dan Kemaman. Hal ini satu perkara yang sudah berlaku lama, pernah dibangkitkan oleh rakyat negeri Terengganu, gasnya mendarat di negeri Terengganu tetapi rakyat tidak dapat menikmati hasil daripada gas yang disalurkan itu untuk digunakan sama ada di rumah mereka ataupun industri-industri di luar daripada kawasan yang saya sebutkan itu. Beberapa pertanyaan ataupun perkara ini telah dikemukakan kepada Petronas kerana negeri-negeri lain boleh disalurkan paip ini ke selatan, tetapi Terengganu yang lebih dekat dengan tempat mendarat tidak disalurkan. Adakah ini satu diskriminasi yang dilakukan terhadap negeri Terengganu dan rakyat? Saya tidak nampak bahawa dari sudut Petronas ini satu diskriminasi sebab Petronas bukan orang politik dan tidak melakukan diskriminasi. Yang melakukan diskriminasi adalah orang politik. Cuma jawapan yang sering kita terima ialah bahawa pertimbangan (consideration) yang selalu digunakan oleh Petronas ialah kerana penyaluran paip ini untuk kegunaan dalam negeri Terengganu sendiri tidak begitu economic. Itu jawapan yang standard diberikan kerana penggunaan gas berdasarkan penduduk yang tidak begitu padat jadi tidak menguntungkan.

Tuan Yang di-Pertua, hari ini saya harap sama ada kerajaan ataupun Petronas, memberikan satu pertimbangan supaya jangan semata-mata melihat suatu projek itu berdasarkan keuntungan semata-mata, supaya melihat bahawa ini satu social obligation kepada rakyat yang memang salah sebuah negeri yang dikatakan tertinggal dari banyak sudut termasuk dari sudut kadar kemiskinannya yang kedua ataupun ketiga tertinggi di Malaysia ini. Jadi, saya harap pertimbangan ini dapat diberikan oleh Petronas supaya jangan semata-mata melihat dari sudut keuntungan, dilihat sama dari sudut social obligation.

Barangkali rakyat negeri Terengganu terdiri daripada rakyat yang malang. Ada duit royalti pun sudah dirompak. Hendak disalurkan gas, tidak disalurkan kerana sebab-sebab yang saya sebutkan. Jadi, hal inilah saya harap supaya kerajaan memberikan satu pertimbangan, malah yang dituntut, yang diminta oleh

rakyat itu bukan sekadar saluran gas itu sahaja, sekurang-kurangnya gas yang digunakan itu bukan sahaja, lebih murah sedikit daripada yang digunakan dan dibayar di negeri lain tetapi saya tahu ini sesuatu yang agak tidak praktikal kerana harga gas yang distandardizekan, dengan harga yang telah ditentu oleh kerana ini termasuk dalam barang kawalan tetapi kalau saluran paip ini boleh dibuat daripada tempat mendarat, disalur ke Negeri Terengganu, transportation costnya lebih rendah, itu boleh dilakukan.

Tetapi sampai hari ini, masih tidak dilakukan pihak kerajaan sendiri dan oleh Petronas sendiri. Jadi, oleh kerana itu, Tuan Yang di-Pertua, saya hanya mengambil point saja untuk highlight kan supaya kerajaan dapat memberikan satu pertimbangan kepada rakyat dan rakyat negeri Terengganu yang sekian lama dinafikan hak-hak mereka ini dan supaya dilihat bukan sahaja dari sudut komersialnya semata-mata tetapi dilihat daripada sudut kemanusiaan, kepentingan rakyat yang seharusnya bukan sahaja melihat gas itu didaratkan tetapi mereka tidak dapat manfaat yang sewajarnya daripada sama ada gas ataupun petroleum yang mendarat di negeri Terengganu.

Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Tebrau.

4.03 ptg.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan [Tebrau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya untuk berucap sedikit untuk membahaskan rang undang-undang untuk membina Akta Bekalan GAS 1993 (501) terutama pada fasal yang meminda seksyen 1, Akta 501 dan fasal 9 meminda seksyen 9, Akta 501 berkaitan pendakwaan, fasal 15 seksyen baru 7A dan juga fasal 21 meminda seksyen 34 berkaitan dengan kompaun kesalahan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha kerajaan untuk membaiki taraf hidup terutama dalam penggunaan gas kepada pengguna dengan lebih baik, kita juga mesti mengambil perhatian dan juga menjaga keselamatan orang ramai dalam penggunaan gas, terutama sekali Tuan Yang di-Pertua, dalam penggunaan gas ke rumah-rumah melalui saluran paip yang sedang dan juga telah pun digunakan oleh pengguna.

Cuma saya hendak tahu dari segi tindakan kerajaan. Kita tidak hendak Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha kita untuk kebaikan tetapi dari segi keselamatan kepada pengguna juga perlu pihak kerajaan mengambil perhatian yang serius. Saya

tidak tahu sejauh mana pihak kerajaan telah mengambil perhatian dalam keselamatan terutama jika berlaku kebocoran.

Saya tidak tahu sejauh mana berbahayanya gas tetapi apabila sebut gas, dia memasang paip daripada utara ke selatan, jauh daripada Terengganu tetapi keselamatan kebocoran itu macam mana? Sebab paip ini, ia lalu berhampiran dengan rumah, termasuklah kawasan-kawasan dan akhirnya melalui kediaman orang ramai.

Jadi, dalam perkara ini, kalaulah berlaku kebocoran, Tuan Yang di-Pertua, yang mungkin akan merosakkan keselamatan orang ramai berhampiran dengan saluran paip itu, macam mana tindakan yang hendak diambil? Adakah apabila berlaku begini, kerosakan berlaku pada ini, orang ramai pula boleh mengambil tindakan kepada kerajaan kerana boleh melibatkan nyawa dan sebagainya. Ini mungkin belum berlaku, kita

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: *[Bangun]*

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Ya? Gangguan lagi, ya okay.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Minta laluan, Tuan Yang di-Pertua. Bukan ganggu dia Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Laluan, minta kebenaran dengan Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Yang di-Pertua, saya fikir Yang Berhormat bagi Tebrau agak khuatir kerana takut terutama kawasan Tebrau dekat Singapore, apabila ada saluran gas itu meletup dan merosakkan pengundi-pengundi beliau dan beliau akan kalah tetapi saya hendak bertanya Yang Berhormat, berapa tempat di mana pengguna-pengguna telah mengalami masalah kebocoran ini? Ada tidak kajian-kajian di negara-negara lain yang berlaku keadaan macam itu? Adakah Yang Berhormat tidak yakin dan tidak percaya dengan kemampuan Petronas untuk mengelakkan perkara-perkara sedemikian daripada berlaku di negara kita? Terima kasih.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Terima kasih Yang Berhormat bagi Bagan Datoh. Semalam terbalik, Datoh Bagan, minta maaf. Berhubungan dengan itu, setakat ini belumlah saya dengar berlaku perkara yang saya sebutkan itu tadi tetapi mungkin di negara lain ada juga terlibat masalah kebocoran-kebocoran gas. Jadi, kita pernah baca akhbar ada berlaku dan saya cuma menyebutkan perkara ini. Saya yakin pada kerajaan tetapi di samping itu, kita maklum ini perbuatan manusia

yang dibuat oleh manusia, yang dilakukan oleh manusia, sebab itulah manusia mesti ada kelemahan.

Dari segi yang membuat ini pun, manusia – yang buat paip, yang menyambung, semua manusia buat dan sebelum ini berlaku, oleh sebab itu, apa juga perkara sebelum berlaku, kita kena berhati-hati. Cuma saya hendak kerajaan menjamin supaya jangan berlaku kebocoran. Kalau berlaku di rumah, saya tidak tahulah. Kalau yang berlaku di rumah itu terbobor, sebelum naik ke atas rumah kalau itu tiga atau empat tingkat ini, macam mana kalau gas itu bocor? Adakah dia melibatkan? Jadi, apa jaminan keselamatan dan kekuatan yang dibuat oleh pihak kerajaan hendak menyalurkan saluran? Itu yang kita kawatir Tuan Yang di-Pertua. Jadi, yang usaha kerajaan, saya sudah kata tadi, kita ucap tahniah, memang baik, cuma dari segi keselamatan kepada orang ramai.

Yang kedua Tuan Yang di-Pertua, apabila tanam paip gas, kadang-kadang ada jabatan lain, saya tidak tahu dari salur lain ditanam bawah tanah macam kes air, kontraktor mengorek air tidak tahu bawah itu ada paip air kerana peringkat awal, Jabatan Kerja Raya dahulu buat paip tidak ada pelan. Dia kalau pasang sepanjang jalan, umpamanya di Johor, ditanam sampai ke bawah tetapi tidak ada pelan bahawa sepanjang jalan itu saluran paip itu ditunjukkan tetapi yang kena ini barulah, selepas berlaku pihak kontraktor seperti TNB, Telekom.

Dia korek, kontrak ini dia mana tahu, dia tidak baca pelan. Rupanya dalam dia korek, dia tanam itu, terpecah paip yang di bawah kerana tidak ada satu pelan yang menunjukkan ada paip di bawah tempat dia gali. Jadi, ini mungkin juga dari segi tindakan awal perlu diambil oleh kerajaan. Kalau yang saya sebut itu begitu rupa akan jadinya.

Jadi, inilah saya sentuh ini. Yang penting saya hendak jaga keselamatan orang ramai sahaja. Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua, yang saya hendak bangkitkan. Di samping itu, dari segi penggunaan gas oleh terutama petrokimia ini, ini mungkin di bawah Timbalan Menteri bawa tadi, keselamatan juga.

Ini maklum, Tuan Yang di-Pertua, dalam tempat pembinaan gas ataupun gas kimia yang ada di satu-satu kawasan ini, dia ini pun takut kerana di kelilingi tempat gas itu dibina atau diguna di sebuah kilang besar, dari segi keselamatan penduduk yang berhampiran itu. Ini pun saya ingat mungkin pihak kerajaan perlu jugalah sentiasa memantau perkara ini supaya tidak berlaku sebarang perkara yang tidak diingini.

Jadi, itulah sedikit sahaja Tuan Yang di-Pertua, yang hendak saya bantangkan dalam Dewan ini ialah berhubung dengan keselamatan orang. Jadi, saya haraplah pihak kerajaan akan mengambil perhatian yang serius dalam kes ini.

Sekian, terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Batu.

4.08 ptg.

Tuan Ng Lip Yong [Batu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga hendak membangkitkan perkara keselamatan. Baru-baru ini, Tuan Yang di-Pertua, ada satu kes letupan di kawasan saya dan ada kemungkinan besar letupan ini disebabkan oleh gas. Buat masa ini, kita belum dapat memastikan punca letupan ini tetapi dari segi keadaan unit flat itu selepas kejadian itu, ada kemungkinan besar gas yang menyebabkannya.

Selepas lawatan saya ke tempat itu, saya dapati bahawa unit flat itu tidak ada alat gas sensor dan saya ingin tahu sama ada kerajaan ada syarat kepada pembekal gas di mana tiap-tiap unit rumah atau unit flat mesti pasang gas sensor. Saya yakin dari pusat ke pusat, mungkin kita ada sistem SCADA yang kita boleh mengawal kebocoran tetapi di tiap-tiap rumah yang kita pasang gas, kalau kita tidak ada alat-alat yang mengawal kebocoran, mungkin kita akan menghadapi masalah besar, khususnya di Kuala Lumpur di mana kita ada banyak flat yang ada saluran gas.

Perkara yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan seksyen baru 17A yang memastikan bahawa pemegang lesen hendaklah membayar kepada pelanggan sejumlah wang yang bersamaan dengan bunga tahunan atas cagaran yang diberikan. Ini adalah satu langkah yang adil dan saksama dan melindungi kepentingan orang ramai dan saya mengucapkan tahniah kepada kementerian yang telah membuat pindaan ini.

Itulah ucapan saya. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Kubang Kerian.

4.10 ptg.

Tuan Husam bin Haji Musa [Kubang Kerian]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengambil bahagian sama untuk Rang Undang-undang Bekalan Gas pada petang ini.

Rang undang-undang ini adalah bertujuan untuk mengemaskinikan bekalan gas ke rumah-rumah kediaman terutama sekali dan meningkatkan penggunaan gas bagi penggunaan domestik. Sebelum daripada gas ini disalurkan ke rumah-rumah,

kita berbincang tentang PGU ataupun sambungan pipe line daripada pemprosesan gas ini ke tempat-tempat yang tertentu.

Saya ingin mengambil sedikit bahagian untuk membincangkan keselamatan bekalan gas utama tadi iaitu melalui PGU yang kita ada di seluruh Semenanjung yang pada waktu ini ialah PGU utama kita adalah daripada Kerteh dan sebelum daripada ini, saya difahamkan Petronas telah pun mencadangkan supaya kita mempunyai beberapa rangkaian PGU yang lain, jika berlaku sesuatu keadaan kecemasan, kita tidak hanya bergantung kepada satu laluan gas yang utama melalui PGU Kerteh ke sebelah Pantai Barat.

PGU alternatif yang dicadangkan oleh Petronas pada fahaman saya ialah menyambungkan Kerteh melalui Kota Bharu, Kelantan dan kemudian ke sebelah utara dan kemudian disambung semula ke sebelah Pantai Barat tetapi malangnya sehingga hari ini, kita lihat bahawa saluran bagi jaminan keselamatan ini tidak dibina dan kita hanya ada satu saluran utama dan jika berlaku sesuatu keadaan tertentu, kita mungkin terperangkap dalam satu keadaan yang sangat teruk. Lebih-lebih lagi sebahagian daripada janakuasa kita bergantung kepada bekalan gas yang diproses di Kerteh.

Saya bersetuju dengan pandangan daripada Yang Berhormat bagi Dungun bahawa telah ditakdirkan oleh Allah S.W.T bahawa bekalan gas bagi Semenanjung tertumpu ke sebelah Pantai Timur, termasuk Kelantan dan Terengganu, walaupun Kelantan secara persendirian tidak mempunyai bekalan gas sehingga hari ini dalam kawasan perairan negeri Kelantan tetapi sempadan Kelantan dan Thailand ialah satu *reserved gas* yang sangat besar. Sebagai satu contoh yang telah diberikan jawapan oleh Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri kepada saya dalam soalan bertulis bahawa bagi kawasan pertindihan sempadan Kelantan-Vietnam ataupun Malaysia-Vietnam sahaja, *reserved gas* kita ialah 858.4 bilion kaki padu dan gas ini dijangka akan dikeluarkan pada tahun 2003 iaitu hanya dua tahun dari sekarang dan bagi kawasan JDA pula dengan bersempadan dengan Thailand, kita mempunyai *proven reserve* yang telah dikenal pasti sebanyak 8.5 trilion kaki padu dan dijangkakan sekurang-kurangnya 10 trilion kaki padu lagi akan dapat disahkan dalam jangka masa yang dekat.

Ini adalah bukti bahawa *reserve* kita adalah begitu besar dan berada di sebelah Pantai Timur, kebetulannya di Kelantan dan Terengganu dan negeri-negeri lain setakat hari ini di Semenanjung tidak mempunyai bekalan tersebut. Dan bagi

pengeluaran untuk kawasan Cakerawala iaitu pertindanan kawasan dengan Thailand sahaja pengeluaran akan dimulakan dengan 450 million kaki padu tiap-tiap hari, dan bagi kawasan pertindanan dengan kawasan Vietnam ialah 320 million kaki padu pengeluaran bagi satu hari.

Saya ingin mendapatkan sedikit budi bicara daripada kerajaan supaya dapat menimbangkan bayaran ehsan yang sama kepada Kelantan berasaskan bayaran ehsan yang telah diberikan kepada Terengganu, kalau kita minta royalti awal-awal lagi saya ingat adalah sukar selagi mana Kerajaan Terengganu dan Kerajaan Kelantan berlainan fahaman dengan Kerajaan Pusat. Tetapi jika Terengganu boleh diberikan bayaran ehsan, saya berharap bahawa bayaran ehsan yang sama....

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon laluan daripada Kubang Kerian. Saya hendak tanya dengan Kubang Kerian, wang ehsan yang dipe rlukan itu adakah berasaskan bahawa gas itu diperolehi dalam kawasan zon ekonomi Terengganu dan Kelantan atau memang betul-betul hendak minta wang ehsan untuk keehsanan kerajaan bagi membantu kedua-dua negeri yang berkenaan?

Tuan Husam bin Haji Musa: Saya asal dapat duit tak apa, Tuan Yang di-Pertua, mana-mana pun tak apa. Malaysia sebenarnya tidak akan wujud tanpa negeri-negeri ini bercantum. Kalau tiap-tiap negeri in keluar daripada Malaysia, Malaysia ini tak ada laut. Malaysia ada perairan yang kita gariskan sekarang selepas tiap-tiap negeri ini bersetuju bercantum dalam Persekutuan. Katakan diizinkan negeri-negeri Perak ataupun Pulau Pinang ataupun Kedah keluar maka dengan sendirinya sempadan perairan kita akan menjadi lebih sempit. Jadi, janganlah kita terikat dengan pandangan yang demikian untuk menyekat ehsan.

Kalau kita kata ehsan, ehsan ini ialah sesuatu yang lebih daripada hak. Kita beri kewajipan kita, selepas itu kita hendak beri lebih daripada hak kita beri, itu dipanggil ehsan. Kalau hak, itu tidak dipanggil ehsan, itu nafkah, itu tanggungjawab wajib. Yang lebih daripada hak, itu dipanggil ehsan. Sebab itu saya tidak hendak pergi kepada pertikaian istilah untuk berkata bahawa ini adalah di luar ataupun di dalam perairan Kelantan. Tetapi jika sekiranya Kelantan ditakdirkan tak ada dalam peta Malaysia bererti bahawa ini seluruhnya adalah bukan kepunyaan Malaysia dan Malaysia mendapat faedah yang begitu besar setelah saya buktikan tadi, tunjukkan bahawa rizab kita yang telah dibuktikan ialah 8.5 trilion kaki padu. Ini satu jumlah yang sangat besar. Jadi, takkan satu sen pun tak boleh tumpah kepada negeri

Kelantan. Itu tak masuk minyak kerana tajuk kita hari ini ialah tajuk gas sahaja dan saya akan hanya bercakap tentang gas, kita tak bercakap tentang minyak. Pengeluaran bagi kawasan MTJDA ini sepatutnya telah bermula pada tahun 2001 tetapi telah ditangguhkan oleh sebab-sebab yang kita telah lihat.

Sehubungan dengan ini juga Tuan Yang di-Pertua, kita boleh lihat dalam perspektif lain bagaimana kepentingan kita dapat ditingkatkan jika kita lebih mengurangkan perbezaan fahaman politik sebagai asas untuk kita membuat keputusan. Dalam jawapan yang sama, saya sengaja petik dua jawapan rasmi ini, supaya saya tidak dituduh bercakap sesuatu tidak ada fakta seperti yang telah dituduh pada pagi ini oleh seorang Timbalan Menteri. Jadi, saya sengaja memetik apa yang telah dijawab secara rasmi.

Ini satu lagi jawapan rasmi daripada Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Jarak keseluruhan dari kawasan pembangunan bersama Malaysia-Thailand, medan gas Cakerawala ke Songkhla ialah 270 kilometer. Jarak dari Songkhla ke Changlun ialah 97 kilometer. Bermakna keseluruhan jarak daripada telaga yang berada di antara sempadan Kelantan dan Thailand ke Songkhla dan kemudian ke Changlun ialah 367 kilometer dan bercantum dengan sistem penghantaran gas Semenanjung, Peninsula Gas Transmission System (PGTS) di Changlun, manakala jarak medan gas cakerawala ke pantai Kelantan ialah hanya 150 kilometer. Ini jawapan rasmi, bukan saya pergi ukur sendiri. Walau bagaimanapun, jarak keseluruhan - ini kata Timbalan Menteri, kalau sekiranya gas ini didaratkan di Paka, jarak keseluruhan Paka di Terengganu, kemudian melalui Kelantan, kemudian ke Changlun semula hanyalah juga 360 kilometer, lebih pendek 7 kilometer daripada cadangan melalui Songkhla tetapi kita telah mendaratkan, kita bersetuju membuat pendaratan kita di Songkhla. Selain daripada itu, kita terpaksa membayar *through put fee* kepada Kerajaan Thailand RM1.2 bilion satu tahun bermula daripada tahun 2007. Jika sekiranya kita melalui jarak yang lebih jauh, kita semua tahu perbelanjaan *overhead* akan menjadi lebih besar kerana kalau tak silap saya tiap-tiap satu kilometer pipeline di lautan kosnya ialah USD100 juta bagi tiap-tiap satu kilometer. Dan kita akan menghabiskan wang secara percuma lebih kurang RM2 bilion ataupun lebih bagi pembinaan sahaja dan tidak termasuk bayaran tol ataupun *through put fee* RM1.2 bilion yang telah saya sebutkan tadi.

Pada masa yang sama, yang lebih aneh lagi ialah kita menjadi pembeli yang terbesar bagi projek ataupun gas yang didaratkan dan diproseskan di Thailand, iaitu

saya bacakan: "*Selepas fasa pertama berjalan nanti 425 juta kaki padu sehari akan dibeli oleh Petronas. Untuk fasa kedua tambahan sebanyak 425 juta kaki padu sehari akan didaratkan di Songkhla dan di samping itu, pihak Thailand akan mengambil terus gas dari JDA sebanyak 600 juta kaki padu sehari untuk didaratkan ke tempat lain.*". Dengan itu, jumlah pengeluaran gas JDA di fasa 1 dan 2 ialah 1.45 bilion kaki padu sehari, satu jumlah yang sangat besar untuk Bagan Datoh dapat nilaikan dan sama-sama untuk berfikir untuk memberikan lebih manfaat kepada negeri tempat asal gas ini keluar.

Dengan persefahaman untuk kedua-dua negara menggunakan gas JDA secara sama rata adalah dijangkakan penggunaan gas oleh pihak Thailand dari gas yang didaratkan di Songkhla hanyalah sebanyak 125 juta kaki padu sehari di mana pihak Petronas akan mengambil 50% bahagiannya dari jumlah keseluruhan keluaran JDA dari projek Songkhla iaitu sebanyak 725 kaki padu sehari. Ini bererti lebih 85% dari gas yang didaratkan di Songkhla ini akan dibeli oleh Petronas sendiri, tetapi masih lagi kita membelanjakan jumlah yang besar untuk didaratkan di Thailand sedangkan dalam perjanjian *Take or Pay* yang telah ditandatangani oleh Petronas, Petronas akan membeli sebahagian besar daripada gas itu untuk kegunaan negara kita.

Inilah yang saya rasa satu perkara yang sangat tidak ekonomik dan patut dikaji semula lebih-lebih lagi kalau mengikut laporan *New Straits Times* dalam dua bulan yang lepas bahawa pihak Kerajaan Thailand yang baru telah pun menangguhkan pendaratan ini untuk sekurang-kurangnya satu tahun akan datang berasaskan kepada ekonomi Amerika yang slow down sekarang. Mereka memberikan alasan bahawa oleh kerana US economic slow down ini memberikan kesan kepada permintaan gas dunia, mereka berharap, mereka menjangkakan bahawa mereka mesti menangguhkan pengeluaran ini bagi membuat adjustment dengan keadaan pasaran semasa.

Itu yang sangat memerlukan penjelasan daripada pihak kerajaan. Sampai hari ini saya tidak mendapat apa-apa maklumat menunjukkan bahawa Kerajaan Thailand membantah ataupun menentang cadangan jika sekiranya Malaysia berhasrat mendaratkan gas tadi di Kelantan ataupun di Terengganu. Jika kita mendaratkan di Terengganu sekali pun, kita masih lagi menjimatkan jarak pipeline yang kita hendak sambungkan di antara Kertih ke Kedah. Sehingga hari ini kita belum mendengar Kerajaan Thailand berkata mereka tak hendak pendaratan ini

berlaku di Malaysia. Tetapi mengapakah kita pada masa yang sama menekankan untuk mendaratkan di sebelah Thailand sedangkan bantahan itu tidak wujud. Jadi, ini membelakangkan kepentingan kita sendiri.

Saya kembali kepada penjana kuasa tadi. Penjana kuasa elektrik di Malaysia kebanyakan menggunakan bahan api, gas asli. Pergantungan sumber kuasa yang tinggi terhadap gas asli menimbulkan risiko di mana bekalan gas untuk sistem PGU tertumpu di Kertih, Terengganu dan penyaluran gas asli sistem PGU sehala menjadi nadi utama pembekalan gas negara. Ini menjadikan sistem bekalan gas negara amat rapuh di mana sesuatu bencana di saluran PGU 2 misalnya akan melumpuhkan seluruh negara, walaupun saluran *looping* wujud ia merupakan satu saluran yang dibina selari dengan saluran yang ada dan tidak dapat memenuhi ciri *security of supply* yang diharapkan sekiranya berlaku bencana setempat.

Satu kajian yang dijalankan oleh Petronas satu ketika dahulu, telah mencadangkan satu looping sebenar dibina dengan membina saluran gas dari Kerteh ke utara dan merentasi ke pantai Barat dari Kelantan yang mana dengan saluran tersebut bekalan gas secara dua hala dapat disalurkan ke seluruh negara iaitu melalui saluran selatan dan utara. Projek looping ini akan membolehkan Kelantan mendapat gas asli dan menjamin *security of supply* untuk sistem PGU sama seperti Terengganu juga pada masa akan datang kita berharap bahawa jika sekiranya bekalan gas domestik ke rumah-rumah ini adalah lebih murah, melalui sistem retikulasi yang kita bincangkan ini, kita juga berharap bahawa Kelantan akan mendapat saluran paip gas untuk membolehkan rakyat Kelantan menerima bekalan terus ke rumah-rumah seperti yang kita hasratkan dalam akta ini, dalam rang undang-undang. Tetapi sehingga hari ini seperti yang saya telah nyatakan, tidak berlaku pembinaan tersebut, saya berharap mendapat penjelasan daripada kerajaan, mengapakah ataupun apakah sebab looping tambahan untuk menambahkan *security* bekalan gas Semenanjung tidak dibina sehingga hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, yang lain ialah bahawa dalam bekalan gas LPG iaitu untuk kegunaan domestik di Malaysia, kerajaan telah membelanjakan subsidi pada tiap-tiap tahun lebih kurang RM300 juta kepada Petronas bagi membolehkan harga gas domestik ini dikekalkan pada harga yang rendah.

Ada dua pertanyaan yang saya hendak kemukakan di sini ialah, yang pertama, adakah jika sekiranya syarikat-syarikat lain yang lebih kecil diberikan keizinan untuk melaksanakan pengeluaran LPG ini adakah kos *overhead* mereka

lebih rendah dan dengan itu kita dapat mengurangkan perbelanjaan subsidi yang kita berikan kepada syarikat pengeluaran gas Petronas yang pada hari ini berjumlah lebih daripada RM300 juta dan pada masa yang sama satu perkara yang saya sangat inginkan penjelasan, jika sekiranya kita memberikan subsidi RM300 juta ini bermakna kita menggunakan wang rakyat dan wang negara bagi membantu Petronas mengekalkan harga gas yang rendah dengan wang kita dan tidak daripada pendapatan dalaman Petronas.

Pada masa yang sama saya kira Petronas mesti juga mengimbangkan aspek-aspek lain perbelanjaan kos mereka. Dalam hal ini, saya ingin menarik perhatian juga kepada jawapan yang telah diberikan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri terhadap soalan saya apakah rasionalnya Petronas menyewa menara yang telah mereka binakan sendiri iaitu mereka ada dua menara yang tingginya 88 tingkat setiap satu menara dan sewaan ini telah diberikan kepada satu anak syarikat di mana Petronas mempunyai 76% kepentingan iaitu Midcity Resources dan 24% kepentingan lain ialah dimiliki oleh MAI Holding yang dipunyai oleh Ananda Krishnan. Bererti bahawa setiap ringgit sewaan ini 26% ataupun 26 sen adalah untuk MAI Holding.

Jadi, mengapakah keadaan susunan ini berlaku sehingga suatu syarikat persendirian mendapat manfaat yang begitu lumayan daripada sistem ini. Baru-baru ini dalam bulan Jun dalam surat khabar *The Edge* dan juga dalam *Loan Rating* yang kita boleh dapati dengan sah, ini bukan maklumat yang palsu, sah daripada RAM umpamanya, telah memberikan pendedahan bagaimana Midcity Resources mengeluarkan bon sejumlah RM3.92 bilion hampir RM4 bilion dalam tiga pengeluaran, dalam tiga isu.

Yang saya ingin tahu ialah oleh kerana Midcity Resources hanya menjalankan perniagaan sewaan bangunan menara, itu sahaja perniagaan tunggal yang dijalankan oleh Midcity Resources. Penyewanya ialah Petronas, yang secara jelas akan memberikan sewaan pada setiap bulan kepada Midcity Resources dan ini sahaja perniagaan tunggal mereka.

Jika dikatakan bahawa Midcity Resources meminjam sebanyak RM1 bilion untuk perbelanjaan menyiapkan menara ini, mengapakah bon ini sampai RM4 bilion jika sekali pun mereka mengeluarkan bon untuk menyusun semula pinjaman yang telah mereka perolehi pada tahun 1997 kalau tidak silap saya sebanyak RM1 bilion. Tetapi bon baru ialah RM4 bilion, sedangkan mereka telah mendapat pendapatan

daripada sewa, katakan mereka ingin menyusun bon tersebut supaya mendapat kadar yang lebih rendah, habis-habis tinggi mereka hanya memerlukan RM1.5 bilion dan tidak sampai kepada RM4 bilion.

Saya berharap ini mendapat penjelasan supaya rasional kita memberikan subsidi RM300 juta kepada pengeluaran LPG oleh Petronas muna sabah iaitu kita memberi subsidi untuk menurunkan kos dan Petronas pula menjimatkan perbelanjaan mereka supaya jika tidak lebih perbelanjaan yang tidak sepatut tadi sepatutnya digunakan oleh Petronas dengan secara sendiri bagi mengurangkan kos LPG dan kita tidak payah mengeluarkan subsidi. Jadi, saya berharap Jabatan Perdana Menteri benar-benar dapat memberikan kepuasan kepada saya ataupun kepada Dewan ini bagaimanakah mereka membuat penyusunan penyewaan ini.

Saya cuba mencari dalam beberapa sumber tetapi saya tidak mendapat maklumat yang jelas bagaimanakah susunan penyewaan ini, apa asasnya dan berapa kadarnya yang sebenar. Saya mendapat faham bahawa kadar yang sebenar ialah RM9 satu kaki persegi dan Petronas menyewa kedua-dua menara - menara perta ma dan menara kedua. Setakat hari ini menara kedua hanya dapat disewa oleh tenant yang lain sebanyak 46% dan 54% lagi masih kosong dan ini adalah satu kerugian, ini ditambah dengan bangunan Daya Bumi yang hanya diduduki sebanyak dalam 60% dan satu pelaburan yang besar oleh Petronas pada satu masa telah ditinggal dibiarkan kosong, hampir 40% daripada Daya Bumi itu sendiri dan kemudian menara kedua pula kosong dalam 60% dan kemudian Petronas pula terpaksa membayar sewa terhadap bangunannya sendiri dalam kadar yang lebih tinggi daripada kadar yang disewakan di tempat-tempat lain dalam Wilayah Persekutuan.

Saya telah membangkitkan juga tentang perjanjian bekalan gas yang akan tamat di antara Petronas dengan Tenaga Nasional Berhad dan IPP dalam beberapa rang undang-undang yang lain, tetapi saya berharap ini adalah tempat yang paling sesuai kerana Petronas adalah di bawah Jabatan Perdana Menteri supaya kerajaan tidak berlengah-lengah untuk menentukan kadar harga gas yang dibekalkan oleh Petronas untuk penjanaan kuasa elektrik pada harga sekarang iaitu RM6.40 bagi setiap MMBTU berbanding dengan harga pasaran di antara RM15 hingga RM19 bagi satu MMBTU.

Saya rasa ini adalah sangat penting bagi menjamin stabiliti ekonomi negara kita jika TNB dan IPP mendapat jaminan awal tentang kedudukan ini dan tenaga

elektrik tidak akan dapat dinaikkan kerana bekalan gas adalah setabil, ini adalah satu sumbangan yang sangat penting bagi kesejahteraan rakyat negara kita. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, sila.

4.33 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, saya bentang pindaan rang undang-undang ini seperti yang telah saya sebutkan iaitu pada dasarnya pindaan-pindaan yang terlibat adalah pindaan *consequential*, dengan izin, yang bertujuan untuk membolehkan pemindahan fungsi kawal selia daripada Jabatan Bekalan Elektrik dan Gas kepada Suruhanjaya Tenaga. Pada masa yang sama pindaan tersebut akan membolehkan beberapa dasar semasa kerajaan mengenai tenaga dikuatkuasakan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, undang-undang bekalan gas juga adalah Akta Bekalan Gas 1993 (Akta 501) diwartakan pada 4 Februari 1993, mula berkuat kuasa pada 17 Julai 1997. Peraturan-peraturan bekalan gas 1997 mula berkuat kuasa pada 17 Julai 1997, berkuat kuasa sepenuhnya pada 17 Julai 1998.

Skop pemakaian akta ini - Pembekalan gas melalui talian paip dari stesen-stesen pintu kota gas ke pengguna, ini sistem gas asli atau dari tangki pukal atau silinder-silinder manifold, penstoran gas berpusat ke pengguna, sistem LPG. Ini saya maklumkan kepada Ahli Yang Berhormat yang telah membuat pertanyaan-pertanyaan kerana kebanyakan pertanyaan-pertanyaan ini tidak ada kena mengena dengan apa yang saya bantah dengan pindaan rang undang-undang yang saya telah sebutkan.

Walau macam manapun, saya akan cuba menjawab soalan-soalan yang telah diketengahkan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat tadi.

Pertama tadi, Yang Berhormat daripada Tanjong telah meminta supaya suruhanjaya perlu digalakkan penggunaan gas. Seperti yang telah saya sebutkan di dalam ucapan saya yang lebih awal tadi bahawa memang kerajaan menggalakkan penggunaan gas bukan sahaja kepada sektor-sektor yang telah saya sebutkan malahan kita juga menggalakkan penggunaan gas kepada rumah-rumah dan untuk makluman Ahli Yang Berhormat, seperti mana yang telah saya sebutkan bahawa setakat hari ini kita ada 22,000 unit rumah kediaman yang telah menggunakan gas

dan ini akan ditingkatkan dan konsep 'penyeliratan' gas seperti di Putrajaya dan di Cyberjaya juga akan diperkenalkan di tempat-tempat yang lain.

Bagi sektor pengangkutan juga, kita memang menggalakkan penggunaan, dengan izin, *natural gas for vehicle* iaitu NGV telah dimulakan daripada tahun 1990.

Dan untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Tanjong, setakat har ini kita mempunyai 18 stesen NGV dan dijangkakan stesen ini akan meningkat kepada 49 stesen pada tahun 2005.

Berkenaan dengan kebimbangan Ahli Yang Berhormat terhadap per sanction yang akan dilakukan oleh PBB ataupun ejen-ejen Yahudi terhadap negara, terhadap apa yang dilakukan oleh Petronas di Iran, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Petronas tetap akan meneruskan operasinya walaupun sanction-sanction ini akan dikenakan terhadap Petronas kerana pada pandangan Petronas, ini akan memberi pulangan yang baik untuk Petronas dan juga negara.

Ahli Yang Berhormat bagi Dungun juga tadi telah menyebutkan berkenaan dengan saluran paip gas daripada Kerteh ataupun yang telah dibawa ataupun diambil daripada perairan negeri Terengganu tidak diagihkan kepada rakyat Terengganu. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, ini tidak benar. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kita ada salurkan lebih 1,000 saluran gas kepada rumah-rumah di Kerteh dibekalkan dengan gas asli melalui paip-paip daripada Terengganu dan kawasan-kawasan perindustrian di Terengganu seperti di Kerteh, Paka dan Teluk Kalung juga dibekalkan dengan gas.

Walau macam mana pun untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak kerajaan tidak menjadi keberatan kalau pihak Kerajaan Negeri Terengganu ingin untuk menggunakan gas LPG, menggunakan tangki pukal, saya berkeyakinan pihak Petronas akan melaksanakan tanggungjawab ini demi untuk kesejahteraan rakyat negeri Terengganu dan kita tidak pernah mendiskriminasikan mana-mana rakyat di dalam Malaysia ini kerana pada pandangan kita rakyat-rakyat Malaysia adalah sama rata baik daripada mana-mana negeri sekali pun. Jadi, kalau pihak Kerajaan Negeri Terengganu ingin mengadakan sistem gas melalui pukal ataupun di perumahan-perumahan yang terbaru, silalah berhubung dengan pihak Petronas, saya berkeyakinan bahawa Petronas akan melaksanakan tanggungjawab mereka.

Berkenaan dengan Ahli Yang Berhormat bagi Batu, insiden yang telah meletup, siasatan awal menunjukkan berkemungkinan terdapat insiden pelepasan gas tak sengaja daripada dapur masak gas, itu yang telah berlaku dan program

kesedaran keselamatan penggunaan dapur gas akan dipertingkatkan oleh jabatan dan pembekal. Ini akan dilakukan oleh Petronas untuk mengenal pasti ataupun menunjuk ajar kepada pengguna-pengguna khususnya daripada sistem saluran paip yang baru diperkenalkan untuk kawasan-kawasan perumahan yang sedia ada, dan insya-Allah Petronas akan terus memastikan bahawa perkara-perkara seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat censored, kebocoran dan sebagainya akan dipasang untuk memastikan keselamatan rakyat akan terjaga.

Begitu juga saya ingat saya jawab bersama dengan Yang Berhormat bagi Tebrau. Memang kita sentiasa akan memastikan bahawa bukan sahaja keselamatan kebocoran pengguna, malahan kita juga akan memastikan bahawa segala apa yang dilaksanakan oleh Petronas dari segi *pipingnya* ataupun dari segi tangki pukal adalah selamat. Kita akan pastikan keselamatan kedua-dua belah pihak akan terjamin.

Yang Berhormat bagi Kubang Kerian telah bertanya pelbagai soalan yang saya pun tidak boleh memberi jawapan kerana saya bentang berkenaan dengan Rang undang-undang Akta Bekalan Gas (Pindaan) 2001 ini untuk menukarkan daripada Jabatan Bekalan Elektrik dan Gas kepada satu suruhanjaya. Walau bagaimanapun, saya akan cuba untuk menjawab sedikit sebanyak soalan Yang Berhormat tadi.

Satu berkenaan dengan looping daripada Kerteh ke pantai di west coast, dengan izin. Bagi maklumat Yang Berhormat, Petronas telah pun membuat satu looping yang telah dibina dari Kerteh ke Lumut dan saya berkeyakinan memang kita sedar mereka juga sedang melihat berkenaan dengan Sistem PGU yang mereka telah adakan ini untuk memastikan bahawa bekalan tidak akan terganggu apabila sesuatu perkara berlaku. Saya berkeyakinan dengan kepakaran Petronas yang ada dan engineers Melayu yang telah dididik oleh Kerajaan Barisan Nasional, mereka amat peka dan saya berkeyakinan perkara-perkara yang tidak diingini seperti meletup, meledak dan sebagainya tidak akan berlaku. Jangan bimbang Yang Berhormat, insya-Allah engineers ini akan dapat mengatasi segala masalah yang insya-Allah tidak akan berlaku.

Berkenaan dengan Yang Berhormat bangkitkan gas yang akan diturunkan ataupun di land, dengan izin, di Songkhla, buat masa ini tiada terdapat industri yang mengguna gas yang begitu banyak di Kelantan. Oleh itu, ianya tidak dapat menyokong satu justifikasi pendaratan gas di negeri tersebut.

Selain daripada itu, gas yang didaratkan di Songkhla bukan sahaja untuk pasaran Malaysia, malah ia juga untuk pasaran Thailand di mana Petronas akan mengadakan pangkalan strategik dengan PTT bagi membangunkan industri petro kimia di kawasan berkenaan.

Projek ini juga adalah sebahagian daripada Trans-Asian gas pipeline yang merupakan projek pembangunan gas serantau yang akan menghubungkan saluran-saluran paip gas bagi kegunaan industri tenaga dan bukan tenaga di rantau Asian.

Mengenai bantahan yang Yang Berhormat telah sebutkan, ada bantahan daripada penduduk tempatan di Thailand berkenaan dengan pemasangan paip kerana kita telah dimaklumkan bahawa ada pihak-pihak NGO terutama dari Barat yang sering membangkitkan isu alam sekitar yang tidak mepedulikan faedah daripada pembangunan projek tersebut, maka mereka telah menaikkan semangat rakyat South Thailand supaya projek ini tidak dapat dilakukan di South Thailand.

Saya berkeyakinan itu sahaja yang saya dapat jawab kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat yang telah bertanya dan saya mengucapkan terima kasih dan insya-Allah saya berkeyakinan pegawai-pegawai pun telah mengambil segala catatan untuk...

Tuan Husam bin Haji Musa: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Kubang Kerian bangun.

Tuan Husam bin Haji Musa: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya berharap perkara-perkara lain yang tidak dijawab lagi mendapat jawapan daripada Jabatan Perdana Menteri.

Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor: Yang sebenarnya Yang Berhormat, sebelum saya habis Yang Berhormat telah bangun tadi. Saya akan pastikan bahawa jawapan bertulis akan dilakukan sebab pegawai-pegawai daripada Jabatan Perdana Menteri telah mengambil catatan dan insya-Allah, kita akan memberi jawapan-jawapan yang tidak saya jawab dengan bertulis. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal 1 hingga 27 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PENCEN (PINDAAN) 2001

4.47 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya rang undang-undang bernama Akta Pencen (Pindaan) 2001 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Teruskan ya.

Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor: Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini bertujuan untuk meminda Akta Pencen 1980 (Akta 227) iaitu undang-undang yang mentadbirkan urusan persaraan dan pencen bagi pegawai-pegawai perkhidmatan awam persekutuan dan negeri. Secara khususnya pindaan undang-undang ini ialah untuk melaksanakan perlanjutan umur persaraan wajib bagi pegawai perkhidmatan awam daripada 55 tahun sekarang kepada 65 tahun mulai 1 Oktober 2001.

Beberapa pindaan berbangkit, dengan izin, consequential amendments yang menyentuh umur persaraan wajib juga dicadangkan. Pindaan undang-undang ini

mbolehkan semua pegawai yang dilantik pada atau selepas 1 Oktober 2001 berkhidmat sehingga mencapai umur 56 tahun. Ia juga membolehkan pemberian opsyen kepada semua pegawai tetap yang sedang berkhidmat untuk memilih melanjutkan perkhidmatan sehingga mencapai umur 56 tahun atau bersara pada umur 55 tahun seperti sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, dasar perlanjutan umur persaraan wajib kepada 56 tahun telah diputuskan oleh kerajaan selepas mengambil kira permintaan golongan-golongan tertentu di dalam sektor awam yang berpendapat bahawa umur 55 tahun adalah terlalu awal untuk berhenti kerja. Sebenarnya sebelum ini pun kerajaan telah membenarkan perkhidmatan melebihi umur 55 tahun tetapi hanya atas perlantikan kontrak selama 1 atau 2 tahun dan secara, dengan izin, selective iaitu bagi jawatan-jawatan tertentu atas kepentingan satu-satu jabatan.

Sebaliknya pindaan yang dicadangkan di Dewan yang mulia ini merangkumi semua pegawai tetap yang merasakan dirinya masih mampu untuk menyumbang perkhidmatan kepada kerajaan sehingga mencapai umur 56 tahun. Dalam hal ini memandangkan umur persaraan wajib pegawai-pegawai yang telah memilih untuk tertakluk kepada Skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja juga diperuntukkan di bawah Akta Pencen 1980. Golongan ini juga dibenarkan berkhidmat sehingga mencapai umur 56 tahun seperti mana rakan-rakan mereka di bawah skim pencen.

Tuan Yang di-Pertua, perlanjutan umur persaraan wajib ke 56 tahun untuk semua pegawai tetap kerajaan adalah wajar memandangkan peningkatan taraf kesihatan yang telah secara langsung meningkatkan jangkaan hayat penduduk Malaysia. Ini bererti bahawa pegawai-pegawai yang berumur 55 tahun masih cergas dari segi fizikal serta pemikiran minda dan mampu berkhidmat secara produktif kepada negara.

Perlanjutan umur persaraan wajib juga dapat memberi pulangan optimum daripada perbelanjaan besar oleh kerajaan untuk kursus dan latihan pegawai-pegawai melalui pengekalan pegawai-pegawai yang berpengalaman dan terlatih dalam sektor awam.

Perubahan demografi negara menunjukkan, trend peningkatan jumlah penduduk yang berumur 55 tahun ke atas dan perlanjutan umur persaraan akan dapat memanjangkan tempoh, dengan izin, gain full employment golongan ini.

Tuan Yang di-Pertua, dari sudut perbelanjaan Kerajaan Persekutuan pula, sekiranya kesemua 17,000 anggota iaitu pegawai perkhidmatan awam dan pekerja

pihak-pihak berkuasa berkanun dan tempatan yang akan mencapai umur 55 tahun pada tahun pertama pelaksanaan dasar ini memilih untuk melanjutkan perkhidmatan sehingga mencapai umur 56 tahun, ianya akan mendatangkan penjimatan pencen sejumlah RM173 juta di samping penangguhan pembayaran ganjaran sejumlah RM814 juta.

Dari sudut seseorang pegawai yang dilanjutkan setahun perkhidmatan pula, beliau akan menikmati sekurang-kurangnya pertambahan nilai ganjaran kerana telah dibenarkan tambahan perkhidmatan 12 bulan itu.

Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini kerajaan hanya mempersetujui penambahan satu tahun perkhidmatan iaitu daripada umur 55 tahun kepada 56 tahun. Ahli-ahli Dewan yang mulia ini sudah tentu sedar bahawa perlanjutan umur persaraan wajib sedikit sebanyak membawa kesan terhadap peluang pekerjaan generasi muda, khususnya pelajar dan penuntut lepasan sekolah serta institusi pengajian tinggi.

Dalam keadaan pasaran buruh yang tidak menentu di negara ini sekarang, kerajaan sebagai majikan utama dan terbesar di negara ini ingin mengelakkan timbulnya keadaan bapa terus bekerja, anak menganggur. Mengikut penelitian kerajaan, penambahan satu tahun perkhidmatan tidak akan menjejaskan peluang pekerjaan bagi generasi muda ketika ini. Walaupun umur persaraan wajib dilanjutkan, peluang pekerjaan dalam sektor awam masih ada untuk menampung kekosongan yang sedia ada dalam bidang-bidang perubatan, teknologi maklumat dan pengurusan.

Penjawat-penjawat baru juga diperlukan dalam perkhidmatan-perkhidmatan lain bagi mengisi kekosongan jawatan akibat persaraan awal, peletakan jawatan, pertukaran perkhidmatan serta kematian semasa dalam perkhidmatan. Kerajaan sentiasa memantau keadaan pasaran buruh dan perlanjutan umur persaraan wajib melebihi umur 56 tahun yang sedang dicadangkan. Dewan yang mulia ini akan mempertimbangkan apabila keadaan peluang kerja mengizinkan kelak.

Tuan Yang di-Pertua, sejak diumumkan niat kerajaan untuk melanjutkan umur persaraan wajib kepada 56 tahun, terdapat pertanyaan kenapa tarikh kuat kuasa baru ini tidak boleh di bawa ke hadapan iaitu ke satu tarikh lebih awal daripada 1 Oktober 2001. Sebenarnya tarikh kuat kuasa 1 Oktober 2001 telah diputuskan selepas mengambil kira keperluan masa untuk meminda undang-undang serta tempoh pemberian opsyen kepada semua pegawai tetap dalam perkhidmatan

awam. Perlanjutan umur persaraan wajib semestinya menyentuh secara langsung beberapa hak pencen dan faedah persaraan yang terkandung dalam Perkara 147 Perlembagaan Persekutuan.

Sebarang perubahan kepada unsur faedah persaraan yang diperuntukkan di bawah undang-undang memerlukan pindaan kepada undang-undang yang berkenaan dan inilah yang sedang dicadangkan di Dewan yang mulia ini. Ahli-ahli Yang Berhormat tentunya peka kepada tempoh masa yang diperlukan bagi meminda undang-undang dari pencadangan rang undang-undang pindaan di Dewan yang mulia ini hingga pewartaan pindaan.

Mengenai pemberian opsyen pula dengan izin, *expectation* seseorang pegawai ialah bahawa beliau akan mula menikmati ganjaran dan pencen apabila mencapai umur 55 tahun. Oleh yang demikian perlanjutan umur persaraan wajib yang membawa kesan penangguhan pembayaran ganjaran dan pencen tidak dapat dilaksanakan tanpa pemilihan atau opsyen pegawai itu sendiri. Tempoh opsyen sebulan difikirkan memadai untuk membolehkan pertimbangan semasak-masaknya oleh pegawai-pegawai kerajaan mengenai pilihan mereka, mengambil kira pertimbangan-pertimbangan ini, tarikh kuat kuasa yang paling sesuai untuk melaksanakan keputusan dasar ini ialah 1 Oktober 2001.

Dalam hal ini peluang masih terbuka bagi pegawai-pegawai yang telah bersara ketika mencapai umur 55 tahun sebelum tarikh kuat kuasa untuk memohon pelantikan semula secara kontrak di bawah peraturan-peraturan yang sedia ada tertakluk kepada keperluan satu-satu jabatan.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan ingin melihat pegawai-pegawai yang berpeluang berkhidmat sehingga mencapai umur 56 tahun terus menyumbang perkhidmatan yang berprestasi tinggi sehingga ke hari terakhir perkhidmatan mereka, malah harapan kerajaan dan rakyat ialah supaya golongan pegawai yang telah lanjut usia dapat mencurahkan pengalaman serta pengetahuan mereka kepada generasi muda di dalam sektor awam demi peningkatan kualiti perkhidmatan awam keseluruhannya.

Kerajaan akan memantau kesan dasar perlanjutan umur persaraan wajib kepada 50 tahun dan sekiranya hasil yang didapati menggalakkan, kerajaan bersedia mempertimbangkan perlanjutan umur persaraan wajib melebihi umur 56 tahun pada masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Siapa sokong?

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Puan Hajah Khamsiyah binti Yeop]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Pencen 1980 dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Lanang, sila.

4.58 ptg.

Dato' Tiong Thai King [Lanang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan dan mengemukakan pandangan saya mengenai Rang Undang-undang Pencen 2001.

Terlebih dahulu saya ingin menyatakan sokongan padu saya atas pemindaan rang undang-undang ini yang melanjutkan umur persaraan wajib kakitangan awam daripada 55 tahun kepada 56 tahun. Pelaksanaan langkah ini akan membawa kebaikan seperti berikut:

- (i) kerajaan dapat menjimatkan wang sebanyak RM800 juta setahun berikutan perlanjutan umur persaraan kakitangan awam;
- (ii) golongan yang lebih berpengalaman masih berpeluang menyumbangkan tenaga mereka kepada pembangunan negara;
- (iii) lebih pendapatan berikutan tambahan satu tahun tempoh perkhidmatan bagi kakitangan awam. Pada masa kini taraf hidup dan pendidikan semakin tinggi, maka perbelanjaan hidup turut meningkat. Ramai ibu bapa terpaksa berjimat-cermat untuk menghantar anak-anak mereka untuk menerima pendidikan di institusi pengajian tinggi awam terutama kakitangan awam yang bergantung kepada pendapatan yang terhad. Mereka menghadapi masalah kewangan kerana perbelanjaan pendidikan di IPTA agak membebankan. Pendapatan penuh dalam masa setahun ini dapat meringankan sedikit sebanyak beban mereka; dan
- (iv) jangka hayat rakyat Malaysia telah dipanjangkan iaitu 70 tahun bagi lelaki dan 72 tahun bagi perempuan. Ini berikutan taraf

hidup rakyat yang meningkat, kesedaran dalam kepentingan menjaga kesihatan dan peralatan perubatan moden, maka sangat merugikan sekiranya seseorang yang masih sihat dan berkemampuan untuk bekerja diberhentikan. Saya ingin mencadangkan dan berharap kerajaan dapat mempertimbangkan agar umur persaraan dilanjutkan kepada 57 atau 58 tahun manakala umur persaraan di Singapura dan Thailand adalah 60 tahun. Bagi mencapai negara industri maju kerajaan amat memerlukan kakitangan yang berpengalaman untuk memajukan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh sedikit berkenaan dengan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Saya menerima beberapa aduan bahawa lebih 180 orang guru yang berkelayakan siswazah di Bahagian Sibul masih berkhidmat sebagai guru sementara. Saya difahamkan bahawa mereka telah mengemukakan permohonan berkhidmat sebagai guru tetap lebih daripada empat atau lima tahun tetapi belum memperolehi jawapan daripada Kementerian Pendidikan.

Ini adalah tidak adil bagi mereka memandangkan kerajaan mengambil banyak lepasan Sijil Pelajaran Malaysia atau Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia untuk menerima latihan di maktab perguruan dan mereka akan ditawarkan jawatan tetap sekiranya disahkan selepas berkhidmat selama tiga tahun. Tambahan pula, terdapat banyak jawatan tetap di negeri Sarawak adalah diisi oleh guru dari Semenanjung. Saya berpendapat mereka patut diberi peluang untuk mengisi jawatan tetap ini memandangkan kelayakan dan pengalaman mereka dalam bidang pendidikan. Saya merayu agar JPA dapat mempertimbangkan supaya jawatan tetap ini dapat ditawarkan kepada mereka.

Tuan Yang di-Pertua, perkara lain yang ingin saya sentuh adalah mengenai elaun bagi kakitangan awam termasuk guru-guru sekolah. Saya difahamkan elaun yang lebih tinggi iaitu lebih kurang 100% diberi kepada kakitangan awam yang dihantar dari Semenanjung ke negeri Sarawak berbanding dengan kakitangan awam yang dihantar dari negeri Sarawak ke Semenanjung. Selain itu pangkat akan dinaikkan bagi kakitangan awam sekiranya ditugaskan berkhidmat di negeri Sarawak, sebaliknya kakitangan-kakitangan awam yang dihantar dari negeri Sarawak tidak diberi layanan yang sama.

Memandangkan perkhidmatan yang diberi adalah sama, layanan yang diberi adalah tidak adil bagi mereka. Layanan yang sama harus diberi kepada semua kakitangan awam tanpa mengira berasal daripada mana sesuatu negeri. Kenaikan pangkat dan pemberian elaun juga harus diselaraskan di seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua, bagi golongan yang dipengaruhi oleh sistem perbezaan elaun, Jabatan Perkhidmatan Awam harus mempertimbangkan agar membayar kerugian bersama dengan bunga kepada kakitangan awam yang terlibat.

Tuan Yang di-Pertua, perkara-perkara yang disebutkan tadi ingin saya mendapat penjelasan dan jawapan dari Yang Berhormat Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tebrau.

5.05 ptg.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan [Tebrau]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua atas membenarkan saya untuk berucap sedikit. Saya pun tidak ambil masa yang panjanglah Tuan Yang di-Pertua, kerana perkara yang kita bincangkan sebenarnya dahulu pun saya sudah bangkitkan, kalau ikut perkiraan umur kakitangan kerajaan ini belum 55 sudah kena pencen, masuk 54 satu hari sahaja dia sudah dikatakan 55 tahun patutnya kena tunggu lagi 11 bulan baru cukup 55 tahun, kalau perkiraan mudah. Sebab dahulu macam mana tak tahulah, saya dahulu pun sudah bersara tetapi berhenti dengan tidak ada pencen.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, mungkin dapat pencen saya tidak tahu, ada tidak, saya tidak ada. Sebenarnya umur persaraan ini kalau ikut umur yang saya katakan tadi memang belum boleh pencen, inipun kalau sebut 55 tahun kalau dikira ikut sifir lebih senang, dia pun belum sampai 56, baru 55 tahun. Kalau ikut kiraan biasa baru genap 55 tahun apabila sampai 56, ha tidak apalah ini teknikal nasib baik tidak dibawa pergi mahkamah.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga berharap dengan adanya pindaan ini maknanya semua kakitangan kerajaan dapat diberi peluang, kadang-kadang kita hendak cari kakitangan kerajaan yang berpengalaman yang faham dalam bidang-bidang tertentu bukan mudah kalau hendak digantikan dengan yang baru. Tetapi dengan adanya tambahan umur ini mungkin ia dapat memberikan kebaikan kepada kerajaan dalam usaha untuk menjamin semoga negara kita akan terus maju dengan adanya kakitangan kerajaan yang menjamin untuk masa depan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, selepas ini saya berharap kakitangan kerajaan dapat berkhidmat dengan lebih baik lagi, dengan lebih kuat lagi walaupun memang zaman sekarang ini kalau hendak diikuti umur, orang yang berumur 60 tahun pun nampak muda. Jadi, memang sesuai disambungkan seperti rakan saya tadi Yang Berhormat dari Kepong mengatakan kalau ikut negara-negara ASEAN yang lain pun umur sampai 60 tahun termasuk Singapura. Singapura 60 tahun tambah lagi dua, jadi 62 tahun umur persaraan oleh kakitangan perkhidmatan awam Kerajaan Singapura. Cuma satu saya tidak tahulah dari segi bila kita sudah ada pindaan ini maknanya kenaikan pangkat juga saya harap ia tidak menjejaskan kenaikan pangkat kepada golongan kakitangan kerajaan yang sepatutnya mungkin naik tetapi dengan adanya persaraan yang nombor satu itu turut juga, yang nombor dua ini patutnya boleh naik kalau tidak ada persaraan. Jadi, mungkin dia selaraskan semua, tidak ada menjejaskan kenaikan pangkat kepada pegawai-pegawai yang lain dalam perkara ini.

Di samping itu, saya juga ingin menyentuh dari segi SSB ini pun kita sudah pinda umur tetapi SSB ini pun ia terikat juga untuk menentukan kenaikan pangkat. Saya tidak tahu bila – ada cadangan supaya SSB ini dipinda atau dimansuhkan atau diubah sedikit sistem SSB ini kerana sistem itu banyak diperkatakan tidak memuaskan hati kepada kakitangan kerajaan kadang-kadang dituduh pilih kasih dan sebagainya. Ini saya tidak tahulah tetapi diperkatakan di sini juga bahawa kakitangan kerajaan dalam perkara pemilihan kenaikan pangkat kerana ia berpandu kepada sokongan kuat daripada ketua jabatan.

Jadi, kalau jabatan sokong kuat bermakna peluang sistem SSB ini dia akan dapat menegak atau melintang, ini terpulang kepada sokongan yang dibuat oleh ketua jabatan. Dalam perkara ini juga saya berharap pihak kerajaan akan dapat mengambil perhatian untuk meninjau kembali sistem SSB ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itu dua perkara yang saya hendak sentuh dan menyokong supaya pindaan Akta Pencen 1980 ini diluluskan di dalam Dewan ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Itu sahaja ya.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Panjang lagi?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Larut, sila.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Oh, saya ingat tadi....

5.08 ptg.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin mengambil kesempatan untuk menyentuh beberapa perkara dalam pindaan ini.

Pertama saya rasa ada buruk dan baiknya dalam pindaan ini, walaupun begitu saya menyokong. Terutama sekali dari segi umur kalau dilanjutkan mungkin mengurangkan peluang kepada mereka untuk menghabiskan sisa-sisa hidup terutamanya kalau sekitar 55 tahun mungkin mereka boleh bersama dengan keluarga ataupun mungkin mereka boleh menceburkan diri dalam peluang-peluang lain seperti perniagaan.

Namun begitu, ini dari sudut keburukannyalah saya rasa kerana ramai kita lihat pada hari ini kakitangan dan pegawai-pegawai kerajaan yang telah agak lama berkhidmat, kalau usia mereka dilanjutkan mungkin hasrat mereka untuk menceburkan diri dalam bidang-bidang khususnya bidang perniagaan sama ada perniagaan sendiri ataupun perniagaan bersama dengan rakan kongsi kerana kita tidak tahu usia hanya Allah S.W.T sahaja yang menentukan.

Begitu jugalah saya rasakan dalam soal ini mungkin saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan kalau mereka yang belum sempat sampai umur 56 tahun, kemudian meninggal dunia. Kita tahu mereka akan layak mendapat pencen tidak sepenuhnya, jadi adakah kerajaan akan memikirkan dalam tempoh setahun, 55 mereka sepatutnya pencen, tiba-tiba selepas bulan Oktober mereka dilanjutkan pencen kepada 56 tahun, sebelum sempat 56 tahun mereka telah meninggal dunia. Jadi, mungkin kerajaan boleh mempertimbangkan agar pencen mereka itu dianggap penuh pada usia 56 tahun.

Dalam hubungan ini, saya mencadangkan kalau boleh kerajaan mengkaji semula usia yang saya rasa agak logik sekitar 60 tahun terutamanya bagi kalangan pensyarah atau mereka yang berjawatan profesor. Kita mahukan pengalaman kemahiran mereka terutama memandangkan senario keadaan pelajar-pelajar yang di pusat-pusat pengajian tinggi yang sedang menghadapi pelbagai masalah pada hari ini.

Jadi, kalau mungkin kerajaan boleh memikirkan usia pencen bagi kalangan kakitangan awam terutamanya di kalangan pensyarah di pusat-pusat pengajian tinggi pada usia 60 tahun. Kerana kita memikirkan pengalaman dan kemahiran mereka ini adalah sesuai untuk menghadapi zaman sekarang. Kerana kita tahu

sebagaimana yang disebut oleh sahabat saya tadi pada satu ketika had pencen 55 tahun dan juga pada hari ini diubah kepada 56 tahun. Kita tahu masih ada di kalangan kakitangan dan pegawai kerajaan yang merasakan tempoh 55 tahun itu agak sesuai. Tetapi oleh kerana kerajaan memikirkan sebagaimana yang dikatakan oleh Timbalan Menteri tadi penangguhan kedudukan kewangan yang membabitkan pembiayaan-pembiayaan mereka yang berpencen sekiranya pindaan ini tidak dibuat.

Selain daripada itu, saya juga merasakan bahawa soal pencen jika boleh kita lihat dari segi peluang kekosongan. Memandangkan krisis ekonomi yang melanda seluruh dunia pada hari ini mungkin agak terhad bagi mereka untuk mengisi kekosongan bagi mereka yang belum berpeluang untuk mendapat jawatan ataupun juga boleh mengurangkan ruang bagi kenaikan pangkat, terutamanya di kalangan kakitangan dan juga pegawai-pegawai tertentu. Ini kerana kita lihat jawatan-jawatan tertinggi dalam kerajaan tidak semuanya yang boleh mendapat peluang nikmat untuk kenaikan pangkat sekiranya had umur ini dinaikkan, kecuali kalau mereka yang telah membuat persediaan selepas berhenti daripada kerajaan boleh menduduki dalam lembaga-lembaga pengarah, syarikat-syarikat tertentu ataupun badan-badan yang boleh meneruskan karier mereka selepas mereka berhenti daripada kerajaan.

Kerana kita dapati ramai daripada kalangan pegawai tinggi yang mendapat tempat selepas mereka menempuhi persaraan wajib selepas berkhidmat sekian lama dengan kerajaan. Jadi, saya rasakan perkara ini perlu diberikan perhatian yang serius supaya jentera pentadbiran kerajaan di semua peringkat tidak akan terjejas lebih-lebih lagi dalam kita menghadapi senario politik pada hari ini.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, itu sahajalah yang ingin saya sentuh dan saya sekali lagi menyokong pindaan ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Arau.

5.15 ptg.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin [Arau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut bangun untuk membahaskan suatu akta untuk meminda Akta Pencen 1980. Saya mengucapkan tahniah kepada pihak kerajaan yang hari ini telah membentangkan satu akta di mana pindaan dibuat bagi pegawai-pegawai perkhidmatan awam. Pada masa lalu apabila umur mencecah 55 tahun

sahaja telah pun diarahkan ataupun telah diwajibkan pencen. Tetapi hari ini telah diberi peluang untuk dilanjutkan selama setahun lagi, maknanya umurnya akan sampai 55 tahun iaitu mencecah kepada 56 tahun.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi umur saya bersetuju dengan pandangan rakan-rakan saya yang lain. Walaupun kerajaan menyatakan bahawa buat masa sekarang ini kerajaan memberikan tambahan setahun kepada pegawai-pegawai perkhidmatan awam. Tetapi kalau kita bandingkan dengan negara-negara lain, kalau kita melihat kajian di negara-negara lain nampaknya umur 56 tahun itu adalah merupakan umur di mana - negara Malaysia hari ini dengan negara Brunei 55 tahun, Indonesia 56 tahun. Sekarang kita meninggalkan Brunei sendirian dan kita bersama-sama dengan Indonesia. Tetapi kalau kita lihat negara-negara lain, India misalnya 58 tahun umur persaraan. Bagi Singapura, Thailand, RRC, Australia, Mesir U.K, Rusia, Turki ialah 60 tahun dan Amerika Syarikat 62 tahun. Filipina, Perancis, Belanda, Sweden 65 tahun.

Itu menunjukkan yang angka 56 tahun itu bagi saya masih lagi agak rendah walaupun Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi memberikan alasan yang memang kita boleh terima. Tetapi melihatkan kepada umur jangka hayat rakyat Malaysia hari ini dengan kerajaan Barisan Nasional yang begitu berjaya membawa pembangunan negara, begitu berjaya membawa keselesaan dari segi infrastruktur dan juga gaya hidup dan juga keperluan-keperluan hidup rakyat Malaysia, jangka hayat kita telah pun meningkat.

Perdana Menteri dalam umur yang ada sekarang pun masih hebat, sihat dan digeruni di seluruh dunia.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Tebrau bangun.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Jadi, saya mengalu-alukan sikap kerajaan masih lagi memberi peluang untuk kajian meningkatkan jangka hayat ini. Saya tengok Yang Berhormat bagi Tebrau pun sihat, kuat dan bertenaga lagi. Sila.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Hai, memang layak empat. [Ketawa] Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan. Yang Berhormat tadi ada menyebutkan negara-negara lain, Rusia umur makin 56, 60 kuat. Yang Berhormat setuju kah dengan saya macam mana wanita? Adakah dia semakin berumur semakin kuatkah macam mana, kalau sampai 60 tahun? Terima kasih.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Saya hendak menjawab soalan Yang Berhormat ini relatif, hendak kuat ini dari segi apa? Tetapi kalau segi jangka hayat wanita Malaysia umurnya lebih hebat daripada lelaki. Tidak tahulah kalau lelaki umurnya lebih pendek di negara kita. Jadi, dari segi jangka hayat dia lebih, maknanya dari segi kesihatan wanita Malaysia lebih sihat dan lebih panjang umurnya berbanding dengan kaum lelaki. Itu satu perkara yang ingin saya sebutkan.

Yang kedua, Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, perkhidmatan awam adalah merupakan satu jentera yang selama ini telah terbukti membantu kerajaan untuk menjayakan pembangunan negara. Ini tidak dapat dinafikan. Memang kita amat mengalu-alukan dan berterima kasih kepada seluruh kakitangan kerajaan kita daripada selepas kita merdeka sehingga ke hari ini kita dapat membina negara yang begini maju dan berjaya dengan sokongan dan dokongan daripada pegawai-pegawai perkhidmatan awam. Tetapi dari segi kerajaan juga, kerajaan telah pun membela nasib pegawai-pegawai perkhidmatan awam kerana apabila saya mengkaji, melihat skim pencen sektor awam Kerajaan Malaysia saya rasakan skim pencen sektor awam Kerajaan Malaysia adalah di antara yang terbaik yang telah pun diwujudkan oleh kerajaan di dunia ini, di mana kalau dilihat dari segi skim pencen sekarang, ganjaran pencen yang didapati, saya juga terperanjat.

Sebenarnya saya tidak pernah terfikir walaupun saya juga sudah mendapat pencen, tetapi tidak terfikir bahawa kita mendapat ganjaran pencen yang begitu besar. Saya merasakan juga ramai orang-orang yang telah berpencen walaupun menerima bayaran pencen bulanan, tetapi apabila dikumpulkan angka-angka pendapatan itu tidak sedar bahawa ia mendapat satu angka yang besar. Kalau saya boleh bacakan sedikit Tuan Yang di-Pertua, contoh kita ambil pekerja rendah awam, gaji terakhir RM752.40 sen. Dia mendapat ganjaran RM16,929.00, pencen bagi 20 tahun kalau umurnya panjang sampai 20 tahun sebab persaraan dahulu 55 tahun, dia akan mendapat RM90,288.00 dan selepas dia berkhidmat dengan kerajaan, apabila dia berhenti umurnya dipanjangkan oleh Allah s.w.t sehingga 20 tahun dia akan mendapat RM107,217.00.

Bagi pembantu tadbir, ini ramai pembantu tadbir. Gaji terakhir RM1,502.60, ganjaran yang dia dapat RM33,808.50 dan pencen yang dapat dikumpulkan jika umurnya panjang sampai 20 tahun, pegawai-pegawai semua tengok ya, 20 tahun umur - RM180,312 berjumlah RM214,120.50. Kalau kita tengok pegawai perubatan, lingkungan gaji RM4,427.50, ganjaran yang dia dapat RM99,618.75 dan pencen

RM531,300 berjumlah RM630,918.75. Ini satu angka yang besar yang telah dibayar oleh kerajaan. Jika kita tidak perhatikan angka ini mungkin bagi pihak-pihak ataupun orang-orang yang telah berpencen ataupun keluarga mereka yang mendapat sebahagian daripada pencen mereka tidak merasakan bahawa jumlah kewangan yang begitu besar yang ditanggung oleh kerajaan.

Begitu juga dengan perkiraan cuti gantian, kita dapati akhir-akhir ini ramai pegawai kita yang mengumpulkan cuti gantian dan kerajaan membayar dalam angka yang begitu besar. Kalau dilihat dari segi perbandingan dengan keseluruhan perbelanjaan, 4.8%, ini satu angka yang besar yang harus disedari dan juga rawatan perubatan sendiri. Saya melihat bahawa pegawai-pegawai yang bekerja dalam perkhidmatan kerajaan atau Kerajaan Malaysia - yang tidak didapati oleh pegawai-pegawai dan penjawat-penjawat jawatan awam di kerajaan negara-negara lain - ialah bahawa pegawai-pegawai kita apabila berpencen, masih lagi diberi bantuan rawatan iaitu untuk penyakit barah - RM4,250; untuk masalah darah tinggi - RM250 sebulan; dan juga untuk keperluan-keperluan alat ortopedik, untuk menggantikan lutut, knee replacement - RM13,000; dan begitu juga dengan rawatan-rawatan dialisis - RM2,400 sebulan. Ini satu pemberian yang begitu besar dan saya mengucapkan tahniah dan juga menyanjung tinggi di atas sumbangan-sumbangan yang telah pun diberikan oleh kerajaan kepada penjawat-penjawat perkhidmatan awam.

Cuma akhir-akhir ini kita dapati ada juga di kalangan pegawai-pegawai kita yang bertugas dengan kerajaan tetapi kadang-kadang bekerja dengan kerajaan, hati dan fikirannya tidak bersama-sama dengan kerajaan. Saya ingin bertanya dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah tindakan-tindakan yang boleh diambil kerana ini akan menjejaskan bukan sahaja perkhidmatan kerajaan kepada rakyat tetapi ia juga akan menjejaskan imej pegawai-pegawai perkhidmatan itu sendiri kerana saya percaya sebahagian besar daripada pegawai-pegawai perkhidmatan awam sebenarnya bersama-sama kerajaan memenuhi dan juga menjayakan dasar-dasar dan juga program-program yang telah diputuskan oleh Dewan ini dibawa dalam mesyuarat Kabinet, dilaksanakan oleh kementerian-kementerian dan diturunkan ke jabatan-jabatan.

Saya melihat di dalam jenis-jenis persaraan yang termaktub dalam negara kita, ada satu jenis persaraan iaitu persaraan atas sebab-sebab pekerja atau anggota ditamatkan demi kepentingan awam, tetapi yang ini tidak pernah diambil

tindakan. Saya mendapat complaint terutamanya daripada masyarakat luar bandar terutama daripada pengundi-pengundi daripada kawasan saya yang kecewa dengan sikap pegawai-pegawai kerajaan yang tidak menumpukan tugas dan juga perhatian untuk membangunkan negara kita, malahan menggunakan kedudukan mereka sebagai pegawai kerajaan tetapi mereka seperti gunting dalam lipatan. Ini saya hendak tanya, saya tahu Timbalan Menteri ini memang berwibawa untuk menjelaskan kedudukan ini, kerana rasa tidak puas hati ini telah sampai ke tahap yang membimbangkan dan persoalannya sentiasa dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak beralih kepada soal wanita. Wanita adalah merupakan sebahagian besar daripada penjawat dalam perkhidmatan awam. Agak saya separuh, saya tidak mempunyai angka yang tepat walaupun saya ada angka keseluruhan pegawai perkhidmatan awam. Apabila saya melihat di sini, dalam jabatan-jabatan dan kementerian-kementerian tertentu misalnya bilangannya di dalam Kementerian Pendidikan adalah RM384,744 - sebahagian besar atau majoritinya adalah wanita. Begitu juga dengan Kementerian Kesihatan, sebahagian besarnya adalah wanita, RM124,495. Di dalam kementerian-kementerian lain terutamanya dalam perkeranian dan pembantu tadbir sebahagian besarnya adalah wanita. Jadi sumbangan wanita adalah besar dalam pembangunan negara.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita sentiasa memberikan pengiktirafan dan juga memberikan perhatian kepada kaum wanita tetapi pada dunia realiti keseluruhannya tidak berlaku sedemikian kerana walaupun saya menyebutkan tadi sebahagian besar pegawai-pegawai kita adalah wanita, saya agak kecewa kerana ramai di antara wanita yang mengambil keputusan ataupun bertindak pencen lebih awal. Yang se tengahnya belum sempat pencen pun telah pun berhenti, walaupun kita dapati bahawa di Malaysia ini kerajaan telah memberi wanita-wanita kita peluang pelajaran dan pendidikan yang sama dengan kaum lelaki. Malahan hari ini kalau kita lihat di universiti, pelajar wanita lebih ramai daripada pelajar lelaki dan keputusan-keputusan peperiksaan wanita lebih baik daripada lelaki. Tetapi isu yang ingin saya bangkitkan di sini yang berkaitan dengan pencen yang saya sebutkan tadi, kita agak kecewa kerana wanita mengambil keputusan pencen lebih awal daripada sepatutnya, padahal mereka telah menimba pengalaman yang begitu baik dan saya pasti pekerja-pekerja wanita ini kalau diberikan kepercayaan untuk mereka bekerja dan berkhidmat, mereka akan

berkhidmat dengan sebaik-baik mungkin. Gangguan yang mungkin ada bagi mereka ialah keluarga, soal anak dan sebagainya. Gangguan-gangguan lain kalau ada pun peratusan bagi wanita yang terlibat kecil.

Sebahagian besar wanita menumpukan perhatian kepada tugas dan kerja masing-masing. Saya banyak diberitahu oleh rakan-rakan saya, dia kata pencenlah sebab wanita ini kadang-kadang diletakkan *glass ceiling* [Ketawa] di atas kepala. Tidak nampak tetapi sebenarnya ada, tidak boleh hendak pergi, sudah ada *glass ceiling*. Jadi ini sesuatu yang mengecewakan wanita hari ini di mana kita dapati ramai di antara wanita-wanita yang berkemampuan dan berkebolehan memilih untuk mereka meletakkan jawatan daripada mereka meneruskan tugas-tugas mereka. Cuma kita bersyukur sebagaimana yang saya sebutkan tadi, dalam kementerian di Jabatan Perdana Menteri, kita memang lihat bahawa Perdana Menteri kita, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir, memang dalam membuat keputusan selalunya berpandukan kepada merit dan kebolehan, dan kita lihat wanita diberi kepercayaan.

Saya berharap dan berseru kepada pihak-pihak yang lain supaya berilah peluang kepada wanita jika wanita itu berkemampuan, tetapi tidak payahlah beri peluang jika dia tidak berkemampuan. Soal yang kedua dalam soal petugas wanita di perkhidmatan awam.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, panjang lagi Yang Berhormat, ada banyak lagi?

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Panjang lagi Datuk.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Teruskan.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Ya, apa yang disebutkan oleh Bukit Mertajam kelmarin dari segi *sexual harassment* yang berlaku di jabatan-jabatan. Ini juga tidak dapat kita nafikan bahawa ianya memang berlaku. Soal ini bagi negara kita, kita agak merasa kecewa kerana soal ini soal yang berlaku dan tidak didedahkan secara terbuka. Walau bagaimanapun, tidak dapat dinafikan ada sebilangan wanita kita yang bekerja di jabatan-jabatan kerajaan di mana sudah tentulah ketua-ketua jabatannya terdiri daripada kaum lelaki - ramai kaum lelaki yang baik, bukan saya menyebutkan bahawa ramai yang tidak baik, ramai yang baik tetapi kalau adalah ketua-ketua jabatan ini yang mempunyai sikap dan moral yang tidak baik - wanita-wanita kita akan terdedah kepada *sexual harassment*.

Buat masa sekarang ini kita belum ada satu bentuk sistem ataupun cara untuk kita mengelakkan keadaan ini daripada berleluasa. Saya tahu bahawa di Universiti Utara ada satu kajian telah pun dibuat tetapi saya belum tahu sama ada kajian ini telah dibentangkan oleh kerajaan ataupun tidak dan saya berharap pada pihak kerajaan supaya mengambil serius dalam soal ini. Saya sedar bahawa wanita-wanita yang terlibat ataupun wanita-wanita yang terjebak dalam keadaan ini, dia akan menghadapi keadaan yang begitu serba salah. Pertamanya kalau hendak didedahkan perkara ini akan menjejaskan kedudukannya sebagai pegawai ataupun sebagai petugas di jabatan yang berkenaan kadang-kadang tidak ada pembelaan. Baru-baru ini kita baca di surat khabar di mana seorang pegawai wanita di transfer ke sana sini dan kadang-kadang juga memalukan keluarga dan ini adalah satu perkara yang harus diambil perhatian.

Yang ketiganya, wanita-wanita kita hari ini tidak dapat bertugas, tidak dapat menjalankan tanggungjawab dengan sepenuhnya dan kadang-kadang masyarakat meletakkan kesalahan kepada wanita yang bertugas mengenai masalah sosial yang melanda anak-anak. Saya beberapa kali di Dewan ini berseru dan berharap kepada kerajaan memikirkan apakah bentuk usaha-usaha yang harus dijalankan supaya di samping kita memberi peluang kepada wanita-wanita bertugas....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, masa cukup. Yang Berhormat boleh sambung pada hari Isnin.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Ya, terima kasih Datuk.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ada usul.

USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 16(3)

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji No h bin Haji Omar]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan;

Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 16(3), mesyuarat ini hendaklah ditangguhkan sekarang. Terima kasih.

Timbalan Menteri Pendidikan [Dato' Hon Choon Kim]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

UCAPAN PENANGGUHAN
Menggesa Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
Menghentikan Operasi Tunda Kereta

5.31 ptg.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya memulakan ucapan saya dengan merujuk jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri kepada soalan saya pada 18 Julai, 2001 berhubung langkah mengatasi kesesakan lalu lintas dalam ibu negara dan kekurangan medan letak dan masalah operasi tunda kereta yang dibantahi orang ramai dan kedudukan jumlah penundaan dan amaun denda yang dikutip. Dalam jawapannya, di antara lain disebut bahawa menaik taraf siarkaki sebagai langkah mengatasi kesesakan lalu lintas, saya kurang setuju kerana siarkaki yang dibinakan terlalu lebar, ditinggikan dan ini menyebabkan jalan menjadi sempit kerana tidak dilebarkan dan menjadi halangan kenderaan termasuk kompaun kedai atau rumah sendiri. Bila hujan lebat, jalan raya menjadi sungai. Kita boleh menyaksikan semasa banjir tidak lama dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, kedua, dikatakan tempat letak kereta mencukupi dalam bandaraya baik disediakan DBKL dan pihak swasta bagi mengelakkan kesesakan. Sebenarnya, tempat letak kereta tidak cukup. Kereta terlalu banyak tetapi petak, medan letak kereta berbayar tidak pernah cukup. Cuba kita lihat kawasan pasar, kompleks beli-belah, pejabat, kedai, bank dan sebagainya. Semua menghadapi masalah tidak cukup tempat letak kereta. Itu sebab orang ramai terpaksa meletakkan kenderaan di bahu jalan, di tepi jalan, bukan dalam petak, membuat *double parking* kerana kecewa tidak dapat tempat kosong. Mereka pula meletakkan kenderaan bukan menyebabkan kenderaan lain terhalang untuk berjalan. Mereka pun tidak menutup jalan. Tetapi, mengapa operator tunda kereta sewenang-wenangnya menunda kereta tanpa memberi amaran supaya beralih ke tempat lain. Di manakah budi bicara dan pertimbangan sesama manusia? Kerja menunda boleh dilakukan jika pemandu enggan bekerjasama, ingkar arahan ataupun kenderaannya menyebabkan jalan tertutup, kenderaan lain tidak boleh lalu.

Tuan Yang di-Pertua, apatah lagi, orang luar yang datang ke Kuala Lumpur tidak biasa dengan jalan pun tidak terkecuali dari tindakan, menyebabkan mereka bersusah payah mencari wang untuk membayar kompaun RM300 campur upah tarik RM50. Berdasarkan angka yang diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri

sejak April 2000 hingga kini, DBKL telah menunda sebanyak 16,336 buah kenderaan dan kutipan kompaun berjumlah RM1,442,000. Ini satu jumlah yang besar secara purata lebih seribu kenderaan ditunda. Apakah sebab angka ini meningkat setiap bukan kerana masalah kekurangan tempat kereta?

Jika menunda kereta boleh selesai atau menurunkan kadar kesalahan lalu lintas tetapi mengapa angka kenderaan ditunda sentiasa bertambah? Ramai orang berpendapat bahawa ini merupakan satu sumber pendapatan DBKL. Saya percaya jika tempat letak kereta baru dan tambahan dibina di tempat-tempat yang sering berlaku penundaan kenderaan, dan pemandu-pemandu dapat meletakkan kenderaan mereka dengan baik, pasti tidak akan berlaku kes tunda kenderaan. Jawapan kepada masalah ini ialah DBKL hendaklah membina lebih banyak tempat letak kereta yang sesuai, murah sama ada bertingkat atau terbuka. Bukannya terletak pada penguatkuasanya menerusi operasi tunda yang boleh menyelesaikan masalah kesesakan lalu lintas. Itulah sebab pandangan orang ramai perlu diambil kira sebelum merancang atau melaksanakan sesuatu tindakan, baru orang ramai akan menghargai usaha tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu, saya sebagai mewakili penduduk-penduduk Kuala Lumpur, menggesa DBKL mengkaji semula operasi tunda kenderaan itu yang menyebabkan rakyat memaki hamun DBKL dan meluahkan kemarahan mereka kepada wakil rakyat. Kajian hendaklah meliputi apakah sebab pemandu suka meletakkan kenderaan di luar petak kereta. Menurut tinjauan saya, bahawa sebab adalah berpunca dari perancangan dan penyediaan tempat letak kereta yang tidak teratur dan tidak mencukupi.

Akhirnya, saya ingin merujuk kes yang menjadikan kemuncak kemarahan rakyat terhadap operasi tunda kereta yang menyebabkan kematian Wong Choon Lam pada 21 April, 2001. Menurut jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri, bahawa pihak polis terpaksa membebaskan empat orang kena tuduh kerana kematian bukan disebabkan oleh OKT (orang kena tahan). Akan tetapi, laporan autopsi Hospital Kuala Lumpur bil. P366/2001 ditandatangani oleh Dr. Abdul Rahman Yusof bahawa kematian disebabkan dengan izin, *blows from the blunt object on the top of the head causing the contre cop head injuries including the fractured skull, bleeding and the confusion of the brain. These injuries were not consistent with the fall, accidental or self-inflicted type of injury.*

Berdasarkan sebab yang diterima polis, mendiang terjatuh dari kenderaan sewaktu ditunda. Tiga jam selepas mendiang balik dari masa kenderaannya ditunda, iaitu balik dari tempat kereta ditunda, mendiang menemui ajalnya. Keluarga mendiang tidak berpuas hati dengan keputusan ini dan merayu Peguam Negara mengadakan *inquest* bagi menyiasat siapakah yang bertanggungjawab atas kematiannya. Akibat kejadian ini, DBKL menerima penghinaan dan patut belajar dari pengalaman pahit ini. Untuk menugaskan operator penunda pun mestilah mereka yang bertanggungjawab, bukan samseng jalanan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, sila.

5.38 ptg.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Noh bin Haji Omar]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Bukit Bintang. Kadar caj tunda dan simpanan kenderaan yang dikenakan oleh DBKL adalah rendah jika dibandingkan dengan kadar caj tunda bagi pasaran semasa. Kadar caj tunda untuk motosikal RM2, kereta RM50, bas atau lori atau kenderaan tidak melebihi 6,000 kilogram RM100 dan trailer serta kenderaan berat tanpa muatan melebihi 6,000 kilogram RM150 dan caj simpanan ialah RM5 sehari. Manakala kadar kompaun RM300 bukan bertujuan membebaskan para pemandu dan meningkatkan hasil pendapatan DBKL. Sebenarnya, ialah bertujuan bagi mendidik dan menyedarkan para pemandu agar mematuhi peraturan lalu lintas yang dikuatkuasakan. Berdasarkan rekod, tiada pemandu yang mengulangi kesalahan ini jika dibandingkan dengan mereka yang dikenakan kompaun yang rendah.

Pihak DBKL telah mengambil pelbagai pendekatan, memaklumkan kepada orang ramai melalui media massa, papan-papan tanda dan risalah mengenai operasi tunda. Berdasarkan kajian yang dilakukan, DBKL mendapati kemudahan tempat letak kereta adalah mencukupi dan kadar caj adalah munasabah. Walau bagaimanapun, terdapat pemandu-pemandu yang ingin mengelak caj bayaran tempat letak kereta dengan meletakkan kenderaan di tepi jalan, di luar petak letak kereta. Notis kompaun telah dihebahkan melalui media massa, papan-papan tanda dan risalah-risalah dan oleh itu, operator tunda tidak lagi perlu menunggu sehingga pemandu kenderaan datang ke kereta, baru tugas menunda hendak dilaksanakan.

Walaupun bagaimanapun, kuasa budi bicara ataupun *discretion power* masih digunakan jika didapati pemandu ada di dalam kenderaan. Pemandu akan

diarahkan supaya beredar untuk mengelakkan daripada diambil tindakan. Berdasarkan kajian, DBKL adalah ditegaskan bahawa tempat letak kereta sama ada di dalam bangunan atau terbuka secara bermeter atau terkawal di tanah-tanah lapang adalah mencukupi. Bagi kawasan-kawasan yang sesak, DBKL sentiasa menjalankan kajian impak lalu lintas terutama di pusat-pusat bandar. Tindakan menyediakan lebih banyak tempat letak kereta ini akan menarik lebih banyak kenderaan dan ia akan memburukkan lagi kesesakan lalu lintas.

Malah telah menjadi dasar bagi menggalakkan orang ramai menggunakan pengangkutan awam terutama di pusat-pusat bandar, tambahan pula kemudahan pengangkutan awam seperti bas, LRT dan komuter yang ada pada masa kini amat memuaskan dan mampu menampung permintaan pengguna sebagai alternatif kepada pengguna kenderaan persendirian. Berdasarkan rekod DBKL, terdapat 15 kes laporan rasmi berkaitan kekerasan yang dilakukan oleh operator tunda terhadap orang awam. Di samping itu juga terdapat tujuh kejadian menghalang ataupun mengganggu telah dilakukan oleh orang awam ke atas operator tunda yang sedang menjalankan tugas. Kajian tersebut melibatkan tindakan kekerasan oleh orang awam. Namun begitu DBKL akan mengambil tindakan tegas ke atas operator jika terdapat aduan rasmi serta bukti yang kukuh di mana 3 kes telah pun kita selesaikan di mana telah dikenakan tindakan taatertib ke atas pegawai-pegawai yang berkenaan.

Merujuk kepada kes kematian Wong Joon Nam, pihak DBKL telah memberikan kerjasama sepenuhnya kepada pihak polis bagi menjalankan siasatan berkaitan kes tersebut. Hasil siasatan menyeluruh pihak polis mendapati kematian tersebut tiada kaitan dengan sebarang perbuatan operator tunda DBKL. DBKL telah melaksanakan tindakan undang-undang ...

Tuan Tan Kok Wai: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Cheras bangun.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Ya, masa tidak ada ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Masa...

Tuan Tan Kok Wai: Masih ada masa empat minit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Masa tujuh minit setengah untuk itu.

Tuan Tan Kok Wai: Panjang lagi.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Tidak apa, saya habis nanti saya bagi. Bagi habis dulu. Bagi saya habis dulu. Nanti tidak lengkap di sini.

DBKL telah melaksanakan tindakan undang-undang tidak secara pilih-pilih sama ada dari segi pangkat, saiz kenderaan, asal sesuatu kenderaan dan sebagainya. Oleh itu tidak timbul sama ada orang luar Kuala Lumpur sering menjadi mangsa atau tidak. Kereta saya pun kena tunda juga, Yang Berhormat. Memandangkan tindakan mengeluarkan notis kompaun dan menyaman sahaja didapati tidak berkesan untuk mendisiplinkan para pemandu, oleh itu DBKL berpandangan...

Tuan Tan Kok Wai: Penjelasan. Sebab perkara sudah lepas kalau saya tidak ikut sekarang...

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Saya tahu. Ini kes kematian, nanti. Tindakan menunda merupakan satu tindakan yang sesuai dilaksanakan. Pihak DBKL telah memberi peluang kepada pemandu atau pemiliknya menuntut kembali kenderaan yang ditunda dengan menjelaskan bayaran caj tunda serta kos menyimpan terlebih dahulu tanpa menjelaskan bayaran kompaun. Manakala bayaran kompaun perlu dijelaskan dalam tempoh 14 hari mulai dari tarikh kompaun dikeluarkan. Tindakan pendakwaan akan dilakukan jika gagal menjelaskan bayaran kompaun tersebut.

Akhir sekali, secara keseluruhannya operasi tunda telah berjaya membantu mengurangkan masalah lalu lintas dan seterusnya dapat mengurangkan masalah pemandu meletakkan kereta sewenang-wenangnya di sekitar bandar raya Kuala Lumpur berdasarkan kajian yang dibuat oleh DBKL dan Universiti Teknologi MARA. Oleh itu kajian sebelum dan selepas operasi tunda dilaksanakan mendapati ianya memberikan kesan yang positif di mana masalah meletak kereta sewenang-wenangnya makin berkurangan dan kesalahan ini telah menurun sebanyak 20%.

Tuan Tan Kok Wai: Adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sedar sebab menurut jawapannya mendiang Wong Joon Nam itu kematiannya bukan disebabkan oleh kelakuan pekerja tunda kereta. Tetapi saya ingin memberitahu Yang Berhormat, jika tidak sedar, kes kematiannya masih dalam siasatan dan belum lagi selesai. Dan sungguh pun empat orang pekerja tunda kereta dibebaskan disebabkan ada seorang saksi yang menyatakan mendiang Wong Joon Nam itu jatuh dari kereta tetapi menurut laporan autopsi oleh pakar pathologist di Hospital Kuala Lumpur, laporan itu

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, perkara ini juga disebutkan oleh Yang Berhormat Bukit Bintang tadi.

Tuan Tan Kok Wai: Ya, ya, ya. Sebab laporan itu ... Sebab Yang Berhormat pun menjawab bertentangan dengan laporan autopsi. Autopsi kata kematiannya bukan disebabkan kelakuan beliau sendiri tetapi kerana otaknya pecah dipukul oleh blunt object. Ini laporan autopsi, bukan laporan DBKL.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, cukup sebab masa....

Tuan Tan Kok Wai: Mengapa DBKL boleh sampai keputusan awal-awal lagi untuk mengatakan di sini kematiannya bukan disebabkan pekerja tunda kereta. Mereka masih adalah suspect utama dalam kes ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cheras, cukup Yang Berhormat...

Tuan Tan Kok Wai: Harus tarik balik kenyataan itu. Ini satu kenyataan paling tidak bertanggungjawab. Saya pun juga berasa

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, bukan masa untuk berucap...

Tuan Tan Kok Wai: Penjelasan lagi. Penjelasan yang kedua, mengapakah DBKL ekoran selepas kematian mendiang Wong Chun Nam itu langsung

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat....

Tuan Tan Kok Wai: ...tidak pun satu ucapan takziah disampaikan kepada keluarga si mati. Ini satu perbuatan, satu sikap yang.. ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ini bukan ambil peluang berucap. *[Pembesar suara dimatikan]* Sila duduk.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Yang Berhormat ini hendak ambil kesempatan berucap. Hari ini ucapan penangguhan. Saya tadi baca bahawa saya kata hasil siasatan menyeluruh pihak polis, bukan kita kata bandar raya. Tetapi kalau Yang Berhormat mengatakan bahawa kesnya masih disiasat, saya bersetuju. Sebagai rakyat biasa, saya juga wakil rakyat, kalau betul disebabkan kekasaran dan kesilapan DBKL memang layak, memang sepatutnya Yang Berhormat atau juga keluarga mendiang Wong Joon Nam bawa kes ini ke mahkamah. Bawa, saya sokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat cukup.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Ini memang betul. Tetapi sekarang ini saya hendak nyatakan kepada Yang Berhormat setakat hari ini laporan yang kita dapat ialah daripada polis dan ianya tidak ada kaitan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat...

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Dan juga laporan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat...

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Ya..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Masa cukup.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Saya hendak bagi dia sikat. Laporan autopsi ini semuanya, Yang Berhormat, ini laporan-laporan daripada perubatan. Ini boleh dibawa ke mahkamah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup Yang Berhormat. Masa cukup sebab ada lagi satu usul penangguhan.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Okay, terima kasih.

Tuan Tan Kok Wai: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup. Setiausaha.

Pelajar Tidak Mendapat Tempat di IPTA dan Nisbah Kuota

5.47 ptg.

Tuan Kerk Kim Hock [Kota Melaka]: Tuan Yang di-Pertua, apabila berlakunya aduan bahawa terdapat lebih 500 pelajar SPM cemerlang tidak terpilih ke IPTA untuk sesi akademik 2001-2002, kementerian telah berjanji akan menyelesaikan masalah ini. Menteri Pendidikan harus memberitahu Dewan ini berapakah pelajar cemerlang yang telah berjaya dalam rayuan mereka dan apakah langkah kerajaan untuk mengelakkan kejadian ini berulang pada tahun-tahun yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, pada 8 Mac 2000, Biro Hal Ehwal Universiti Pemuda MCA telah menyerahkan satu memorandum mengenai isu pendidikan kepada Timbalan Menteri Pendidikan. Selepas beliau menerima memorandum itu, Dato' Hon Choon Kim telah mengumumkan bahawa Kementerian Pendidikan akan memastikan nisbah pengambilan masuk universiti bagi bumiputera dan bukan bumiputera di IPTA adalah 55-45 iaitu seperti ditetapkan oleh kerajaan. Mengikut statistik yang terkandung dalam laporan MAPEN I dan II jelas bahawa nisbah 55-45

yang telah dipersetujui tidak dipatuhi oleh IPTA pada dua dekad yang lalu. Statistik berkenaan adalah seperti berikut:

Tahun	Pelajar bumiputera (%)	Pelajar bukan bumiputera (%)
1970	40.2	59.8
1980	62	38
1985	63	37
1988	60.4	39.6
1990	65.9	34.1
1999	69.9	30.1

Kementerian harus menjelaskan apakah sebabnya nisbah tidak dipatuhi dan apakah nisbah sebenarnya bagi tahun-tahun lalu dan tahun ini.

Dalam satu jawapan bertulis yang diberikan kepada saya pada 23 Julai tahun ini Menteri Pendidikan menyatakan bahawa secara keseluruhan pengambilan pelajar ke IPTA setiap tahun adalah berdasarkan kuota 55-45 bagi bumiputera dan bukan bumiputera.

Beliau juga menjelaskan bahawa nisbah tersebut tidak mengambil kira kemasukan pelajar ke Universiti Teknologi MARA yang dikhususkan kepada pelajar bumiputera sahaja dan ia juga tidak mengambil kira pengambilan ke Universiti Islam Antarabangsa Malaysia yang menawarkan kursus-kursus berteraskan Islam dan sebahagian besarnya menggunakan bahasa Arab.

Demi prinsip ketelusan dan akauntabiliti, kerajaan harus memberikan statistik terperinci dan lengkap untuk membuktikan bahawa nisbah 55:45 memang ada dipatuhi di IPTA setelah statistik di dua universiti tersebut tidak diambil kira. Jadi, jika janji nisbah kuota tidak dipatuhi, apakah sebabnya? Terima kasih.

5.51 ptg.

Timbalan Menteri Pendidikan [Dato' Hon Choon Kim]: Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin untuk memberikan penjelasan terhadap perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Kota Melaka mengenai masalah pengambilan pelajar ke institusi pengajian tinggi awam (IPTA).

Untuk makluman, Kementerian Pendidikan telah mengambil tindakan untuk mengkaji semula kedudukan pelajar-pelajar jurusan SPM yang cemerlang tetapi tidak dapat tempat di IPTA. Berikutan dengan itu, pelajar-pelajar SPM yang mendapat 10A dan sebahagiannya 9A di dalam SPM yang lalu, telah ditawarkan untuk mengikuti pengajian peringkat ijazah pertama di beberapa IPTA iaitu 9 tempat di Universiti Malaya, 96 tempat di Universiti Teknologi Malaysia dan 170 tempat di Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn.

Akan tetapi saya ingin memaklumkan kepada Yang Berhormat, daripada jumlah 275 orang yang ditawarkan, hanya 56 calon yang melaporkan diri iaitu 5 orang di UM, 26 orang di UTM dan 25 di KUTTHO.

Kriteria pengambilan pelajar bagi calon lepasan SPM untuk memasuki IPTA adalah berasaskan kepada markah merit keseluruhan yang terdiri dari dua komponen iaitu komponen akademik iaitu 90 markah dan komponen kedua iaitu komponen ko-kurikulum 10 markah.

Bagi pelajar jurusan Sains, pemberian markah komponen akan mengambil kira pencapaian akademik dalam 5 mata pelajaran Sains terbaik iaitu Matematik, Matematik Tambahan, Kimia, Fizik dan Biologi.

Tuan Yang di-Pertua, permohonan dari pelajar-pelajar lepasan SPM untuk memasuki IPTA terus meningkat dari setahun ke setahun. Pada tahun ini, seramai 43,987 calon yang layak diambil iaitu 25,714 bumiputera dan 18,273 bukan bumiputera. Jumlah tempat yang ditawarkan adalah kecil iaitu sebanyak 4,433 tempat sahaja kerana program seperti ini bukan program biasa dan yang ditawarkan.

Untuk makluman, saya ingin menyatakan di sini supaya tidak berlaku salah faham bahawa kelayakan hakiki untuk memasuki ke IPTA ialah prestasi dalam peperiksaan STPM dan matrikulasi dan bukannya SPM. Walau bagaimanapun, sebagai kes khas di universiti-universiti tertentu dan dengan kadar yang sangat terhad, pelajar-pelajar lepasan SPM yang mendapat keputusan yang sangat cemerlang juga ditawarkan tempat di IPTA tetapi ini tertakluk kepada adanya tempat dengan tenaga pengajar yang mencukupi dan dalam kursus-kursus tertentu sahaja. Universiti-universiti yang menawarkan program ini hanyalah di UTM, KUTTHO dan UM. Bagi UM, cuma satu kursus sahaja.

Terdapat beberapa faktor yang menyebabkan pelajar lepasan SPM yang cemerlang tidak mendapat tempat di IPTA. Antaranya memohon kursus-kursus pilihan yang kompetitif seperti kejuruteraan kimia, kejuruteraan elektrik, kejuruteraan

mekanikal dan kursus-kursus kejuruteraan yang lain di mana markah merit pelajar di bawah mata potongan (*cut-off point*) yang dipohon, sedangkan terdapat ramai calon yang memohon kursus. Terdapat juga kes di mana pelajar gagal dalam temu duga untuk kursus yang memerlukan temu duga. Persaingan untuk kursus tersebut adalah tinggi memandangkan bilangan tempat yang ada adalah terhad.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian ini berpandangan pengambilan pelajar berdasarkan merit keseluruhannya perlu diteruskan kerana sistem ini telah diterima pakai sejak beberapa tahun yang lalu, malah ianya selaras dengan falsafah pendidikan negara yang memberi penekanan ke arah mewujudkan insan yang seimbang dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani.

Walau bagaimanapun, sekiranya perkiraan merit kokurikulum dikatakan menjadi penyebab mengapa sebilangan pelajar cemerlang tidak mendapat tempat di IPTA, maka cara terbaik untuk mengatasi masalah ini ialah dengan mengambil kira merit akademik sahaja seperti mana yang telah diputuskan oleh kabinet baru-baru ini.

Sehubungan itu juga, dasar kemasukan ke IPTA akan dimantapkan dari masa ke semasa agar pelajar-pelajar cemerlang mendapat peluang yang lebih ke IPTA. Kementerian Pendidikan sentiasa memantau pelaksanaan sistem yang ada dan mengambil langkah berterusan untuk memperbaiki sistem yang sedang dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, statistik yang terkandung dalam laporan MAPEN 1 dan MAPEN 2, seperti yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat bagi Kota Melaka adalah berbeza kerana ia mengambil kira pengambilan pelajar untuk mengikuti pengajian di UiTM, UIAM dan Fakulti Pengajian Islam di UM dan UKM. Sebenarnya pelaksanaan kuota 55:45 tidak meliputi universiti-universiti dan kursus-kursus yang saya sebut tadi.

Untuk makluman, sebenarnya pada awalnya tawaran kepada pelajar lepasan SPM, saya ingin memberitahu kepada Yang Berhormat, bagi calon keturunan Cina yang ditawarkan program ijazah di UTM, KUTTHO dan UM adalah seramai 1,580 pelajar, manakala jumlah tempat yang ditawarkan seperti yang saya sebut tadi adalah sebanyak 4,433. Ini bermakna peratusan pelajar Cina yang diambil adalah 36%. Jadi, saya berharap Yang Berhormat tidak timbulkan masalah ini lagi.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kuota 55:45 adalah berdasarkan kepada merit keseluruhan pengambilan dan bukannya mengikut kursus. Justeru itu,

tidak berlaku penyelewengan dalam pelaksanaan sistem kuota berhubung dengan kemasukan pelajar di IPTA. Penghapusan kuota akan memberi implikasi terhadap dasar ekonomi negara dan bermatlamat untuk mewujudkan keharmonian di kalangan rakyat agar kemajuan negara dapat dikekalkan. Memandangkan permintaan.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sila gulung.

Dato' Hon Choon Kim: Ya. Memandangkan permintaan untuk tempat-tempat di IPTA kian meningkat, Kementerian Pendidikan sedang berusaha keras menambahkan peluang-peluang melanjutkan pelajaran....

Tuan Kerk Kim Hock: Saya tidak minta hapuskan kuota dan sebagainya dalam ucapan saya, cuma angka bagi tiap-tiap tahun. Apakah nisbah sebenarnya? Jawab soalan itu sahaja.

Dato' Hon Choon Kim: Saya sudah sebut...

Tuan Kerk Kim Hock: Nisbah sebenar bagi tahun-tahun...

Dato' Hon Choon Kim: Saya sudah sebut bagi tahun ini, pengambilan masuk IPTA lepasan SPM bagi pelajar keturunan Cina adalah 36%.

Tuan Kerk Kim Hock: Ini semua kita bagi awal-awal. Jawab dengan spesifik apakah...

Dato' Hon Choon Kim: Itu pun sangat spesifik.

Tuan Kerk Kim Hock: Tidak ada, untuk tahun-tahun yang saya sebutkan dalam MAPEN itu kalau berbeza, bagi angka kementerian, apa dia? Tolak semua yang disebutkan itu, UIAM kah, UiTM, tolak semua itu, apakah nisbah yang sebenarnya. Jangan elak, jangan lari, itu sahaja.

Dato' Hon Choon Kim: Kita tidak akan lari.

Tuan Kerk Kim Hock: Bagi sekarang, bagi sekarang.

Dato' Hon Choon Kim: Saya tidak ada angka di sini.

Tuan Kerk Kim Hock: Kalau tidak bagi, jangan elak, bagi saya secara bertulis....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, saya hendak...

Tuan Kerk Kim Hock:saya akan terima.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, bilakah Yang Berhormat majukan kepada

Tuan Kerk Kim Hock: Saya sudah bagi awal-awal, sebelum persidangan dilangsungkan, kita diminta mengikut peraturan, kena bagi ringkasan ucapan...

Dato' Hon Choon Kim: Tuan Yang di-Pertua, saya minta teruskan....

Tuan Kerk Kim Hock: Saya sudah bagi cukup notis sebelum persidangan. Jangan lari. Kalau tidak boleh, bagi secara bertulis....

Dato' Hon Choon Kim: Kita tidak akan lari.

Tuan Kerk Kim Hock: Boleh bagi bertulis tidak? Jawapan bertulis.

Dato' Hon Choon Kim: Saya sekarang tidak ada angka untuk keseluruhannya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Tuan Kerk Kim Hock: Macam mana tidak ada angka ?

Puan Fong Po Kuan: *[Menyampuk]*

Dato' Hon Choon Kim: Tadi saya sudah sebut..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, masa cukup.

Dato' Hon Choon Kim: Okay, saya hendak gulung.

Tuan Kerk Kim Hock: Ini cuba selamatkan dia ini macamkah?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Masa cukup.

Tuan Kerk Kim Hock: Bagi jaminan akan bagi bertulis, saya boleh terima. Saya bagi ini awal-awal, permintaan semua ikut peraturan sebelum Dewan di adakan, kita kena bagi ringkasan isu ucapan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, masa cukup.

Tuan Kerk Kim Hock: Bagilah, mana janji...

Dato' Hon Choon Kim: Okay, sedikit sahaja.

Tuan Kerk Kim Hock:akan bagi bertulis tidak?

Dato' Hon Choon Kim: Kita akan berilah secara bertulis.

Tuan Kerk Kim Hock: Okay, janji, bila? Next week, ya, next week.

Dato' Hon Choon Kim: Memandangkan permintaan untuk tempat-tempat di IPTA kian meningkat, Kementerian Pendidikan sedang berusaha menambahkan peluang-peluang melanjutkan pelajaran. Selain daripada penambahan tempat di IPTA sedia ada, kerajaan juga akan menubuhkan beberapa IPTA baru iaitu Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia dan Kolej Universiti Sains dan Teknologi Kebangsaan Malaysia.....

Puan Fong Po Kuan: Tidak payah, tidak payah.

Dato' Hon Choon Kim:selain merancang pembinaan IPTA di beberapa buah negeri yang layak seperti di Perlis dan Pahang. Kerajaan harap soal kemasukan di universiti

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat...

Dato' Hon Choon Kim: ...dan soal kuota tidak dijadikan isu dibangkit-bangkit....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sudah lebih daripada tujuh setengah minit.

Dato' Hon Choon Kim: ...oleh kepentingan politik.

Beberapa Ahli Pembangkang: *[Menyampuk]*

Dato' Hon Choon Kim: Jadi, saya ucapkan berbanyak terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan yang mulia ini ditangguhkan sekarang dan akan bersidang semula pada jam 10.00 pagi, hari Isnin, 30 Julai 2001 .

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.00 petang.

DR.26.7.2001

Julai 2001

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Amat Berbahagia Tuan Yang di-Pertua, Tun Dr. Mohamed Zahir bin Haji Ismail, S.S.M., P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.(Brunei), D.K.(Perlis), D.K.(Johor), D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P. (Sarawak), D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.M.N., P.I.S. (Kubang Pasu)

“ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N., S.P.M.S. (Kepala Batas)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik, S.P.M.P., D.G.S.M., D.P.M.P. D.P.M.S. (Labis)

“ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)

“ Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N, D.P.C.M. (Beruas)

“ Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Amar Leo Moggie anak Irok, D.A., P.N.B.S. (Kanowit)

“ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., S.P.M.T., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)

“ Menteri Pertahanan, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P, S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.S., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan)

“ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato' Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)

“ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)

“ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.I.S., B.S.I., S.M.J., P.S.M., S.P.M.J. (Pagoh)

“ Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.I.M.P, S.M.J, P.I.S (Bakri)

” ***Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato' Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman, D.S.A.P., D.I.M.P. (Paya Besar)***

Yang Berhormat Menteri Penerangan, Tan Sri Dato' Seri Mohd. Khalil bin Yaakob, P.S.M., S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P., J.S.M., S.M.P. (Kuantan)

“ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, P.G.D.K., D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)

- “ Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Seri Ong Ka Ting, D.P.M.P. (Pontian)
- “ Menteri Pembangunan Usahawan, Dato’ Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- “ **Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ Haji Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)**
- “ Menteri Belia dan Sukan, Dato’ Hishammuddin bin Tun Hussein, D.S.A.P., D.P.M.J. (Tenggara)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok (Kinabalu)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim, S.P.N.S., D.S.N.S. (Jelebu)
- “ Menteri Pertanian, Datuk Effendi Norwawi (Kuala Rajang)
- “ Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga, Dato’ Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Dato’ Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
- “ Timbalan Menteri Penerangan Dato’ Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
- “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.D.K., J.B.S. (Mukah)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato’ Seri Dr. Suleiman bin Mohamed D.P.M.S., S.S.S.A(Titiwangsa)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K. (Miri)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Kerk Choo Ting, D.P.M.P. (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)
- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ S. Subramaniam, D.P.M.J., D.S.N.S., S.M.J. (Segamat)
- “ Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Douglas Uggah Embas, P.G.B..K., P.B.S., A.B.S., A.M.N. (Betong)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Chor Chee Heung, D.S.D.K., A.M.N., J.P. (Alor Setar)

- “ Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Tan Sri Dato' Seri DiRaja Ramli bin Ngah Talib, P.C.M., S.P.C.M., A.M.N., J.P. (Pasir Salak)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor)
- “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato' Zainal bin Dahalan, P.J.K., K.M.N., J.S.M., D.P.M.S. (Sabak Bernam)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai)
- “ Mulia Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tengku Dato' Seri Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut)
- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Tuan Mohamed Khaled bin Haji Nordin P.I.S. (Johor Bahru)
- “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Datuk Anifah Aman (Beaufort)
- “ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dr. Tiki anak Lafe (Mas Gading)
- “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Dr. Ng Yen Yen (Raub)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dr. Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing)
- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato' Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., S.D.K., B.C.K., K.M.N., P.J.K. (Langkawi)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri, Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin, D.G.S.M., D.M.S.M., A.M.N. (Jasin)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Puan Hajah Khamsiyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Gerik)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Noh bin Haji Omar, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Datuk Yong Khoo Seng, D.S.P.N., K.M.N. (Stampin)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)

- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Tuan S. G. Sothinathan (Telok Kemang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Robia binti Dato' Kosai (Muar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato' S. Veerasingam, P.M.P., A.M.P., A.M.N. (Tengah)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan, Datuk Rizalman bin Abdullah, P.G.D.K., J.P. (Tenom)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Puan Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim, P.B.S., P.P.B., (Santubong)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan, Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Fu Ah Kiow, D.I.M.P. (Mentakab)
- “ Drs. Haji Abu Bakar bin Othman (Jerlun)
- “ Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron, S.M.K. (Rantau Panjang)
- Yang Berhormat Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Batu Berendam)
- “ Datuk Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang, D.S.S.S.M.T. (Marang)
- “ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
- “ Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh, P.S.M., S.P.M.P. (Kangar)
- “ Dato' Haji Abdul Kadir bin Annuar, S.P.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N. (Pulai)
- “ Tuan Abd. Rahman bin Yusof (Kemaman)
- “ Tan Sri Datuk Patinggi Abdul Taib Mahmud, S.P.M.J., S.P.M.T., S.S.S.A, S.S.A.P., S.S.D.K., P.S.M., S.P.M.B., D.G.S.M., P.K.C, D.P. (Kota Samarahan)
- “ Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
- “ Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop, B.K.T., J.P., D.M.S.M., K.M.N., D.C.S.M. (Alor Gajah)
- “ Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- “ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datoh)
- “ Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar (Larut)
- “ Tuan Alexander Nanta Linggi, A.B.S. (Kapit)
- “ Tuan Alwi bin Jusoh (Pasir Puteh)

- “ Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
- “ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
- “ Dato' Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, D.P.M.S., A.S.A. (Hulu Langat)
- “ Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang)
- “ Tuan Bung Moktar bin Radin, A.D.K., A.S.D.K. (Kinabatangan)
- “ Tuan Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
- “ Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak, P.J.K. (Setiu)
- “ Puan Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara)
- “ Puan Chong Eng (Bukit Mertajam)
- “ Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong)
- “ Tun Dato' Daim Zainuddin, D.G.S.M., S.S.M., S.P.M.S., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)
- “ Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor, D.S.D.K. (Pendang)
- Yang Berhormat Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang)
- “ Puan Fong Po Kuan (Batu Gajah)
- “ Tuan Goh Kheng Huat (Nibong Tebal)
- “ Dato Goh Siow Huat (Rasah)
- “ Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali, D.I.M.P., S.M.S. (Parit Buntar)
- “ Tuan Hassan bin Mohamed (Besut)
- “ Tuan Henry Sum Agong, A.K. (Bukit Mas)
- “ Dato' Hew See Tong, D.P.M.P., J.P. (Kampar)
- “ Dato' Ho Cheong Sing, P.M.P., A.M.N. (Ipoh Barat)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Husam bin Haji Musa (Kubang Kerian)
- “ Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasir Mas)
- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, J.B.S., K.M.N., P.P.B. (Baram)
- “ Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis, D.I.M.P., (Rompin)
- “ Dr. James Dawos Mamit, P.P.B., P.P.S. (Mambong)
- “ Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Lim Donald (Sri Aman)
- “ Tuan Joseph Mauh anak Ikeh (Selangau)
- “ Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan, P.G.D.K., P.N.B.S., S.S.A.P., S.P.D.K. (Keningau)
- “ Tuan Joseph Salang anak Gandum (Julau)
- “ Tuan Juslie bin Ajirol, A.S.D.K. (Libaran)
- “ Dato' Kamarudin bin Jaffar, B.C.M, D.S.N.S. (Tumpat)
- “ Tuan Kerk Kim Hock (Kota Melaka)
- “ Tan Sri Dato' Dr. K.S. Nijhar, P.S.M., S.P.M.J., J.M.N. (Subang)
- “ Tuan Kong Cho Ha (Lumut)

- “ Datuk Lau Ngan Siew, A.D.K., K.M.N., P.G.D.K. (Sandakan)
- “ Tuan Lee Kah Choon (Jelutong)
- “ Puan Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K. (Padang Serai)
- ” Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- ” Tuan Liow Tiong Lai, S.M.P. (Bentong)
- Yang Berhormat Dato’ Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- ” Tuan Mah Siew Keong (Teluk Intan)
- ” Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar (Pokok Sena)
- ” Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin (Arau)
- “ Tuan Haji Mat Basir bin Rahmat (Parit)
- “ Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
- “ Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz, P.N.J., S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N. (Sri Gading)
- “ Tuan Mohamad bin Sabu (Kuala Kedah)
- “ Tuan Mohamed Nasir bin Che Daud (Kuala Krai)
- “ Tuan Mohamed Sayuti bin Said, P.P.T., P.J.K., P.P.N. (Kuala Selangor)
- “ Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan, P.J.N., S.M.J., K.M.N., P.I.S., A.M.N., P.P.N. (Tebrau)
- “ Tuan Mohd. Amar bin Abdullah (Pengkalan Chepa)
- “ Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad (Jeli)
- “ Datuk Seri Panglima Mohd. Salleh bin Tun Md. Said Keruak, P.G.D.K. (Kota Belud)
- “ Datuk Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh)
- “ Tuan Mohd. Yusoff bin Mohd. Nor, P.P.N., J.M.N. (Machang)
- “ Dato’ Mohd. Zain bin Omar, D.S.P.N., K.M.N., P.J.K, P.J.M., (Balik Pulau)
- “ Dato’ Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Shah Alam)
- “ Tuan M. Shukrimun bin Shamsudin (Kuala Nerus)
- “ Tuan Muhamad bin Mustafa (Peringat)
- “ Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid (Hulu Terengganu)
- “ Datuk Mustafa bin Ali, D.P.M.T. (Dungun)
- “ Datuk Napsiah binti Omar (Kuala Pilah)
- “ Tuan Nasharudin bin Mat Isa (Yan)
- “ Tuan Ng Lip Yong (Batu)
- “ Datuk Osu bin Sukam, S.P.D.K., P.G.D.K., D.A. (Papar)
- ” Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.P.B., P.P.C., K.M.N., P.N.B.S., J.B.S., A.M.N., P.B.S. (Saratok)
- “ Tuan Philip Benedict Lasimbang, A.S.D.K. (Penampang)

Yang Berhormat	Puan P. Komala Devi, P.P.T. (Kapar)
"	Datuk Railey bin Haji Jeffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
"	Tuan Ramli bin Ibrahim (Kota Bharu)
"	Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
"	Tuan Richard Riot anak Jaem (Serian)
"	Tuan Robert Lau Hoi Chew, J.B.S., (Sibu)
"	Tuan Ronald Kiandee, A.S.D.K. (Beluran)
"	Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad, D.M.S.M., P.I.S. (Parit Sulong)
"	Tuan Saupi bin Daud (Tanah Merah)
"	Datin Paduka Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin, D.S.S.A (Sepang)
"	Dato' Shahnnon bin Ahmad, D.S.D.K., K.M.N. (Sik)
"	Tuan Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin)
"	Tuan Shim Paw Fatt, J.P. (Tawau)
"	Tuan Haji Siam bin Haji Kasrin, K.M.N., P.I.S. (Batu Pahat)
"	Datuk Song Swee Guan, P.G.B.S. (Bandar Kuching)
"	Dato' Suhaili bin Abdul Rahman, D.I.M.P., A.S.D.K. (Labuan)
"	Puan Sukinam Domo (Batang Sadong)
"	Tan Sri Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)
"	Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi (Kuala Terengganu)
"	Tuan Taib Azamudden bin Md. Taib, J.B.S., A.M.N. (Baling)
"	Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
"	Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
"	Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew, D.S.S.A (Kelang)
"	Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh)
"	Tuan Thong Fah Chong (Ipoh Timur)
"	Dato' Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.S., D.P.M.P. (Gopeng)
"	Dato' Seri Tiong King Sing, D.S.S.A., J.P. (Bintulu)
"	Dato' Tiong Thai King, (Lanang)
"	Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail (Permatang Pauh)
"	Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, J.B.S., P.B.S. (Batang Lupar)
Yang Berhormat	Tuan Wan Nik bin Wan Yussof (Bachok)
"	Tuan Wilfred Madius Tangau, J.P., A.D.K. (Tuaran)
"	Dato' Yap Pian Hon, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
"	Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)

- “ Datuk Yong Teck Lee, P.G.D.K., P.J.N. (Gaya)
- “ Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, P.G.D.K., A.D.K. (Sipitang)
- “ Dato' Seri Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S, K.M.N (Gombak)
- “ Tuan Zawawi bin Haji Ahmad (Padang Terap)
- “ Dato' Zulhasnan bin Rafique, D.I.M.P., A.M.N. (Wangsa Maju)

MENTERI/TIMBALAN MENTERI (SENATOR)

- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Brig. Jen. (B) Datuk Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin, K.M.N., P.A.T., D.P.M.P., J.S.M., P.J.N.
- “ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam, P.S.M., P.G.D.K., J.S.M.
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Pandikar Amin Haji Mulia
- “ Menteri Pendidikan, Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamad, P.S.M., D.P.M.N., D.P.C.M.
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.M.S.M., D.P.M.S.
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor, K.M.N., D.S.D.K., D.I.M.P., D.S.A.P., P.J.N.
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk M Kayveas, P.J.N.
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Zainudin bin Maidin, P.J.N., J.M.N., S.M.S., A.M.K.

DEWAN RAKYAT

PEGAWAIPEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat
Datuk Mohd. Salleh bin Haji Hassan

Ketua Penolong Setiausaha

Roosme binti Hamzah
Zamani bin Haji Sulaiman
Haji Mustakin bin Salamat
Shahrom bin Haji Hasan

Penolong Setiausaha

Haji Mustafa bin Abdul Rahman

Ruhana binti Abdullah
Riduan bin Rahmat

JURUBAHASA SERENTAK
Ungku Fauzie bin Ungku A. Rahman
Mazidah binti Mohamed
Hajah Paizah binti Haji Salehuddin

BENTARA MESYUARAT
Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali
Mejar (B) Zakaria bin Salleh
Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah

PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN DOKUMENTASI

Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd. Hassan
Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop
Mohd Saleh bin Mohd. Yusop
Mohamed bin Osman
Hajah Norishah binti Mohd. Thani
Shamsina binti Janor
Ramlah binti Mohd. Yusuff
Jamilah Intan binti Haji Bohari
Nurziana binti Ismail
Noor Effarizan binti Mat Satib
Taharah binti Mohamed
Nik Elyana binti Ahyat
Marzila binti Muslim
Abu Bakar bin Hasan

PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN KOMPUTER

Mohd Shah bin Rahman
Sulaiman bin Sirad
Azzahar bin Hashim

PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN MESIN CETAK

Kamal bin Oyub
Haji Latif bin Ismail
Kamarod din bin Mohd. Yusof

PARLIMEN KESEPULUH**PENGGAL KETIGA****MESYUARAT KEDUA**

Jilid III**Bil. 35****Khamis****26 Julai 2001**

K A N D U N G A N**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN** (Halaman 1)**RANG UNDANG-UNDANG:**

Rang Undang-undang Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (Pindaan) 2001	(Halaman 22)
Rang Undang-undang Lembaga Elektrik Sabah (Pindaan) 2001	(Halaman 44)
Rang Undang-undang Bekalan Gas (Pindaan) 2001	(Halaman 74)
Rang Undang-undang Pencen (Pindaan) 2001	(Halaman 97)

USUL:

Menangguhkan Mesyuarat Di Bawah Peraturan Mesyuarat 16(3)	(Halaman 113)
---	---------------

UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN:**Menggesa Dewan Bandar Raya Kuala Lumpur****Menghentikan Operasi Tunda Kereta**

– Y.B. Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] (Halaman 113)

Pelajar Cemerlang Tidak Dapat Tempat di IPTA dan nisbah Kuota

– Y.B. Tuan Kerk Kim Hock [Kota Melaka] (Halaman 119)